

## K A N D U N G A N

### **USUL:**

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada  
Peraturan Mesyuarat dan Penangguhan (Halaman 1)

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN** (Halaman 1)

### **RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2002) 2002 (Halaman 17)

Rang Undang-undang Lembaga Perkhidmatan  
Kewangan Islam 2002 (Halaman 60)

Rang Undang-undang Pemberian Mengikut  
Bilangan Orang 2002 (Halaman 71)



**AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Michael Chen Wing Sum, P.S.M.  
D.P.M.S (Dilantik)

“ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Gapar bin Gurrohu  
(Dilantik)

“ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi,  
Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K., J.S.M.  
(Dilantik)

“ Menteri Pendidikan,  
Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamed, P.S.M., D.P.M.N.,  
D.P.C.M (Dilantik)

“ Menteri di Jabatan Perdana Menteri.  
Brig. Jen. (B) Datuk Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin(Dilantik)

“ Timbalan Menteri Pendidikan,  
Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.M.S.M.,  
D.P.M.S.(Dilantik)

“ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri,  
Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor (Dilantik)

“ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan  
Datuk M. Kayveas P.J.N.(Dilantik)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan  
Datuk Zainudin bin Maidin.(Dilantik)

“ Tuan Abdillah bin Abdul Rahim (Sarawak)

“ Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Abdullah bin Ayub (Dilantik)

“ Tuan Haji Abdul Malek bin Haji Abdul Ghani (Perlis)

“ Dato' Haji Ahmad bin Ismail (Pulau Pinang)

“ Puan Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd. Dun  
(Dilantik)

“ Tuan Haji Abdul Rahman bin Palit (Dilantik)

“ Dato' Haji Arzmi bin Haji Abdul Hamid (Kedah)

“ Tuan Benedict Bujang Tembak (Sarawak)

“ Datuk Dr. Charlie Chau Lap Chang (Dilantik)

“ Puan Hajah Che Jam binti Haron (Dilantik)

“ Dato' Dr. Chin Fook Weng (Pulau Pinang)

“ Datuk Christina Tibok Vanhouten (Sabah)

“ Datuk Ghazi bin Haji Ramli, D.P.M.S., D.I.M.P. (Selangor)

“ Dato' Hamzah bin Zainudin (Perak)

“ Tuan Hassan bin Haji Shukri (Terengganu)

“ Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan (Melaka)

---

Yang Berhormat	Tuan Ho Lim Teck (Melaka)
“	Puan Jamilah binti Ibrahim (Kelantan)
“	Datuk Haji Karim Ghani (Sabah)
“	Tuan Haji Karim bin Salleh (Perlis)
“	Tuan Kee Ah Kau (Selangor)
“	Datuk Long bin Jidin (Dilantik)
“	Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Haji Ahmad Raffae (Dilantik)
“	Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar (Dilantik)
“	Dato' Haji Mazlan bin Abu (Johor)
“	Puan Hajah Melati binti Ali (Pahang)
“	Puan Melanie Chia Chui Ket (Dilantik)
“	Datuk Haji Mohamed bin Omar Beledram (Dilantik)
“	Tan Sri Dato' Haji Mohamed bin Ya'acob, P.S.M., P.M.K., S.P.M.K., Dato' Bentara Kanan, S.M.T., P.G.D.K., D.A (Dilantik)
“	Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani (Dilantik)
”	Tuan K. R. A. Naidu (Dilantik)
“	Che Puan Sri Kelana D'Raja Datin (Dr.) Hajah Nik Azizah binti Haji Nik Yahya (Dilantik)
“	Datuk Nor Azah binti Awin (Dilantik)
“	Puan Nosimah binti Hashim (Dilantik)
”	Dato' Poo Yew Choy, D.I.M.P., A.M.P (Pahang)
“	Puan Hajah Puizah binti Haji Abu Kassim (Dilantik)
“	Tuan M. Ratnam (Dilantik)
“	Tuan M. Saravanan (Dilantik)
“	Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan (Dilantik)
“	Tuan R. Sinniah (Dilantik)
“	Puan Safinah binti Jusoh (Terengganu)
“	Puan See Too Mee (Johor)
“	Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff (Kelantan)
“	Tuan Udam @ George Adam Talek
“	To' Puan Wan Seri @ Wan Asiah binti Ahmad (Dilantik)
“	Tuan Wee Kok Tiong (Dilantik)

---

Yang Berhormat	Datuk William Lau Kung Hui (Dilantik)
“	Datuk Yaakob bin Haji Mohammad (Kedah)
“	Tuan Yew Teong Look (Dilantik)
“	Tuan Yew Tuan Chiew (Perak)
”	Tuan Zainal bin Rampak (Dilantik)
“	Tuan Zakaria bin Arshad (Negeri Sembilan)

**DEWAN NEGARA****PEGAWAI-PEGAWAI KANAN****Setiausaha Dewan Negara**

Dato' Abdullah bin Abdul Wahab

**Ketua Penolong Setiausaha**

Roosme binti Hamzah  
Zamani bin Haji Sulaiman  
Haji Mustakin bin Selamat  
Haji Shahrom bin Haji Hasan

**Penolong Setiausaha**

Haji Mustafa bin Abdul Rahman  
Ruhana binti Abdullah  
Riduan bin Rahmat

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN  
DOKUMENTASI**

Azhari bin Hamzah  
Monarita binti Mohd. Hassan  
Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop  
Mohamed bin Osman  
Hajah Norishah binti Mohd. Thani  
Zaiton binti Yaacob  
Ab. Talip bin Hasim  
Noorhazmah binti Hamzah  
Jamilah Intan binti Haji Bohari  
Nurziana binti Ismail  
Noor Effarizan binti Mat Satib  
Taharah binti Mohamed  
Nik Elyana binti Ahyat  
Marzila binti Muslim  
Syed Azuddin bin Syed Othman  
Habibunisah Mohd. Azir

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN  
MESIN CETAK**

Kamal bin Oyub  
Haji Latif bin Ismail  
Kamaroddin bin Mohd. Yusof

**JURUBAHASA SERENTAK**

Ungku Fauzie bin Ungku A. Rahman  
Mazidah binti Mohamed  
Hajah Paizah binti Haji Salehuddin

**BENTARA MESYUARAT**

Mejar (B) Zakaria bin Salleh  
Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah  
Lt Kol (B) Mohamed Nor bin Mohd.  
Darus

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN  
KOMPUTER**

Mohd Shah bin Rahman  
Sulaiman bin Sirad  
Azzahar bin Hashim

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN  
PERUNDANGAN**

Mohd. Shariff bin Hussein  
Azmi bin Othman  
Zafniza binti Zakaria  
Mohd. Sidek bin Mohd. Sani  
Mazlina binti Ali  
Norfailla binti Abdullah Sidi  
Alias bin Mohd. Nor

**MALAYSIA  
DEWAN NEGARA**

**Selasa, 9 Julai 2002**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

**USUL**

**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA  
PERATURAN MESYUARAT DAN PENANGGUHAN**

**Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:-

"Bahawa walau apa pun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Majlis Dewan Negara tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga selesai dipertimbangkan semua urusan kerajaan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini, dan apabila tamat, mesyuarat Dewan ini akan ditangguhkan kepada suatu tarikh yang tidak ditetapkan."

Terima kasih.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk M. Kayveas]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong usul itu.

Usul dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

*[Soalan No. 1 - Y.B. Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan tidak hadir]*

2. **Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, apakah pihak kementerian akan mewujudkan sebuah jabatan ataupun unit agama dalam PDRM yang diketuai oleh seorang pegawai kanan yang berpangkat sekurang-kurangnya SAC 1 dan menempatkan guru-guru bertauliah di ibu pejabat daerah polis dan batalion untuk membantu dan mendidik anggota-anggota yang beragama Islam.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri [Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin]:** Tuan Yang di-Pertua, masa kini, urusan aktiviti-aktiviti agama dikendalikan oleh pegawai kebajikan di kontinjen dan juga formasi berkenaan dengan dibantu oleh anggota bawahan dan pembantu hal-ehwal Islam. Sehubungan dengan itu, Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah memohon penambahan jawatan pegawai awam kepada agensi Pusat untuk kelulusan. Justeru itu, pihak PDRM sememangnya memberikan perhatian serius dalam hal-hal keagamaan dan cadangan untuk mewujudkan unit agama dalam PDRM seperti Kor Agama Angkatan Tentera (KAGAT) sedang dalam peringkat kajian mendalam bagi memastikan pegawai yang bertauliah akan mengendalikannya secara lebih teratur. Terima kasih.

3. **Dato' Haji Ahmad bin Ismail** minta Menteri Kerja Raya menyatakan, apakah kementerian bercadang menggunakan teknologi magnetik hidrodinamik untuk merawat air kerana ia lebih mesra alam bagi mengurangkan masalah hakisan dan keladak pada

paip agihan bagi menggantikan cara merawat air pada masa sekarang yang menggunakan bahan kimia.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya [Datuk Yong Khoo Seng]:**

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, kaedah rawatan air menggunakan magnetik hidrodinamik biasanya digunakan bagi mengurangkan masalah hakisan dan keladak pada sistem paip proses industri seperti *boilers* - dengan izin - *chillers* dan *heat exchanges* di tempat-tempat seperti hospital, kompleks bangunan, kilang dan hotel. Teknologi tersebut masih dianggap baru dan ia belum lagi digunakan dalam proses rawatan air mentah di loji-loji air negara ini. Pada masa kini, Kementerian Kerja Raya sedang mendapatkan maklum balas daripada operator rawatan air mengenai kesesuaian penggunaannya dan jika perlu, satu projek perintis akan dilaksanakan bagi menilai tahap keberkesannya. Sekian, terima kasih.

3. **Puan See Too Mee** minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan:-

- (a) adakah pihak kementerian telah mengambil langkah untuk mengadakan perancangan untuk corak perubahan masyarakat kita pada masa akan datang; dan
- (b) adakah pihak kementerian telah berganding bahu dengan pelbagai kementerian yang berkaitan, seperti Perancang Bandar, Kementerian Kesihatan, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat dan Kementerian Pengangkutan dalam mengkaji untuk memperkenalkan bentuk "Taman Asuhan Kanak-kanak" yang lebih sempurna.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Dato' S. Veerasingam]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, kementerian saya sememangnya sedang mengambil langkah dalam rancangan untuk mengubah corak masyarakat kita pada masa akan datang. Langkah utama yang sedang diambil oleh kementerian saya ialah penggubalan Dasar Sosial Negara di mana ia bertujuan mewujudkan sebuah masyarakat Malaysia maju yang teguh dengan setiap anggota masyarakat berpeluang dan berkemahiran untuk memperkembangkan potensi diri secara optimum di dalam persekitaran sosial yang sihat dengan ciri-ciri bersatu-padu, berdaya tahan, demokratik, bermoral, toleran, progresif, penyayang dan saksama.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat juga, bentuk taman asuhan kanak-kanak yang diiktiraf oleh kerajaan adalah yang berpendekatan perkembangan menyeluruh yang bermaksud perkembangan kanak-kanak di bawah empat tahun daripada segi fizikal, sosio-emosi, kognitif dan bahasa.

Sehubungan dengan ini, agensi-agensi kerajaan lain yang berkaitan seperti pihak berkuasa tempatan, Jabatan Buruh, Jabatan Bomba dan Penyelamat dan Jabatan Kesihatan juga terlibat secara langsung bagi memastikan taman asuhan kanak-kanak sentiasa selamat daripada segi keselamatan dan kesihatan. Usaha-usaha untuk meningkatkan kualiti jagaan dan membentuk taman asuhan kanak-kanak yang lebih sempurna merupakan sesuatu yang berterusan. Terima kasih.

**Puan See Too Mee:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, adakah pihak kementerian bercadang bahawa pihak swasta perlu juga digalakkan untuk menubuhkan pusat-pusat atau taman asuhan kanak-kanak di tempat kerja dan apakah kerajaan bercadang supaya pihak yang menubuhkan pusat-pusat sedemikian, diberikan insentif dengan cara seperti diberikan pengecualian cukai pendapatan dan sebagainya. Harap dapat sedikit pandangan daripada pihak kerajaan. Terima kasih.

**Dato' S. Veerasingam:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Puan See Too Mee yang begitu prihatin tentang kanak-kanak kita. Sebenarnya, kementerian saya menggalakkan badan-badan swasta untuk mengadakan taman-taman asuhan. Semua badan-badan besar seperti Petronas, Sime Darby, Hitachi Elektrik, *Sapura Holdings*, mereka ini semua ada taman-taman asuhan. Kami menggalakkan dan ada potongan cukai apabila mereka mengadakan taman

asuhan selama beberapa tahun, supaya mereka dapat balik wang yang mereka telah melabur untuk membina taman asuhan ini.

Bagi kerajaan pula, ada jabatan-jabatan yang ingin mengadakan. Kerajaan juga memberi peruntukan sebanyak RM50,000 supaya mengadakan taman asuhan yang selesa. Bagi tempat-tempat kerja di kementerian, Jabatan Persekutuan, ada sebanyak 54 agensi kerajaan dan juga jabatan yang ada taman asuhan untuk anak-anak kita. Terima kasih.

**Tuan K. R. A. Naidu:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh kementerian untuk membanteras keganasan di kalangan remaja di negara ini, khasnya keganasan yang keterlaluan di kalangan pemuda kaum India? Terima kasih.

**Dato' S. Veerasingam:** Tuan Yang di-Pertua, memang kementerian saya prihatin tentang masalah-masalah remaja dan kita sedang menjalankan banyak aktiviti untuk membanteras masalah sosial melalui rukun tetangga dan lain-lain. Kementerian juga melalui satu peruntukan daripada kerajaan telah memberi sebanyak RM2.7 million tiap-tiap tabung kepada Yayasan Strategik Sosial untuk mengadakan program-program membanteras masalah gejala sosial. Yang mustahak di sini, jika kita banding dengan gengsterisme, itu adalah sesuatu perkara yang patut diambil tindakan oleh pihak polis dan juga agensi-agensinya kerajaan yang berkenaan.

Yayasan Strategik Sosial atau lain-lain badan tidak mampu membanteras masalah sosial apabila gengsterisme yang terlibat. Tetapi, semua aktiviti yang sedang dijalankan adalah supaya murid-murid sekolah dan remaja-remaja tidak masuk kumpulan-kumpulan gengster yang sedia ada.

Jadi, kita di seluruh negara, di merata-rata tempat mengadakan program-program supaya anak-anak kita, khasnya yang ada di sekolah berasa sedar. Mereka mesti menjauhi diri daripada kumpulan-kumpulan gengster supaya masa hadapan mereka adalah cerah tanpa penglibatan mereka dalam keganasan dan aktiviti-aktiviti anti sosial ini.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sebenarnya 21 NGO ataupun badan-badan sukarela, bekerja dengan Yayasan Strategik Sosial untuk menjalankan program-program di seluruh negara. Badan-badan ini adalah badan-badan besar seperti *Hindu Youth Organization* dengan izin, *Tamil Belt Club*, Persatuan Dravidian dan banyak lagi NGO yang ada ahli yang banyak.

Kadang kala, ada juga NGO yang meminta kerajaan memberi ini, memberi itu. Mereka bukan NGO yang besar, yang biasanya *anti-establishment*, dengan izin, yang menentang semua perbuatan kerajaan. Ini bukan badan-badan sukarela yang bekerja untuk kebaikan orang ramai. Mereka adalah badan-badan yang sentiasa menuntut sesuatu tetapi badan-badan berkenaan adalah kecil. Mereka akan menunjukkan bahawa kerajaan tidak membuat apa-apa untuk orang ramai.

Sebenarnya, kerajaan mengambil semua tindakan supaya kita dapat mengatasi semua masalah. Masalahnya ada dalam semua kaum, bukan kaum India sahaja. Jadi, kerajaan mengambil tindakan supaya kita dapat mengatasi masalah-masalah yang dihadapi oleh masyarakat kita dan saya berharap semua agensi kerajaan dan kerajaan negeri terus membantu supaya kita dapat mengatasi masalah-masalah ini. Sekian, terima kasih.

**5. Datuk Christina Tibok Vanhouten** minta Menteri Pendidikan menyatakan:-

- (a) apakah statistik terbaru mengenai jumlah penuntut serta negeri atau negara asal pelajar di Universiti Malaysia Sabah; dan
- (b) apakah rakyat Malaysia di Sabah mendapat kuota istimewa dan kalau ada, apakah kuota itu dapat dipenuhi oleh pelajar Sabah.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Christina kerana ingin mengetahui berhubung dengan Universiti Malaysia Sabah. Untuk

makluman semua, lokasi Universiti adalah paling cantik di dunia ini, Universiti Malaysia Sabah sebenarnya ialah sebuah universiti yang paling cantik lokasinya di dalam dunia. Oleh sebab itu saya harap rakyat Malaysia sentiasa mengingati benda ini.

Berhubung dengan *enrollment* pelajar ijazah pertama di Universiti Malaysia Sabah, pada sesi akademik 2002/2003 mengikut negeri adalah seperti berikut:

NEGERI	JUMLAH
Perlis	57
Kedah	556
Pulau Pinang	515
Perak	832
Selangor	460
Negeri Sembilan	256
Melaka	197
Johor	627
Pahang	343
Terengganu	251
Kelantan	493
Wilayah Persekutuan	437
Sabah	4,421
Sarawak	1,149
Negara Lain	2
<b>JUMLAH</b>	<b>10,596</b>

Jumlah anak-anak Sabah 4,421. Dengan itu bererti bahawa kuota untuk anak-anak Sabah tidak pernah kurang daripada 40%. Sekian, terima kasih.

**Datuk Christina Tibok Vanhouten:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana membenarkan saya membuat soalan tambahan, terima kasih dan tahniah kepada Kementerian Pendidikan yang memberikan jawapan dan penjelasan yang begitu memuaskan. Universiti Malaysia Sabah, adalah sebuah universiti yang pertama di bina di Sabah walaupun Sabah telah merdeka melalui pembentukan negara Malaysia pada tahun 1963.

Negeri Sabah telah menunggu hampir 35 tahun setelah merdeka untuk mendapat sebuah universiti di negeri di bawah bayu. Universiti Malaysia Sabah adalah sebuah pembangunan yang kami di Sabah begitu berbangga dan sangat mengalu-alukan. Terima kasih kepada Kerajaan Barisan Nasional dan terima kasih kepada Kementerian Pendidikan.

Sehubungan dengan perkara yang sama, saya ingin tahu apakah kursus-kursus yang sedia ada di Universiti Malaysia Sabah sekarang dan adakah Kementerian Pendidikan mempunyai rancangan untuk memperkenalkan jurusan-jurusan lain daripada yang ada sekarang supaya mempelbagaikan lagi pilihan pelajaran di Universiti Malaysia Sabah, terima kasih.

**Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat. Hampir semua kursus yang ada di Universiti Malaysia Sabah terdapat di lain-lain universiti. Ada keistimewaannya iaitu di Sabah ada kursus *Marine Engineering* dan juga berhubung dengan sumber-sumber laut, saya rasa ini akan jadi satu universiti yang terutama di Asia ini dalam satu masa tertentu. Selain daripada itu juga kementerian akan menubuhkan fakulti perubatan di Universiti Malaysia Sabah tidak berapa lama lagi. Kita sedang membuat kajian atas keperluan ini dan kursus-kursus lain bolehlah saya jawab secara bertulis lagi nanti, terima kasih.

**Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, apakah kerajaan bercadang untuk memperkembangkan lagi pengambilan pelajar kepada semua IPTA di seluruh negara memandangkan ramai pelajar yang layak tetapi gagal kerana tempat yang terlalu terhad? Terima kasih.

**Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin:** Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan pendapat Yang Berhormat tapi dalam menentukan kemasukan pelajar-pelajar ke universiti kita harus mengkaji dahulu dari segi keperluan tenaga yang diperlukan oleh negara. Oleh sebab itu, Kementerian Pendidikan khususnya akan berhubung dengan Kementerian Sumber Manusia dan kementerian-kementerian lain untuk mendapat kedudukan yang sebenarnya supaya pelajar yang masuk ke universiti tidak menjadi sia-sia. Walaupun kita sedar pelajaran itu penting tetapi untuk keperluan negara yang sedang membangun kita harus memperuntukkan kewangan secukupnya supaya tidak kita menjadi membazir dalam soal tertentu namun demikian pandangan itu adalah satu pandangan yang baik, terima kasih.

6. **Puan Hajah Puizah binti Haji Abu Kassim** minta Perdana Menteri menyatakan hasil siasatan penyelewengan wang PPRT sejumlah RM36.5 juta oleh Badan Pencegah Rasuah (BPR) Malaysia.

**Setiasaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Noh bin Haji Omar]:** Tuan Yang di-Pertua, siasatan Badan Pencegah Rasuah terhadap dakwaan penyelewengan dalam projek PPRT masih lagi dijalankan, namun begitu seperti mana Yang Berhormat sedia maklum Seksyen 21(4) Akta Pencegahan Rasuah 1997 yang telah dikuatkuasakan mulai 8 Januari 1998 menyatakan, sesuatu aduan yang telah dibuat di bawah subseksyen (1) hendaklah dirahsiakan dan tidak boleh didedahkan oleh mana-mana orang kepada mana-mana orang selain pegawai badan dan juga pendakwa raya sehinggalah orang tertuduh dituduh di mahkamah atas satu kesalahan di bawah akta ini atau mana-mana undang-undang bertulis lain dari berbangkit daripada aduan itu. Peruntukan tersebut jelas melarang sebarang pendedahan terhadap aduan yang dia buat oleh mana-mana orang kepada mana-mana orang selain daripada pegawai-pegawai badan dan pendakwa raya sehinggalah tertuduh didakwa, Terima kasih.

**Puan Jamilah binti Ibrahim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kehilangan wang PPRT yang diselidiki terkini dan saya memahami pihak Yang Berhormat menjawab tadi cuma saya ingin tahu sejauh manakah kesan yang telah diperolehi dan adakah keterlibatan mereka yang tidak bertanggungjawab itu terdiri daripada agensi kerajaan dan orang-orang yang luar walaupun tidak menyebut nama tetapi pada umumnya saya ingin tahu? Terima kasih.

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Terima kasih Yang Berhormat, seperti yang saya nyatakan tadi bahawa kes ini masih dalam penyiasatan, jadi kita hanya berjanji bahawa sesiapa juga yang terlibat tidak kira agensi atau orang individu, asalkan mereka ini didapati terlibat di dalam kes kehilangan wang PPRT jika ada, ianya pasti kita akan dakwa. Buat masa ini saya harap Yang Berhormat bersabarlah, kita akan tahu apabila penyiasatan ini selesai nanti. Terima kasih.

**Dato' Haji Ahmad bin Ismail:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya kepada Yang Berhormat ialah memandangkan perkara-perkara seperti ini akan selalu dieksploitasikan oleh pembangkang maka itu adalah menjadi harapan kita semoga pihak kerajaan dapat menyelesaikan masalah itu secepat mungkin kerana kita tidak mahu isu-isu seperti itu akan merugikan kita, terima kasih.

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Pihak Badan Pencegah Rasuah, khasnya sentiasa mengambil tindakan segera di atas segala aduan-aduan yang diterima daripada orang ramai, namun demikian kita kena menerima kenyataan bahawa aduan-aduan yang kita dapat begitu ramai dan walaupun tenaga BPR telah pun kita tambah tetapi oleh kerana penyiasatan ini memerlukan keadilan yang sebenarnya maka sudah tentu kita terpaksa mengambil masa. Namun demikian, kita lihat sudah banyak kes yang menjadi perhatian umum ini telah dapat kita selesaikan dan sekarang ini juga kita sedar ada banyak kes yang mendapat perhatian umum masih lagi dalam penyiasatan kerana ianya melibatkan berbagai-bagai pihak. Jadi saya percaya kewibawaan Badan Pencegah Rasuah pada ketika ini ianya pasti akan dapat kita selesaikan, banyak kes yang hari ini mendapat perhatian umum, terima kasih.

7. **Puan Hajah Melati binti Ali** minta Menteri Kerja Raya menyatakan bagaimanakah cara pemantauan di buat kepada projek yang telah diluluskan dan dilaksanakan oleh pihak kontraktor.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya [Datuk Yong Khoo Seng]:**

Tuan Yang di-Pertua untuk makluman Yang Berhormat, pemantauan ke atas projek-projek yang diluluskan dan dilaksanakan oleh pihak kontraktor di buat dengan berpandukan beberapa cara seperti berikut:

- (i) memantau kemajuan tapak bina dengan menggunakan sistem, dengan izin, *critical puff method* atau dikenali CPM. Carta CPM disediakan sebelum projek dimulakan di tapak dengan mengadakan perbincangan di antara kontraktor, perunding, jurutera tapak dan pegawai penguasa projek. Carta CPM menjadualkan aktiviti yang akan dibuat di tapak bina tersebut dengan mengambil berat beberapa aspek seperti penghantaran bahan-bahan binaan, tempoh siap sesuatu aktiviti, tempoh pengalihan kemudahan awam dan sebagainya;
- (ii) panduan ASCEF – setiap projek yang hendak dimulakan akan disediakan ASCEF, kemajuan fizikal dan kewangan akan dicatatkan untuk setiap bulan dan dibuat perbandingan dengan ASCEF yang disediakan;
- (iii) menghadiri mesyuarat-mesyuarat tapak – mesyuarat tapak adalah diwajibkan diadakan setiap bulan bagi meninjau perkembangan dan kemajuan di tapak bina. Turut hadir dalam mesyuarat ini ialah jurutera tapak dan ibu pejabat, kontraktor perunding dan pegawai-pegawai dari agensi kemudahan awam seperti TNB, Telekom, Bekalan Air serta lain-lain yang berkaitan;
- (iv) lawatan ke tapak bina – kebiasaannya mesyuarat tapak akan disusuli dengan lawatan ke tapak bina untuk memastikan kemajuan fizikal adalah seperti mana yang telah dilaporkan dan juga meninjau masalah yang timbul di tapak bina tersebut;
- (v) unjuran perbelanjaan projek bagi memastikan perbelanjaan di buat dengan betul – unjuran bagi setiap projek dibuat sekurang-kurangnya dua kali setahun iaitu selepas anggaran belanjawan tahunan diluluskan dan juga selepas dibuat pindaan pada peruntukan tahunan tersebut;
- (vi) laporan skala dan PMS atau dengan izin, *Project Monitoring System* – maklumat kemajuan fizikal, kewangan dan segala permasalahan projek di tapak bina akan dilaporkan ke dalam sistem ini dan ianya akan dikemaskinikan dari semasa ke semasa. Dengan penggunaan kedua-dua sistem ini pihak atasan Jabatan Kerja Raya dan juga kementerian Kerja Raya dapat membuat pemantauan secara terperinci ke atas semua projek; dan
- (vii) auditan ke atas kerja-kerja di tapak bina – pihak Jabatan Kerja Raya, ibu pejabat akan membuat auditan ke atas projek-projek yang sedang dalam pembinaan terutama di tempat ujian kiub. Naziran ini dibuat bagi memastikan kualiti yang digunakan adalah mengikut piawaian yang ditetapkan dalam buku arahan teknik jalan dan juga sebagaimana arahan di dalam kontrak dokumen.

Sekian, terima kasih.

**Dato' Dr. Chin Fook Weng:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah berkenaan dengan projek-projek yang bermasalah. Dengan pemantauan yang telah dibuat oleh pihak Jabatan Kerja Raya nampaknya masih ada projek-projek yang bermasalah, jadi saya ingin tahu untuk projek-projek bermasalah,

bilakah satu keputusan dibuat sama ada untuk menghentikan projek itu, memanggil kontraktor baru ataupun mengambil tindakan-tindakan untuk rawatan dan sebagainya. Jadi saya ingin tahu apakah prosedur untuk projek-projek bermasalah?

**Datuk Yong Khoon Seng:** Tuan Yang di-Pertua, memang dalam projek yang bermasalah, ada beberapa cara yang kita memantau. Kita cuba juga untuk menolong pihak kontraktor supaya dapat menyiapkan projek ini. Jikalau ada masalah dari segi kewangan, kita juga membuat bantuan dari segi memberikan nasihat teknikal. Jikalau projek-projek ini betul-betul tidak dapat disiapkan, mungkin dia ada sistem di mana kita akan tamatkan kontraktor ini, kontrak beliau dan juga denda akan dikenakan. Jikalau ianya tidak dapat siap lagi, kita akan juga panggil kontraktor yang baru untuk menyelamatkan projek ini.

**Puan Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd. Dun:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, adakah pihak kementerian sedar bahawa kerja-kerja penyelenggaraan jalan raya yang dibuat kadang-kadang di jalan raya yang tidak memerlukan penyelenggaraan diadakan penyelenggaraan, sedangkan ada jalan raya yang berlubang-lubang tidak dibuat penyelenggaraan. Saya ingin tahu, apakah pihak kementerian membuat pemantauan ke atas perkara-perkara seperti ini dan kalau boleh, apakah tindakan yang akan diambil oleh pihak kementerian. Terima kasih.

**Datuk Yong Khoon Seng:** Tuan Yang di-Pertua, dalam penyelenggaraan jalan, kita ada satu peruntukan khusus setiap tahun di mana kita melantik melalui proses tender kepada pihak kontraktor supaya penyelenggaraan ini dijalankan. Saya tidak ada tempat di mana Yang Berhormat tadi sebutkan, kemungkinan kalau jalan ini tidak perlu diselenggarakan, mungkin ia ada tempat untuk kita mengurangkan cerun-cerun atau di tempat-tempat bahaya. Tidak mungkin kalau jalan yang sangat baik, kita tambah lagi cerun atau tar. Kalau dapat Yang Berhormat berikan saya *details* sedikit supaya saya dapat menyiasat adakah tempat ini berlaku tetapi lazimnya kita tidak cukup wang untuk menyelenggarakan jalan, tidak boleh membazirkan duit kerajaan ini. Terima kasih.

8. **Puan Siti Zailah binti Mohd Yusoff** minta Perdana Menteri menyatakan laluan baru bagi projek saluran paip gas asli Malaysia-Thailand yang telah disepakati bersama oleh pihak berkuasa Thailand dan Malaysia selepas laluan asal yang merentas kediaman para penduduk di Wilayah Songkhla mendapat tentangan penduduk tempatan. Adakah kerajaan kedua-dua buah negara menandatangani apa-apa perjanjian baru berkaitan isu tersebut.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Noh bin Haji Omar]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek saluran paip gas Malaysia-Thailand dibangunkan melalui Syarikat Trans-Thai-Malaysia (Thailand) Ltd. (TTM) dan Trans-Thai-Malaysia (M) Sdn. Bhd. TTM Malaysia yang merupakan usaha sama 50:50 di antara Petronas dan Petroleum Authority of Thailand (PTT). Sebarang keputusan yang membabitkan projek ini adalah merupakan keputusan bersama Petronas dan juga PTT. Sehubungan dengan laluan baru saluran paip gas Malaysia-Thailand, pihak Petronas dan PTT masih lagi berbincang mengenai perkara ini dan keputusan dijangka akan dibuat tidak berapa lama lagi. Terima kasih.

**Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Setiausaha Parlimen yang telah memberi jawapan. Soalan tambahan saya, berapakah kos awal yang telah dikeluarkan untuk memulakan projek tersebut setakat ini, dan adakah wajar pembahagian hasil 50:50 antara Kerajaan Malaysia dan Thailand hasil projek ini, sedangkan sekiranya pendaratan gas ini melalui Kelantan, maka kosnya lebih menjimatkan. Bukankah ini seolah-olah suatu pengkhianatan kepada rakyat Kelantan sendiri. Terima kasih.

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat kena tahulah sejarah yang saya nyatakan tadi bahawa ianya ialah projek yang kita hendak buat untuk pembangunan gas serantau, yang akan menghubungkan saluran paip gas bagi kegunaan industri tenaga dan bukan tenaga di Rantau Asia. Kita tidak boleh hendak harapkan di Kelantan sahaja kerana kita telah buat kajian bahawa tidak terdapat industri yang menggunakan gas dalam jumlah yang banyak di Kelantan. Oleh itu, ia tidak dapat menyokong justifikasi pendaratan gas di negeri tersebut. Jadi

kalau hendak itu, Kelantan kena maju lagilah Yang Berhormat, tetapi kalau macam hari ini saya nampak Kelantan semakin mundur.

Jadi untuk pengetahuan Yang Berhormat, kita memang telah banyak kali buat kajian mengenai pendapatan ini. Mengenai perkembangan terakhir, pada 10 Mei 2002, pihak Kerajaan Thailand secara rasminya mengumumkan bahawa projek tersebut akan diteruskan selaras dengan kontrak perjanjian yang sedia ada. Pihak Kerajaan Thailand juga mengarahkan PTT, PLC untuk mengalih tapak pendaratan bagi saluran paip gas tersebut supaya mengelakkan kesan negatif kepada masyarakat tempatan dan alam sekitar. Tapak baru untuk pendaratan gas ini ialah di atas tanah milik Tentera Laut Diraja Thailand iaitu kira-kira lima kilometer dari tapak asal.

Seterusnya, pihak Kerajaan Thailand juga telah mengarahkan supaya lebih banyak aktiviti perhubungan awam dijalankan mengenai projek tersebut bagi mewujudkan kesedaran serta kefahaman di kalangan masyarakat tempatan kerana pada masa ini terdapat kumpulan-kumpulan tertentu terdiri dari pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan terutamanya daripada Barat yang sering membangkitkan isu alam sekitar tanpa mereka mempedulikan faedah daripada pembangunan projek tersebut. Terima kasih.

**Dato' Dr. Chin Fook Weng:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya difahamkan bahawa lawatan Perdana Menteri kita ke Thailand pada minggu yang lalu juga bertujuan membincangkan perkara saluran paip gas asli ini. Jadi saya ingin tahu, adakah selepas lawatan itu perkembangan yang terbaharu telah dicapai dan kalau ada, bolehlah dimaklumkan kepada kita. Terima kasih.

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Terima kasih. Di dalam projek ini beberapa perkembangan positif telah pun kita capai iaitu berdasarkan keputusan yang dibuat untuk menempatkan semula tapak pendaratan paip gas ini. Pihak KTM *Company* menjangkakan tender pembinaan saluran paip gas akan dianugerahkan pada bulan Julai 2002 ini, maknanya dalam bulan inilah. Berikutan ini, projek aliran gas dijangka siap menjelang Jun 2004 iaitu lewat 24 bulan daripada tarikh asal. Jadi ertinya, projek ini dalam *progress* yang baik dan mudah-mudahan ianya akan menjadi suatu kenyataan dan sudah tentu dengan lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Thailand, projek ini akan disegerakan dengan lebih cepat lagi. Terima kasih.

9. **Datuk Long bin Jidin** minta Menteri Pertanian menyatakan sistem piawai bagi menentukan kadar berat bot-bot nelayan. Adakah kerajaan sedar terdapat bot-bot lesen B melebihi saiz dan berat daripada bot-bot lesen C dan lesen C2.

**Timbalan Menteri Pertanian [Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar]:** Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Perikanan mempunyai cara pengiraan tertentu dalam menentukan muatan *vessel* perikanan iaitu dengan menggunakan dengan izin, *gross registered tonnage*. Ukuran ini digunakan bagi menentukan muatan *vessel* penangkapan ikan yang akan dilesenkan. Dalam membuat pengiraan ini, beberapa parameter iaitu panjang, lebar, pedalaman *vessel* dan faktor guna pakai negara, diambil kira. Jabatan Perikanan akan mengukur semula semua *vessel* berkenaan setiap tahun bagi tujuan pembaharuan lesen. Keadaan pengiraan ini juga digunakan oleh banyak negara seperti Thailand, Singapura dan Taiwan dalam menentukan muatan *vessel* perikanan.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini tidak terdapat kes di mana *vessel* lesen B melebihi saiz dan berat daripada *vessel* lesen C dan C2. Bagaimanapun, sekiranya Yang Berhormat mempunyai maklumat mengenai kes tersebut, bolehlah Yang Berhormat menghubungi Kementerian Pertanian atau Jabatan Perikanan untuk siasatan dan tindakan seterusnya.

**Datuk Long bin Jidin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya mempunyai bukti yang jelas sebab saya melihat dengan mata dan kepala saya sendiri. Maknanya, saya nampak lesen-lesen 'B' ini memang melebihi daripada segi saiz dan berat daripada lesen 'C' dan C2. Oleh yang demikian, saya memohon kepada kementerian untuk menyiasat kes tersebut. Soalan tambahan saya, berapakah jumlah bot atau *vessel* lesen 'A', 'B' dan 'C' yang masih beroperasi dan jumlah yang dimiliki oleh bumiputera dan bukan bumiputera di negara ini?

**Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya memohon kerjasama Yang Berhormat supaya menyampaikan maklumat tersebut kepada Kementerian Pertanian bagi membolehkan kita mengambil tindakan seterusnya. Mungkin *vesse/* yang berkenaan merupakan *vesse/* yang tidak sah, yang tidak dilenkan oleh Jabatan Perikanan, yang itu kita akan ambil tindakan apabila operasi dijalankan.

Mengenai dengan jumlah lesen yang dikeluarkan setakat ini, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, untuk Zon A, lesen 'A' iaitu nelayan pantai yang menggunakan enjin sangkut muatan tidak melebihi 20 GRP ialah sebanyak 26,954. Untuk Zon B bagi *vesse/* di antara 20 GRP sehingga 39 GRP ialah sebanyak 2,511. Manakala untuk Zon C1 iaitu bagi *vesse/* di antara 10 hingga 69 GRP, bilangan lesen yang telah dikeluarkan ialah 1,403 dan untuk Zon C2 bagi *vesse/* yang melebihi 70 GRP, jumlah lesen yang telah dikeluarkan ialah sebanyak 662. Bagi menjawab soalan pecahan bumiputera dan bukan bumiputera, saya akan menyampaikan secara bertulis kerana ini memerlukan notis, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Kee Ah Kau:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Cuma saya hendak tahu lebih lanjut apakah syarat untuk memohon lesen bot-bot nelayan itu dan apa ertinya taraf kaum bumiputera dan taraf kaum bukan bumiputera? Jikalau kita hendak memohon sesuatu lesen bot nelayan itu, adakah kita melebihkan taraf kaum bumiputera? Saya mendapat tahu dari penduduk tempatan ramai yang telah memohon lesen bot-bot nelayan itu tetapi tidak berjaya. Minta Yang Berhormat menjelaskan sedikit. Terima kasih.

**Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar:** Terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat. Yang pertamanya, kita bagi kepada nelayan yang layaklah, bumiputera pun dapat, bukan bumiputera pun dapat. Kalau nelayan, ada nelayan keturunan Cina, ada nelayan keturunan Melayu, ada nelayan keturunan India, tetapi kebanyakan nelayan ini terdiri daripada orang Melayu sebab itulah bilangan lesen yang dikeluarkan kepada orang Melayu, orang bumiputera lebih banyak daripada orang bukan Melayu. Jadi kita bagi banyak kepada orang Melayu. Kita perlu ingat, kebanyakan yang jadi nelayan ialah orang Melayu, orang Cina kebanyakan mereka berniaga.

Jadi, itu hakikatnya banyak kepada bumiputera sebab bukan saya suka hendak bagi kepada bumiputera, orang Melayu banyak jadi nelayan, orang Cina pun ada jadi nelayan. Kepada yang mohon, ia ada syarat-syarat yang perlu dipenuhi. Kalau dia bukan nelayan, dia hendak minta lesen nelayan pantai, ada syaratnya – mesti jadi nelayan ada waktu-waktunya. Kalau dia suka-suka sahaja hendak pergi ke laut sebagai hobi, kemudian dia hendak mohon dapat lesen sebagai nelayan pantai, sudah tentu Jabatan Perikanan tidak memperakukan permohonan tersebut.

Bagi yang berminat untuk menceburi penangkapan ikan laut dalam menggunakan lesen C2, peraturan-peraturannya pertamanya, mestilah rakyat Malaysia, kemudian mempunyai modal yang cukup untuk membeli *vesse/* kerana setiap satu *vesse/* yang besar ini kos *vesse/* itu sahaja sudah menjangkau RM1 juta. Dan ada lagi keupayaan daripada segi kewangan dan dia mempunyai pengalaman dan sebagainya. Syarat-syarat ini boleh diperolehi di mana-mana pejabat perikanan daerah yang ada di dalam negara kita.

10. **Datuk William Lau Kung Hui** minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada kementerian ada rancangan memajukan pelabuhan-pelabuhan selain daripada Pelabuhan Klang dan Pelabuhan Tanjung Pelepas, memandangkan pembangunan kemudahan-kemudahan di terminal lain akan merangsang aktiviti 'hubbing' di pelabuhan-pelabuhan utama. Jika ada, apakah jenis perancangan itu.

**Setiasaha Parlimen Kementerian Pengangkutan [Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, adalah menjadi dasar kerajaan untuk memajukan semua pelabuhan di Malaysia selain daripada Pelabuhan Klang dan Pelabuhan Tanjung Pelepas. Tindakan yang telah dan akan diambil untuk memajukan pelabuhan-pelabuhan di Malaysia adalah seperti berikut:

- (i) Pelabuhan Pulau Pinang –

- (ii) projek pembesaran Bekalan Kontena Butterworth Utara (BKBU) merangkumi pembinaan dermaga tambahan sepanjang 100 meter. Projek ini telah siap pada tahun 2001 dengan kos berjumlah RM23 juta:
  - (a) pembinaan dermaga tambahan sepanjang 200 meter, pembinaan jambatan berhubung atau *access bridge* kedua BKBU dan kerja-kerja menebus guna tanah seluas 25 hektar untuk menambah *yard* kontena. Projek ini masih lagi dalam perancangan dan dijangka akan menelan belanja sebanyak RM117 juta;
  - (b) projek pembangunan semula Jeti Swettenham bagi persinggahan kapal-kapal *Star Cruise* yang lebih besar. Projek ini dijangka dimulakan pada hujung tahun 2002 dengan kos berjumlah RM65 juta;
  - (c) projek pembangunan infrastruktur marin bagi penggalakan industri kapal layar dan marina. Projek ini akan dimulakan pada penghujung tahun 2002 dengan kos berjumlah RM18.1 juta.
- (iii) Pelabuhan Kuantan:
  - (a) pengorekan bagi pembesaran *basin* sedia ada seluas 80 hektar telah siap pada tahun 2001 dan kos sebanyak RM153 juta;
  - (b) pembinaan dermaga kontena sepanjang 350 meter. Projek ini dijangka siap pada penghujung tahun 2002 dengan kos sebanyak RM42 juta;
- (iv) Pelabuhan Pasir Gudang:
  - (a) meningkatkan taraf Jeti Kargo Berbahaya (*Dangerous Goods Jetty*) I dan II untuk persinggahan kapal-kapal minyak atau *bunkering* dan bahan kimia sepanjang 185 meter. Kerja-kerja ini dijangka siap pada penghujung bulan Julai 2002. Kos projek ini adalah sebanyak RM7.5 juta;
  - (b) penyediaan dua kemudahan gudang bagi simpanan kargo am dan kargo buka di belakang dermaga Lima. Projek ini dijangka siap pada penghujung tahun 2002. Kos projek ini adalah RM10.5 juta.
- (v) Pelabuhan Bintulu:
  - (a) pembinaan lembaga LNG 3. Projek ini dijangka siap pada penghujung tahun 2002 dan kos sebanyak RM664 juta;
  - (b) pembinaan *rock bank back filling*, pengorekan dan *break water* di *second inner harbour* akan bermula pada bulan Julai 2002, manakala pembinaan lembaga kargo am sepanjang 1,000 meter untuk kargo minyak kelapa sawit di kawasan tersebut dijangka bermula pada tahun 2003. Kos keseluruhan projek ini adalah sebanyak RM616 juta.

Sekian, terima kasih.

**Datuk Christina Tibok Vanhouten:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah dan syabas kepada Kementerian Pengangkutan atas rancangan jangka jauhnya dengan membina Pelabuhan Tanjung Pelepas.

Pada kebelakangan ini kita telah dapat maklum bahawa beberapa syarikat besar perkapalan telah berpindah tapak atau *basenya*, dengan izin, daripada pelabuhan di negara Singapura ke Terminal PTP.

Akibat daripada perpindahan syarikat-syarikat perkapalan yang besar ini, negara Singapura telah mulai menurunkan caj di pelabuhannya.

Soalan tambahan saya, adakah tindakan Singapura menurunkan caj pelabuhannya akan menjejaskan kedudukan PTP sebagai satu daripada terminal utama di rantau ini. Terima kasih.

**Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai:** Terima kasih Yang Berhormat. Memanglah di kementerian dan juga kita tahu bahawa pelabuhan Singapura menurunkan caj-caj. Ini adalah satu strategi pemasaran.

Walau bagaimanapun, kita tahu kita ada *port* yang baru iaitu Pelabuhan Tanjung Pelepas yang mula beroperasi semenjak tahun 1999. Buat masa ini Pelabuhan Tanjung Pelepas mengendalikan kontena sebanyak 2 juta TEU.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, projek-projek yang saya sebut tadi adalah untuk kemajuan pelabuhan kita supaya kita boleh bersaing dengan pelabuhan Singapura. Pengendalian kargo atau kontena di Port Klang contohnya, kita mengendalikan sejumlah 2.5 juta TEU kontena untuk tahun 1999, tahun 2000 kita mengendalikan 3.2 juta kontena, tahun 2001 3.7 juta, dan untuk enam bulan tahun 2002 kita mengendalikan 2.1 juta kontena.

Kedudukan Pelabuhan Klang sebagai pelabuhan kontena utama di dunia, untuk tahun 1980 kita berada pada kedudukan 57, tahun 1990 ada di kedudukan 35, tahun 2000 kita berada di kedudukan 13, dan 2001 kita berada di kedudukan 12, dan kita harap dua, tiga tahun yang akan datang kita boleh berada di *top ten*, dengan izin. Sekian.

**Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah kerajaan bercadang untuk menambahkan bilangan pelabuhan di sebelah Pantai Timur bagi menambah dan merangsang ekonomi, terutama di negeri Kelantan yang memang jauh dari perkhidmatan pelabuhan. Terima kasih.

**Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, buat masa ini di Pantai Timur kita memang ada dua pelabuhan, iaitu Pelabuhan Kuantan dan Pelabuhan Kemaman, dan kementerian menganggap kemudahan di kedua-dua pelabuhan ini memang cukup pada masa ini, dan kita akan kajilah untuk negeri Kelantan.

11. **Datuk Ghazi bin Haji Ramli** minta Perdana Menteri menyatakan secara terperinci keberkesanan serta mekanisme yang telah dan bakal diambil oleh pihak kementerian dalam mengurangkan dakyah-dakyah sesat mengenai Islam yang semakin bertambah setiap hari dan disebarkan oleh golongan yang anti Islam melalui *Internet*.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, memang sukar untuk menghalang dakyah dan ajaran sesat melalui *Internet* kerana belum ada akta yang boleh berbuat demikian. Namun begitu, pemantauan sentiasa dibuat oleh pihak kerajaan terhadap laman-laman web yang diragui termasuklah mengenai dakyah, ajaran sesat yang meragukan.

Langkah-langkah yang telah diambil ialah menyiarkan alamat-alamat laman web yang menyeleweng dan meminta umat Islam supaya berhati-hati serta mengambil langkah berjaga-jaga terhadap laman-laman web tersebut. Di antara laman-laman web yang kita kenal pasti ialah:

- (i) Al-Maunah Malaysia;

- (ii) ayat al-Quran dan hadis palsu; rasam.s.com/ri/;
- (iii) hatm; dan
- (iv) the Quran.com; rs in Islam.

Terima kasih.

**Puan Jamilah binti Ibrahim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dunia IT langit tanpa sempadan. Soalan tambahan saya, adakah pihak kementerian mempunyai satu mekanisme terkini bagi menyekat sebarang pengaruh budaya liar bukan sahaja dakyah-dakyah mengenai anti Islam. Terima kasih.

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Terutamanya Yang Berhormat, pihak kerajaan sentiasa memantau segala ajaran sesat dan juga budaya-budaya kuning ataupun pengaruh liar yang dimasukkan di Malaysia melalui IT ini. Bagi pihak JAKIM, kita telah menubuhkan jabatan mengenai ICT ini dan beberapa pegawai telah ditempatkan yang kerja mereka ini ialah memantau segala perkembangan yang didapati bertentangan dengan budaya dan juga ajaran Islam di Malaysia dan jika didapati berlaku perkara sedemikian mereka akan memberi penerangan balas melalui *Internet* yang ada pada mereka. Terima kasih.

12. **Puan Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd. Dun** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, bilakah polis akan menubuhkan unit penyiasatan khas yang mesra wanita bagi menyiasat kes-kes keganasan terhadap wanita di negeri Sabah.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri [Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin]:** Tuan Yang di-Pertua, pihak polis memang memberikan perhatian yang serius pada kes-kes yang melibatkan keganasan terhadap wanita. Untuk itu, Unit Penyiasatan Khas telah ditubuhkan sejak tahun 1986 lagi yang mana ianya terdapat di setiap negeri.

Manakala di Sabah secara khususnya buat masa sekarang terdapat tujuh orang pegawai polis wanita yang terlatih dan dikhususkan hanya untuk mengendalikan kes-kes keganasan terhadap wanita seperti kes-kes keganasan seksual. Pegawai-pegawai tersebut telah ditempatkan di beberapa pejabat polis di Sabah berdasarkan kepada kadar kes-kes yang berlaku iaitu di Ibu Pejabat Kontinjen Daerah Kota Kinabalu, Daerah Penampang, Lahad Datu, Keningau, Tawau dan Papar. Terima kasih.

**Puan Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd. Dun:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan, saya dimaklumkan di Bukit Aman, Unit Penyiasatan Khas ini telah pun ditubuhkan. Selain daripada menempatkan pegawai-pegawai wanita seperti yang disebut tadi, unit tersebut ataupun di mana-mana pejabat seperti yang ada di Sabah, adakah juga kementerian bercadang untuk menempatkan pakar-pakar kaunseling yang berupaya untuk memberikan kaunseling dan ketenangan kepada mangsa-mangsa keganasan yang datang untuk membuat laporan dan juga untuk disoal siasat.

Yang kedua, adakah juga pihak polis mewujudkan kerjasama dan hubungan yang rapat dengan pihak Jabatan Kebajikan. Misalnya khusus untuk membantu mangsa-mangsa keganasan rumah tangga seperti menjemput pegawai-pegawai tertentu dari Jabatan Kebajikan untuk datang ke Unit Khas untuk menemui mangsa-mangsa dan tidak memerlukan pula mangsa datang ke pejabat mereka untuk kerja-kerja ataupun tindakan selanjutnya. Terima kasih.

**Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada soalan tambahan itu. Pertama, soalan berkaitan dengan pakar-pakar kaunseling. Buat masa kini, pihak polis sendiri mempunyai pegawai-pegawai mereka, melalui pakar-pakar kaunseling yang telah sedia ada dan kalau difikirkan perlu berkehendakkan lebih ramai pakar kaunseling untuk mengkaunselingkan pihak-pihak yang terlibat. Pihak polis akan memikirkan dengan seriusnya jika perlu ditambah, kita akan tambah. Jika tidak perlu, kita tidak tambah, kalau yang ada ini sesuai dan mencukupi, saya rasa terpujanglah kepada masa yang akan menentukan.

Selain daripada itu juga soalan yang kedua, polis mewujudkan kerjasama yang rapat, saya rasa memang sudah ada pun kewujudan kerjasama yang rapat di

antara pegawai-pegawai di kementerian dan juga terutama sekali jika ada kaitannya dengan yang perlu kita panggil daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat. Insyallah kita akan buat sebagaimana apa yang dikehendaki dari semasa ke semasa. Terima kasih.

**Puan Jamilah binti Ibrahim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Semua kita tahu keterlibatan kerjaya wanita dalam Polis Diraja Malaysia. Memandangkan kes-kes yang membimbangkan dalam masyarakat kita sekarang mengenai jenayah pembunuhan, rogol dan sumbang mahram yang melibatkan banyaknya wanita yang menjadi mangsa.

Soalan tambahan saya, berapa ramaikah bilangan polis wanita di negara dan adakah dengan bilangan yang ada, ianya mencukupi bagi menangani masalah kes-kes wanita yang amat membimbangkan terkini. Terima kasih.

**Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan itu spesifik menanyakan berkaitan dengan berapa ramai polis wanita. Saya tidak dapat menjawab buat masa kini dan saya mohon jika perlu pihak Yang Berhormat bolehlah menulis surat ke pihak Kementerian Dalam Negeri untuk mengetahui berapa ramai wanita yang dimaksudkan dan kita akan menjawab.

Perkara kes-kes yang disebutkan membimbangkan, di sini saya ingin menyatakan semua pihak hendaklah bertanggungjawab. Kita tidak boleh biarkan wanita sahaja yang terlibat dalam kes-kes ini. Tetapi saya difahamkan juga ada orang lelaki juga yang terlibat dalam kes di mana pihak wanita lebih garang daripada suami tetapi kes ini boleh dikatakan kurang jika dibandingkan dengan kes yang terlibat antara wanita dengan suami mereka.

Jadi oleh itu saya mengharapkan pihak masyarakat juga patut memberikan perhatian yang serius terhadap apa yang ditimbulkan oleh pihak Yang Berhormat tadi tentang kes-kes yang membimbangkan, sumbang mahram dan lain-lain lagi.

Semua pihak mesti memberikan perhatian. Kalau dibiarkan kerajaan sahaja untuk mengambil perhatian yang sepatutnya, saya rasa benda ini tidak akan mengurangkan kes-kes sumbang mahram, kes-kes rogol, kes-kes yang lain yang membabitkan antara wanita dan juga lelaki. Terima kasih.

*[Soalan No. 13 – Dato' Haji Arzmi bin Hj. Abdul Hamid tidak hadir].*

*[Soalan No. 14 – Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan tidak hadir].*

**15. Tuan M. Ratnam** minta Menteri Pertanian menyatakan faktor-faktor yang membawa kepada kejatuhan drastik harga sayur-sayuran keluaran petani di Cameron Highlands. Bagaimanakah FAMA bercadang untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh petani-petani ini.

**Timbalan Menteri Pertanian [Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar]:** Tuan Yang di-Pertua, kejatuhan dan peningkatan harga sayur-sayuran sama ada yang dikeluarkan di Cameron Highlands ataupun pusat-pusat pengeluaran lain merupakan fenomena *cyclical* dan berbentuk sementara.

Antara faktor yang menyebabkan kejatuhan harga sayur-sayuran di Cameron Highlands adalah seperti berikut:

- (i) peningkatan pengeluaran sayur-sayuran secara berlebihan yang mengakibatkan lambakan pasaran bagi sayur-sayuran tertentu; dan
- (ii) pengurangan import sayur-sayuran Cameron Highlands oleh Singapura berikutan pengimportan lebih murah dari negara jiran atau masalah yang berkaitan dengan sisa baki racun perosak.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertanian melalui FAMA telah mengambil langkah-langkah berikut bagi mengatasi masalah yang dihadapi oleh petani:

- (i) menubuhkan Jawatankuasa Pemantauan Pengeluaran dan Pemasaran yang berfungsi menasihatkan persatuan-persatuan penanam sayur mengenai pilihan tanaman dan jumlah pengeluaran bagi mengelakkan lebihan atau kekurangan bekalan;
- (ii) melaksanakan peraturan pelabelan ke atas sayur-sayuran yang dieksport ke Singapura atas persetujuan bersama Malaysia dan Singapura bagi memudahkan pengesanan terhadap pengeluaran hasil yang didapati mempunyai sisa baki racun berlebihan;
- (iii) menawarkan skim ladang kontrak pemasaran kepada petani bagi membolehkan hasil keluaran mereka dipasarkan melalui saluran alternatif seperti pasar tani serta ruang pasaran FAMA yang lain termasuk untuk dieksport;
- (iv) menyediakan khidmat pemasaran melalui tindakan membeli sayur-sayuran pada harga pasaran di samping menawarkan kepada ahli-ahli persatuan ruang pasaran di pasar tani untuk mereka menjual hasil mereka; dan
- (v) memperkukuh daya saing produk-produk pertanian melalui program-program mempertingkatkan kualiti dan pelaksanaan strategi pemasaran yang memberi tumpuan kepada pengedaran, pembungkusan dan penjenamaan.

**Tuan M. Ratnam:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya difahamkan bahawa petani-petani di Cameron Highlands, mengalami masalah kewangan kerana harga penjualan barangan keluaran mereka tidak tentu, dengan izin, *non-stable pricing*. Kadang kala harga penjualan adalah lebih rendah daripada kos pengeluaran produk itu.

Soalan saya Tuan Yang di-Pertua adalah satu soalan yang panjang. Apakah perancangan FAMA untuk mengelakkan orang pertengahan, dengan izin *middlemen* dari membeli produk-produk sayur-sayuran dengan harga paling rendah daripada petani-petani di Cameron Highlands dan apakah tindakan kerajaan untuk mengelak negara-negara lain seperti Indonesia dan China dari, dengan izin *dumping* sayuran mereka di negara kita. Sekian, terima kasih.

**Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, penanam-penanam sayur di Cameron Highlands terutamanya dari keturunan India ..... [*Ketawa*] Menghadapi masalah mengenai dengan kejatuhan harga sayur-sayuran yang ditanam oleh mereka.

Seperti mana saya sebutkan tadi masalah harga ini ia disebabkan kadang-kadang pengeluaran itu lebih maka harganya jatuh. Ada masanya pengeluaran itu berkurangan maka harganya meningkat. Sebab itu FAMA sentiasa memantau dan memberi nasihat kepada para penanam sayur supaya menanam sayur-sayuran yang tertentu berdasarkan kepada permintaan ataupun berdasarkan kepada risikan pasaran yang kita buat.

Dari segi FAMA, kita sentiasa hendak tolong petani-petani India ini. Tetapi kadang-kadang petani India ini dia tidak hendak menjual dekat FAMA. Pada waktu harganya baik, dia akan terus jual tetapi bila waktu susah, jatuh baru dia cari FAMA. Dalam hal ini, FAMA minta kerjasama daripada penanam-penanam sayur itu supaya sentiasa bekerjasama dengan FAMA. Jangan waktu harga jatuh dia marah dekat FAMA. Waktu harga tinggi dia tidak mahu pun cakap dengan FAMA [*Ketawa*].

Oleh kerana itulah kita telah menubuhkan jawatankuasa yang dianggotai oleh semua persatuan-persatuan penanam sayur di Cameron Highlands. Bukan orang India sahaja, penanam sayur Cina, penanam sayur Melayu dan juga India. Jadi kita bincang supaya tidak akan lagi berlaku masalah kejatuhan harga terutamanya kejatuhan harga pada masa-masa tertentu.

Contohnya bila harga tomato itu meningkat, petani-petani atau penanam-penanam sayur itu, dia tanam tomato lagi kemudian dia ganti tanaman dengan bunga

dengan tomato. Oleh kerana itu dari segi pengeluaran tomato itu begitu banyak sekali dan permintaannya tidak boleh menampung pengeluaran yang banyak. Akibatnya harganya jatuh.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua mengenai dengan lambakan sayur-sayuran daripada negara-negara luar. Pihak FAMA sedang mengambil tindakan dengan mengenakan akreditasi untuk hendak menentukan sayur-sayuran yang dibenarkan diimport ke dalam negara kita mesti mempunyai akreditasi daripada jabatan bagi mengelakkan pertamanya lambakan dan yang kedua bagi membolehkan kita mengesan daripada mana sayur-sayuran ini yang kita beli. Kita tidak boleh hendak menyekat sayur-sayuran ini daripada masuk ke negara kita.

Kita ingin menasihatkan kepada penanam sayur kita supaya meningkatkan daya pengeluaran. Ini yang kita buat dengan kerjasama MARDI supaya para penanam sayur kita mampu meningkatkan produktiviti dan cara ini dapat kita mengurangkan kos. Kalau kita bandingkan kos pengeluaran sayur-sayuran dari negara-negara Thailand dan sebagainya, kos pengeluaran sayuran di negara berkenaan adalah lebih murah daripada kos pengeluaran yang di negara kita.

Oleh kerana itu kadang-kadang harga sayuran yang diimport itu lebih murah daripada sayuran yang ditanam di negara kita. Jadi bagi menangani masalah ini melalui MARDI, kita akan membuat penyelidikan supaya kita mampu meningkatkan daya pengeluaran apabila pengeluaran kita tinggi, secara tidak langsung kita akan dapat mengurangkan kos pengeluaran sayur-sayuran di negara.

**Datuk Long bin Jidin:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya kerap terbaca dalam akhbar, apabila kita berlaku krisis dengan Singapura, ada dakwaan daripada pihak-pihak penanam sayur, kerap kali hasil pengeluaran mereka di *reject* oleh pihak pembeli-pembeli sayur daripada pihak Singapura, adakah dakwaan ini benar? Terima kasih.

**Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini ada dilaporkan bahawa pihak Singapura bertindak untuk mengurangkan import sayur-sayuran daripada Malaysia, ekoran daripada masalah projek tambak laut di Singapura. Suka saya menyatakan di sini laporan ini adalah tidak benar sama sekali. Masalah tambak laut di Singapura itu tidak ada kena mengena dengan kurangnya import sayur daripada Malaysia. Kurangnya import oleh sebab sayur-sayuran kita mempunyai kandungan sisa toksik yang tinggi berdasarkan kepada laporan yang dibuat oleh Lembaga Pertanian dan Veterinar (AVE), dengan izin.

Jadi, berdasarkan dengan laporan ini, sayur-sayuran kita dari segi kandungan sisa toksik adalah berlebihan, jadi ia tidak ada kaitan dengan masalah penambakan yang sedang berlaku di Singapura.

16. **Puan Hajah Che Jam binti Haron** minta Menteri Pendidikan menyatakan isu penyeragaman sekolah agama. Sejauh manakah kementerian telah mengambil langkah dalam menangani ketidakeragaman dalam sukatan pelajaran sekolah aliran agama ini, sedangkan konvensyen dan resolusinya telah diusahakan.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin]:** Tuan Yang di-Pertua, kementerian sedar dan memandang berat tentang keperluan menyeragamkan kurikulum pendidikan sekolah-sekolah agama di seluruh negara. Misalnya pada ketika ini, Kementerian Pendidikan telah pun melaksanakan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) kepada sekolah agama negeri dan sekolah agama rakyat di seluruh negara dalam usaha menyelaraskan Sijil Tinggi Agama dan penyeragaman kurikulumnya. Terima kasih

*[Soalan No. 17 – Y.B. Tuan Haji Abdul Rahman bin Palit tidak hadir]*

18. **Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada pihak Polis Diraja Malaysia bercadang untuk membuka kaunter membayar saman di Pejabat Pengangkutan Jalan.

**Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin:** Tuan Yang di-Pertua, pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM), setakat ini belum bercadang untuk membuka kaunter pembayaran saman

ataupun kompaun di Jabatan Pengangkutan Jalan bagi mana-mana kompaun yang telah dikeluarkan oleh pihak polis. Kaunter-kaunter bayaran kompaun kesalahan trafik yang dibuka di kawasan tumpuan ramai, seperti pusat membeli belah selain daripada balai-balai polis sendiri adalah mencukupi untuk menguruskan pembayaran kompaun kesalahan trafik orang ramai dengan berkesan. Kerajaan bagaimanapun akan mempertimbangkan cadangan ini serta akan mengambil tindakan segera berkaitan perkara ini jika ia didapati perlu dan sesuai kelak. Terima kasih.

**Tuan Kee Ah Kau:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Yang Berhormat, boleh saya ingin tahu lebih jelas, pihak polis memberi saman kepada orang awam, saman itu ada dua cara; satu, cara polis trafik memberi terus kepada yang terkena; cara lain, untuk *speed traps*, dihantarkan dengan pos, dan kedua-dua saman ini kita dapat menerimanya, dan kepada siapa yang kita boleh jumpa untuk mengurangkan saman itu, jikalau boleh dikurangkan saman, bolehkah Ketua Polis Daerah mengurangkan saman itu dan berapa peratusan boleh dikurangkan? Terima kasih.

**Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas soalan itu. Pertama, soalnya apabila polis trafik dapati kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh pihak pemandu diberi terus, itu kalau kita adakan sekatan-sekatan had laju yang terus menerus yang diadakan di jalan raya.

Yang kedua, melalui *speed traps*, ya, dalam urusan *speed traps* ini, polis akan mengenal pasti melalui video kamera yang ada dan akan memastikan segala apa kenyataan yang ada pada kenderaan itu dapat direkodkan, kemudian lepas itu polis akan pergi kepada pihak JPJ untuk menentukan alamat dan juga nama pemandu.

Sebagaimana yang saya telah jelaskan pada jawapan saya yang lepas, pada urusan yang pertama ialah polis akan melalui pendaftaran-pendaftaran kereta yang berkaitan dan menghantar terus kepada alamat yang ada dalam JPJ berkaitan dengan nombor kereta ataupun nombor pendaftaran kereta. Yang kedua, polis ingin memohon nama pembawa kereta itu dan sama ada mempunyai lesen yang sah dan lain-lain lagi, kemudian dihantar kepada ketua-ketua polis daerah masing-masing.

Lepas itu sama ada pengurangan dapat dipohon, itu terpulang pula kepada budi bicara orang yang memohon. Pesalah trafik, kalau datang dengan keras dan menengking memanasakan keadaan lagi, jawabnya kemungkinan tak dapatlah dikurangkan. Itu manusia biasalah ya tak? Tetapi kalau datang dengan baik-baik, senyum-senyum, lepas itu dengan lemah lembut, minta rayuan .....

**Seorang Ahli:** Menangis!

**Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin:** Menangis tidak payahlah, saya pun tidak suruh. [*Ketawa*] Saya pun tidak suruh dia menangis Yang Berhormat.

Datang dengan baik, insya-Allah, saya rasa polis ini pun manusia biasa juga. OCPD ini pun orang biasa juga. Kalau kita datang dengan baik, dia akan layan kita dengan baik, pengurangan selalunya ialah 30% dan 50%. Itu terpulanglah kepada Ketua Polis Daerah itu, kalau kita pandai pujuk, mungkin kita akan dapat lebih banyak pengurangan. Terima kasih.

19. **Puan Jamilah binti Ibrahim** minta Menteri Pendidikan menyatakan, adakah kerajaan berpandangan bahawa dengan kejayaan 68% pelajar Melayu melepasi sistem meritokrasi baru-baru ini sebagai bukti bahawa pelajar Melayu tidak lemah.

**Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin:** Tuan Yang di-Pertua, pandangan bahawa dengan kejayaan 68% pelajar Melayu melepasi sistem meritokrasi baru-baru ini sebagai bukti bahawa pelajar Melayu tidak lemah adalah benar. Walaupun demikian, saya yakin semua anak Malaysia sebenarnya berkebolehan. Barang siapa yang ingin maju dan berusaha, mereka akan tetap maju. Melalui sistem meritokrasi, para pelajar akan terus berusaha gigih dan bersaing untuk mendapatkan tempat di IPTA, terutamanya dalam bidang-bidang kritikal yang menjadi keutamaan.

Tuan Yang di-Pertua, ingin juga saya mengingatkan dalam pada masa itu kita harus melihat akan kedudukan bilangan penduduk di Malaysia, jangan hendaknya ada rasa teraniaya bagi mana-mana kaum dalam usaha mengejar ilmu pengetahuan. Sekian, terima kasih.

**Puan Jamilah binti Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, soalan tambahan saya, adakah kerajaan pernah memperincikan analisis bilangan pelajar kita yang mengambil kursus di luar negara, seperti profesional kedokteran, di segi pencapaian cemerlang berbanding dengan kecemerlangan yang diperoleh dalam negara. Terima kasih.

**Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin:** Tuan Yang di-Pertua, memang ada, tetapi saya tidak membawa nota-notanya kerana tidak sempat untuk berbuat demikian. Namun demikian, kita mesti meyakinkan diri bahawa kebolehan anak-anak kita di mana juga mereka berada adalah sama, pokoknya ialah sikap, kalau mereka berada di luar negara mereka merasakan *competition* adalah satu syarat yang perlu diisi, maka mereka berjaya.

Demikian juga dalam negara ini bagi anak-anak kita, jangan mengambil sikap sambil lewa, mentang-mentang kita berada dalam negara kita, kita cukup makan sudahlah. Oleh sebab itu, saya berharap kepada semua anak Malaysia, sama ada yang belajar dalam negara kita yang tercinta ini ataupun yang kita hantar ke luar negara, mudah-mudahan mereka mempunyai sikap yang betul supaya mereka dapat berkhidmat kepada negara kita. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masa bagi Jawab Lisan sudah cukup.

**[Masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah selesai]**

## **RANG UNDANG-UNDANG**

### **RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (2002)2002**

#### **Bacaan Kali Yang Kedua**

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguh atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang" **[8 Julai 2002]**

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya minta Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng menyambung ucapannya.

**11.25 pagi**

**Dato' Dr. Chin Fook Weng:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Kelmarin dalam perbahasan Akta Perbekalan Tambahan itu, saya telah menyentuh tentang Maksud B.26 iaitu suatu permohonan daripada Kementerian Pendidikan. Di bawah peruntukan ini, sejumlah RM18.425 juta telah diminta untuk membayar yuran pengajian dan juga yuran penginapan kepada IPTS oleh kerana dua kolej matrikulasi termasuk asrama-asrama mereka itu tidak dapat disiapkan dalam masa yang ditetapkan. Oleh kerana itu, maka satu tindakan sampingan telah diambil untuk menghantar pelajar-pelajar ini ke IPTS dan oleh kerana itu maka satu perbelanjaan RM18.425 juta diperlukan. Memandangkan perkara semacam ini kerap berlaku, saya ingin mintalah pihak JKR khasnya yang mengawasi projek-projek pembinaan kerajaan supaya mengambil langkah yang mencukupi untuk mengatasi masalah ini.

Padi tadi, kita juga dengar jawapan daripada pihak Kementerian Kerja Raya tentang projek-projek yang bermasalah dan bagaimana tindakan diambil untuk mengatasinya. Saya harap oleh kerana perkara ini selalu berlaku, maka satu pemantauan yang lebih berkesan diadakan supaya mengelak daripada masalah sedemikian.

Kelmarin juga saya telah menanya oleh kerana kelewatan projek ini, maka ganti rugi daripada pihak kontraktor itu, sama ada dituntut atau tidak dan kalau dituntut,

berapa jumlahnya dan sama ada itu mencukupi untuk sekurang-kurangnya membiayailah sebahagian daripada RM18 juta yang dipohon ini.

Perkara yang kedua, dalam Maksud B.26 ialah pembinaan kolej komuniti, dan di sini satu permohonan sebanyak RM4.220 juta diminta. Kebelakangan ini kita telah menyokong projek-projek kolej komuniti ini memandangkan hasrat kita ialah supaya pendidikan itu sampai ke pihak akar umbi dan lebih ramai orang di setiap kawasan Parlimen itu dapat menikmati kemudahan ini. Tetapi oleh kerana projek ini adalah satu projek yang baru, saya berharap bahawa kajian yang teliti juga dibuat semasa kita melakukan projek-projek semacam ini. Saya tidak mahu melihat banyak kolej komuniti itu dibina tetapi tanpa penglibatan pelajar-pelajar yang kita harapkan itu.

Saya tahu bahawa kos infrastruktur untuk membina kolej komuniti ini adalah tinggi dan kalau kita tidak mencapai hasrat kita supaya penyertaan pelajar ini ke kolej komuniti itu begitu berjaya, maka kitalah kehilangan input daripada pihak ini. Oleh kerana itu, semasa kita membina, kita juga harus mengkaji keberkesanan projek ini dan sama ada ini mematuhi kehendak-kehendak kita dan juga mencapai hasrat kita.

Sungguhpun saya menyokong bahawa duit ini dibelanjakan untuk projek ini, saya juga minta bahawa pemantauan dibuat supaya kita betul-betul mencapai hasrat yang kita telah rancangkan semasa projek ini diluluskan. Berkenaan dengan permohonan RM2.9 juta untuk Majlis Sukan Sekolah-sekolah Malaysia, duit ini dipohon supaya dapat meningkatkan mutu sukan negara melalui program pembangunan sukan sekolah.

Bagi saya ini adalah satu projek yang harus di sokong, tetapi kita juga kena ada pemantauan yang mencukupi untuk memastikan, selepas pelajar-pelajar ini menghabiskan pelajaran mereka di peringkat sekolah, maka mereka juga diberi peluang supaya dapat menyumbang dalam arena sukan kepada negara.

Kalau kita tidak ada tindakan untuk memantau keadaan selepas sekolah, maka perbelanjaan ini bagi saya sia-sia sahaja kerana ia hanya mencapai satu tahap, tetapi kemudian selepas itu, maka tidak adalah apa-apa tindakan seterusnya yang boleh membawa kesan baik kepada negara.

Apa yang saya maksudkan ialah selepas sekolah rendah atau sekolah pertengahan .....

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

**Timbalan Yang di-Pertua:** Jemput Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng.

**Dato' Dr. Chin Fook Weng:** Selepas bersekolah di peringkat rendah atau sekolah menengah, maka orang-orang ini mungkin sudah keluar bekerja ataupun meneruskan pelajaran di universiti, di institusi-institusi pengajian tinggi dan kalau latihan yang mereka terima itu pada awalnya, kalau itu tidak kita kesan lagi, maka sudah kehilangan bakat bagi negara.

Jadi saya lebih suka kalau skim ini juga, ada skim sampingan di mana selepas pelajar ini keluar dari sekolah, maka kita harus mengkaji sama ada sesuai atau tidak mereka diberi latihan berterusan dan juga sama ada penglibatan majikan mereka juga dipohon supaya bakat ini jangan kehilangan dan sama ada juga kita ada rancangan-rancangan di mana pelajar-pelajar ini diberi tempat-tempat khas di universiti-universiti dan juga di pusat-pusat pengajian tinggi yang lain, supaya mereka boleh jugalah semasa belajar, masih terlibat dalam arena sukan ini demi kebaikan bakat kitalah pada masa hadapan.

Di bawah skim ini, saya juga tidak tahu sama ada guru-guru yang mengambil bahagian dalam skim latihan ini juga diberi insentif dan sebagainya. Bagi saya guru-guru yang terlibat itu juga menjadi satu sumber galakan kepada pelajar-pelajar ini dan kalau pihak guru itu tidak diberi penghargaan di atas penyertaan mereka dalam skim ini, maka mungkin semangat itu pun kurang.

Jadi saya harap semasa kita gunakan duit ini untuk Majlis Sukan Negara, kita juga mengambil kira sumbangan daripada pihak guru kerana mereka sentiasanya bukan sahaja memberi latihan yang mencukupi kepada pelajar, tetapi juga memberi tunjuk ajar dan sebagainya dan galakan-galakan yang sepenuhnya kepada pelajar-pelajar ini.

Berkenaan dengan satu lagi permohonan sebanyak RM49.674 juta untuk Pembangunan Kecerdasan Mengira dan Aritmetik Mental dan juga untuk penutur jati, saya berpendapat permohonan ini harus juga diberi sokongan kita dan harus diluluskan dan saya sangat menyokong usaha Kementerian Pendidikan dalam kedua-dua program ini. Saya dapati kementerian ini sentiasa mengkaji bagaimana kita boleh menambah mutu pelajar kita dan dengan memperkenalkan program-program yang baru semacam ini, saya yakin pelajar-pelajar kita akan mencapai satu tahap yang lebih tinggi lagi.

Dalam Program Penutur Jati itu, bahasa Inggeris juga menjadi satu tumpuan di bawah program ini dan pada masa sekarang kita memahamilah bahawa pengenalan bahasa Inggeris di peringkat sekolah khususnya dalam aliran, untuk mata pelajaran Sains dan Matematik itu menjadi satu bahan perbincangan dan saya juga difahamkan bahawa pada 16 haribulan ini ada satu mesyuarat kabinet khas telah diatitkan untuk membincangkan perkara ini.

Jadi *input* daripada Dewan ini sangat mustahak dan juga *input* daripada orang ramai dan juga guru-guru sekolah, juga ibu bapa dan sebagainya dalam perbincangan ini. Saya nampak sangat penting memandangkan kita sudah ke satu tahap untuk memperkenalkan satu cara mengajar yang moden dan mungkin akan membawa kita Malaysia ini, ke suatu tahap antarabangsa yang lebih tinggi dan akan membolehkan kita mencapai satu lagi taraf di dunia khususnya sebagai pemimpin dunia ketiga kerana ramai daripada pihak-pihak ini pandang kepada Malaysia sebagai sumber bukan sahaja mendapat galakan, tetapi juga sebagai sumber tunjuk ajar dan sebagainya. Jadi pengalaman kita dalam perkara ini saya lihat sangat penting dan bukan sahaja rakyat kita, tetapi mungkin rakyat seluruh dunia pun melihat apa perkembangan kita dalam perkara bahasa Inggeris ini dan saya memujilah keberanian kementerian ini untuk memperkenalkan kedua-dua bahasa Inggeris kepada dua mata pelajaran yang mustahak di sekolah.

Saya harap program ini akan dapat berjalan dengan lancar dan dapat sokongan daripada setiap lapisan rakyat kerana program ini ialah untuk kebaikan negara, kerana kita sudah sampai tahap di mana dunia kita ialah satu dunia tanpa sempadan. Kita dapat menyertai semua perniagaan di mana-mana negara dan oleh kerana itu kita memerlukan rakyat yang bukan sahaja terlatih dalam bahasa Inggeris, tetapi juga terlatih dalam bahasa-bahasa lain kerana ini merupakan satu kekuatan kepada negara kita.

Kalau kita ke negara China, kita dapati mereka di sana hanya boleh bertutur dalam bahasa *Tionghwa* dan jaranglah kita boleh lihat seorang rakyat di sana yang boleh bertutur dalam dua atau tiga bahasa. Tetapi apabila mereka datang ke Malaysia mereka terkejut, apabila lihat rakyat kita sekurang-kurangnya boleh menggunakan tiga bahasa dan ada juga boleh menggunakan empat bahasa dan ini merupakan satu kekuatan kepada kita. Ini adalah kerana sistem pendidikan kita melihat kepada perkara-perkara macam ini, dan juga ada satu pandangan yang jauh dan satu pandangan yang terbuka dan satu pandangan yang moden. Saya harap semua rakyat kita akan menyokong usaha ini, supaya kita dapat membawa negara kita ke satu tahap yang lebih tinggi.

Satu lagi program ialah untuk memohon RM21 juta bagi menampung keperluan penawaran Biasiswa Kecil Persekutuan dan Biasiswa Kelas Persediaan Universiti kepada semua pelajar sekolah menengah yang berkelayakan mengikut kriteria yang ditetapkan.

Pendidikan merupakan satu daripada aktiviti yang tidak ada sempadan kaum dan sebagainya. Semua orang yang memerlukan bantuan harus diberi bantuan ini. Kita harus menggalakkan mereka yang kelayakan dan mempunyai kebolehan yang tinggi, supaya melanjutkan pelajaran mereka. Kita dapati selepas mereka belajar, mempunyai pengalaman yang luas, maka mereka bukan sahaja menjadi rakyat yang berguna kepada Malaysia, tetapi dapat juga mencari pekerjaan di tempat-tempat lain dan dengan itu menyumbang kepada kekayaan negara.

Jadi saya harap duit RM21 juta ini akan digunakan dengan baiknya untuk membantu mereka yang memerlukan bantuan ini, tanpa mengira keturunan mereka selagi mereka layak dan perlukan bantuan, maka duit ini harus disalurkan kepada pihak-pihak berkenaan. Berkenaan dengan permohonan yang dibuat oleh Kementerian

Kesihatan dan sebagainya, itu saya difahamkan hanya untuk menampung keperluan kenaikan gaji dan sebagainya, jadi tidak perlulah saya memberi komen kepada itu.

Kelmarin saya juga ada menyentuh tentang dua permohonan untuk membantu Kerajaan Sabah dan juga Kerajaan Johor. Tujuan saya membahaskan kedua-dua peruntukan itu ialah supaya memastikan kita dapat belajar sedikit, kenapa perkara itu telah berlaku dan bukan sebagai teguran kepada Kerajaan Negeri Sabah dan juga kepada Kerajaan Negeri Johor. Saya berharap rakan-rakan saya di Dewan ini dari negeri Sabah dan negeri Johor tidak melihat itu sebagai satu teguran.

Saya hanya hendak tahu kenapa perkara itu telah berlaku, supaya negeri yang kecil seperti Pulau Pinang dan juga Perlis dapat belajar dan supaya perkara itu kita dapat elakkan dari timbulnya dan sekiranya, kita boleh cari sebab-sebab itu, maka kita juga boleh mengambil tindakan-tindakan yang sesuai untuk mengelakkan perkara-perkara itu berlaku.

Jadi itu sahajalah dan memandangkan ada ramai rakan saya belum berucap, maka saya menutup dengan memberi sokongan saya kepada permohonan-permohonan perbelanjaan tambahan ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Jemput Yang Berhormat Yang Berhormat Puan Hajah Melati binti Ali.

**11.43 pagi.**

**Puan Hajah Melati binti Ali:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin turut serta di dalam perbahasan rang undang-undang suatu Akta yang bernama Akta Perbekalan Tambahan (2002) bagi tujuan untuk mengadakan peruntukan bagi pengeluaran wang daripada Kumpulan Wang Disatukan sebanyak satu bilion empat ratus tiga juta tiga ratus empat puluh dua ribu tujuh ratus sepuluh ringgit untuk perkhidmatan dan maksud yang dinyatakan dalam Jadual bagi tahun 2002.

Tuan Yang di-Pertua, saya cuma ingin menyentuh bagi Maksud B.26 dan B.34 sahaja dan saya juga mengambil kesempatan mengucapkan tahniah kepada Kementerian Pendidikan di atas peruntukan yang akan diluluskan sebanyak RM886,858,700 untuk perbelanjaan perkhidmatan.

Tuan Yang di-Pertua, hari ini kita semua mengetahui bahawa kerajaan telah pun mencadangkan supaya penguasaan bahasa Inggeris di semua peringkat perlu ditingkatkan dan bahasa Inggeris adalah merupakan bahasa pengantar dalam mata pelajaran Sains dan Matematik di semua sekolah dan peringkat. Saya juga ingin bertanya kepada pihak Kementerian Pendidikan apakah persediaan yang telah dibuat sama ada dari segi latihan guru, kelengkapan makmal dan peralatan tambahan guru bagi menjayakan program tersebut.

Saya sedar bahawa pada masa kini guru untuk mengajar mata pelajaran Bahasa Inggeris sangat kurang terutamanya bagi sekolah-sekolah di luar bandar. Apabila Sains dan Matematik akan diajar pula dalam bahasa Inggeris. Masalah mendapatkan guru yang boleh menguasai bahasa Inggeris untuk mengajar Sains dan Matematik akan berlipat ganda. Saya khuatir nanti sukatan pelajaran habis diajar tetapi murid tidak menguasainya.

Apabila di peringkat asas mereka lemah bukan kerana mereka tidak bijak atau tidak pandai tetapi disebabkan penguasaan bahasa. Masalah ini akan berterusan ke peringkat seterusnya, maka aniyalah bagi mereka kerana disebabkan peralihan dasar, mereka menjadi mangsa.

Tuan Yang di-Pertua, sebab saya mengatakan begini kerana hari ini pun kita semua sendiri maklum bahawa masalah guru-guru mata pelajaran Bahasa Inggeris ini telah lama kita bincangkan tetapi masih lagi kita tidak dapat mengambil tindakan dan kita tidak dapat menambahkan dari segi guru-guru mata pelajaran Bahasa Inggeris ini. Diharapkan supaya pihak Kementerian Pendidikan biarlah benar-benar serius di dalam menangani masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada hari ini kalau dilihat di luar-luar bandar, guru yang mengajar mata pelajaran Bahasa Inggeris adalah terdiri guru-guru yang mengajar mata pelajaran yang lain. Jadi, bagaimanakah kita hendak meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris kepada pelajar-pelajar di peringkat sekolah rendah, menengah dan seterusnya sedangkan hari ini masalah itu berterusan dan itulah yang membimbangkan saya.

Diharapkan supaya pihak kerajaan benar-benar serius dan juga dari segi penyediaan guru-guru ini biarlah dari segi pengambilannya guru-guru mata pelajaran Bahasa Inggeris itu benar-benar guru yang boleh berkomunikasi dan boleh menguasai lebih baik dan juga berkemahiran. Kita bimbang apabila tahun hadapan semua mata pelajaran peperiksaan yang akan diadakan pada kedua-dua mata pelajaran ini berbahasa Inggeris. Kita bimbang nanti bukan sahaja mata pelajaran Bahasa Inggeris tidak lulus malahan mata pelajaran Matematik dan Sains juga.

Bagi murid-murid di bandar, pada saya mereka lebih bernasib baik kerana majoriti guru di bandar lebih banyak menguasai bahasa Inggeris selain daripada kemudahan dan sokongan yang dapat membantu mereka. Mana-mana bahasa juga memerlukan masa setidak-tidaknya tiga hingga empat bulan jika bahasa tersebut baru dipelajari secara intensif. Saya ingin bertanya sama ada latihan secara intensif untuk penguasaan bahasa Inggeris diadakan untuk guru-guru yang akan mengajar Sains dan Matematik. Bagi mengurangkan masalah serta mengatasi ..

**Datuk Mansor bin Haji Md Jaafar:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Hajah Melati, Datuk Mansor minta laluan. Dijemput Yang Berhormat Datuk

**Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sedikit sahaja untuk saya berkongsi pandangan dengan Yang Berhormat Melati. Kerisauan Yang Berhormat Puan Hajah Melati tentang ketiadaan guru-guru atau tenaga pengajar dalam bahasa Inggeris tetapi kita ada dimaklumkan semalam ataupun hari ini bahawasanya kerajaan sedang berusaha untuk memanggil semula guru-guru yang pakar dalam bahasa Inggeris untuk diberikan tugas secara kontrak.

Mungkin bukan untuk tempoh masa daripada pagi sampai ke petang tetapi dalam satu jangka masa sesuai dengan keadaan mereka yang sudah bersara tetapi kita dapat tahu bahawasanya kerajaan sekarang ini akan memanggil semula mereka yang ada kepakaran dalam mengajar mata pelajaran Bahasa Inggeris supaya mengajar semula.

Kalaulah itu caranya, sebagaimana yang kita selalu mengatakan supaya satu tindakan yang segera dilakukan, pada pandangan Yang Berhormat Melati, adakah itu akan dapat menyelesaikan masalah ini dalam jangka pendek. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dijemput Yang Berhormat Hajah Melati.

**Puan Hajah Melati binti Ali:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Datuk Mansor. Sebenarnya cadangan Yang Berhormat itu ada di dalam cadangan saya selepas ini nanti dan saya rasa saya menyokong cadangan itu dan memang kita alu-alukan kerana kadang-kadang usia bersara iaitu 55 tahun.

Saya rasa masih boleh berkhidmat dan boleh membantu kerajaan dari segi meningkatkan bahasa Inggeris di sekolah-sekolah ini. Juga dalam masa yang singkat ini, saya berpendapat dengan adanya sokongan dan dalam cadangan saya juga bukan sahaja guru-guru yang telah bersara malahan mungkin ada badan-badan sukarela yang boleh membantu dan menguatkan lagi supaya mempercepat lagi penguasaan bahasa Inggeris ini dapat ditingkatkan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin meneruskan berhubung dengan usaha bagi mengurangkan serta mengatasi masalah-masalah untuk program yang telah dijalankan ini. Saya ingin mengesyorkan iaitu makmal bahasa Inggeris perlu diadakan di sekolah-sekolah supaya guru-guru dan murid-murid boleh menggunakannya sebagai tempat rujukan sebutan dari segi, fonetik, daripada segi struktur bahasa dan lain-lain.

Ini adalah penting kerana kita tidak juga orang Malaysia dari luar bandar bertutur bahasa Inggeris mengikut telor dan pelat masing-masing. Contohnya kalau orang Kelantan dengan pelat Kelantannya, menggunakan bahasa Inggeris tetapi pelatnya mengikut negeri. Jadi, untuk itu kita rasakan perlu diadakan makmal bahasa khususnya untuk mengatasi masalah penggunaan bahasa Inggeris itu dapat diselaraskan...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Macam mana orang Kelantan bercakap bahasa Inggeris ini.

**Puan Hajah Melati binti Ali:** *[Ketawa]* Itu kena tanya orang Kelantanlah. Tetapi kalau kita lihat guru-guru bahasa Inggeris dari kalangan kaum India dan Cina

kalau kita belajar Bahasa Inggeris dengan guru Cina kita akan mengikut cara rentak orang Cina, ini pengalamanlah Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat kalau hendak cepat tidak payahlah, asal faham sudah.

**Puan Hajah Melati binti Ali:** *[Ketawa]* Asal faham sudah!..

**Timbalan Yang di-Pertua:** Hendak mendapatkan *Queen's English*, kena tanya Datuk Nor Azah.

**Puan Hajah Melati binti Ali:** Okey, seterusnya ..

**Puan Jamilah binti Ibrahim:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada lagi minta mencelah Yang Berhormat Puan Hajah Jamilah.

**Puan Jamilah binti Ibrahim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Melati. Saya pun tumpang *share* pengalaman bersama sebab kalau kita bimbang hendak bertutur bahasa asing dengan menunggu sehingga *grammar* nya cukup betul maka tidak ada orang yang berani bercakap. Sebab itu kalau kita hendak bercakap apa-apa bahasa, tidak usah kira, *broken* pun, *broken* lah. Kerana komunikasi yang pentingnya, apa yang kita hendak faham.

Jadi, kebanyakan di Malaysia ini berdasarkan pengalaman saya, orang yang boleh bertutur bahasa Inggeris pun tetapi kalau dia hendak bertutur sama-sama Melayu, dia bimbang bahasanya takut *broken*, tidak bercakap walaupun dia boleh. Begitu juga dengan bahasa lain. Jadi, bagaimana pandangan Yang Berhormat Melati. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dijemput Yang Berhormat Melati.

**Puan Hajah Melati binti Ali:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya apa yang saya cakap tadi dari segi kita untuk hendak membantu pelajar-pelajar di sekolah-sekolah. Dari segi bahasa perbualan memanglah kita kalau hendak mengikut *grammar* nya melalui perbualan memang tidak semua orang dapat menggunakan bahasanya dengan baik tetapi kalau sudah orang kata tidak boleh kita menguasai dengan secara mengikut *grammar* nya dengan betul, jadi ada lebih baiknya kita juga boleh menggunakan secara *broken* untuk diri kita sendiri dan juga untuk perbualan kita seharian. Terima kasih.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua di luar bandar juga mengalami kekurangan guru-guru Bahasa Inggeris. Guru-guru yang ada dibebani dengan masa mengajar yang terlalu berat. Dengan adanya arahan baru untuk mengajar juga Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris saya khawatir nanti guru-guru Bahasa Inggeris akan juga diarahkan oleh guru besar untuk mengajar Sains dan Matematik.

Jika ini berlaku, kualiti rendah dalam pengajaran dan pembelajaran akan berlaku kerana pengajaran dua mata pelajaran ini merupakan kemahiran yang berbeza dan saya khawatir nanti guru bukan sahaja kurang penguasaan bahasa Inggeris tetapi juga kemahiran bidang Sains dan Matematik itu sendiri .

Saya menjangka prestasi sekolah-sekolah di luar bandar dalam jangka masa dua tiga tahun akan datang, akan menurun apabila ini berlaku, guru-guru akan dipersalahkan. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini pun guru-guru merata-rata telah bertanya dan bercakap sesama mereka sendiri dengan adanya arahan dan juga dengan saranan daripada kerajaan supaya tahun hadapan peperiksaan Matematik dan Sains dibuat dalam bahasa Inggeris. Kerana mereka khawatir juga keupayaan guru-guru yang sedia ada ini tidak boleh membantu murid-murid dari segi untuk menghadapi peperiksaan dalam bahasa Inggeris.

Bagi membantu mengatasi masalah ini Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan supaya diadakan sistem sukarelawan bahasa Inggeris seperti mana di zaman dahulu seperti di luar negara dan saya percaya ramai di kalangan mereka yang mahir berbahasa Inggeris boleh dan ingin terlibat serta dalam program negara bagi memperluas penguasaan bahasa Inggeris di kalangan generasi ini.

Sukarelawan ini boleh datang mengendalikan kelas bagi bidang-bidang tertentu, contohnya untuk sesi perbualan, membaca, nyanyian dan sebagainya kerana

bahasa Inggeris, mana-mana bahasa pun memerlukan juga aspek ini untuk penguasaan bahasa. Banyak lagi kaedah yang boleh digunakan dengan kerjasama sukarelawan bahasa Inggeris.

Pokoknya berilah peluang kepada rakyat untuk turut serta dalam agenda negara kita bagi menyediakan generasi muda menguasai bahasa Inggeris. Masih terdapat ramai guru-guru, pegawai-pegawai kerajaan yang bersara yang dahulunya penguasaan bahasa Inggeris mereka lebih tinggi boleh diberi peluang untuk mereka membantu melalui sistem sukarelawan bahasa Inggeris ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin meminta Kementerian Pendidikan benar-benar meneliti keperluan tenaga pengajar kerana kita tidak mahu kesan negatif dihadapi oleh murid-murid di luar bandar. Di bandar apa jua dasar baharu pun mereka akan beruntung kerana kemudahan baik dari segi tenaga pengajar mahu pun kelengkapan sangat mencukupi.

Saya minta juga supaya Kementerian Pendidikan turun ke beberapa sekolah terpencil dan mengamati bagaimana mata pelajaran Bahasa Inggeris diajar terutamanya daripada segi kaedah yang digunakan. Biasanya diterjemahkan, amali kurang dan murid juga tidak mendapat peluang menggunakan bahasa Inggeris di rumah kerana ahli keluarganya juga tidak boleh menguasai bahasa Inggeris dan yang kelima saya ...

**Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Melati ada yang meminta laluan. Dijemput Yang Berhormat Siti.

**Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Melati. Saya tertarik dengan perbincangan Yang Berhormat berkenaan dengan kaedah pengajaran Bahasa Inggeris. Kita melihat bagaimana pembelajaran Bahasa Inggeris di sini sudah lama ada dalam sukatan sekolah di dalam negara kita tetapi apa menjadi punca masalah sekarang penguasaan itu masih lemah di kalangan pelajar.

Apakah ianya berpunca daripada cara pendekatan yang mungkin tidak sesuai, sebab kita melihat dalam negara kita ini pengajaran Bahasa Inggeris ini lebih mirip kepada cara pembelajaran Bahasa Malaysia. Jadi, mungkin apa pandangan Yang Berhormat sekiranya kerajaan memperkenalkan satu pelajaran iaitu selain daripada Matematik dan Sains dalam bahasa Inggeris tetapi menggunakan satu subjek mata pelajaran Inggeris Komunikasi. Apa pandangan Yang Berhormat. Terima kasih.

**Puan Hajah Melati binti Ali:** Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat. Saya rasa dari segi kurikulum dan juga dari segi mata pelajaran Bahasa Inggeris yang telah ditetapkan oleh kerajaan itu memang sudah lengkap. Mungkin dari segi ilmu ataupun keupayaan guru-guru yang diminta untuk mengajar murid-murid di sekolah itu tidak sepenuhnya mempunyai kemahiran daripada segi pengajaran Bahasa Inggeris seperti mana yang saya nyatakan tadi.

Saya juga bersetuju dengan cadangan Yang Berhormat supaya mengadakan satu kelas khas Bahasa Inggeris Komunikasi. Itu saya menyokonglah bagi mempercepat lagi penguasaan bahasa Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mencadangkan diadakan satu program Bahasa Inggeris Bersama Rakyat kerana murid boleh berinteraksi di sekolah dan di luar sekolah dalam bahasa Inggeris. Adakan semula Bulan Bahasa tetapi untuk bahasa Inggeris. Saya percaya dengan ada juga penyertaan rakyat dalam menggalakkan menggunakan bahasa Inggeris murid-murid lebih berpeluang untuk menggunakan bahasa Inggeris bukan sahaja semasa waktu pelajaran malahan di mana-mana juga.

Bayangkan suasana yang akan berlaku jika murid, ibu bapa, juga pekedai menggunakan bahasa Inggeris walaupun dalam keadaan yang tidak betul, pada pendapat saya sungguh memeriahkan. Usaha ini perlu sokongan dari semua lapisan masyarakat. Insya-Allah, kita akan mendapat kejayaan.

Seperkara lagi saya ingin mencadangkan juga supaya latihan dalam perkhidmatan guru-guru ini seboleh-bolehnya elakkan semasa dalam waktu persekolahan kerana kelas akan terganggu bukan sahaja semasa ketiadaan guru malah selepas guru balik juga kerana guru juga memerlukan rehat dan selepas

berkursus. Saya percaya bahagian latihan guru atau lain-lain latihan boleh membuat perancangan yang kemas dalam hal ini.

Saya ingin menekankan dari segi latihan guru dalam waktu persekolahan memang merugikan. Apa yang berlaku pada hari ini, yang saya telah dimaklumkan oleh pelajar dan juga guru-guru. Guru-guru yang telah diberikan latihan dalam masa sekolah .....

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terus, terus.

**Puan Hajah Melati binti Ali:** Masa guru ini menerima latihan seminggu, dua minggu, kadang-kadang sampai sebulan. Tetapi yang menyedihkan, kebanyakan guru-guru yang terpaksa mengikuti kursus-kursus yang telah ditetapkan oleh pihak Kementerian, pihak sekolah tidak mempunyai guru yang cukup untuk mengganti kelas-kelas yang ditinggalkan. Dan yang merugikan itu ialah pelajar-pelajar tersebut terutama sekali pelajar-pelajar yang akan mengambil peperiksaan untuk PMR dan SPM.

Saya bimbang dengan keciciran atau kemunduran pelajar-pelajar ini bukanlah disebabkan oleh keluarga malahan juga dengan ketiadaan guru-guru waktu persekolahan. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya mengharapkan dan mencadangkan supaya pihak Kementerian menimbang semula, membuat kajian semua tentang latihan guru di waktu persekolahan ini.

Ini bukan masalah baru tetapi sudah berterusan terlalu lama dan kita telah mencadangkan supaya pihak Kementerian membuat kajian, membuat pemantauan berhubung dengan latihan guru di waktu persekolahan. Saya hendak cakapkan di sini mungkin saya rasa ini adalah satu peluang yang baik untuk saya sampaikan.

Mungkin rakan-rakan saya juga telah menyampaikan dan biarlah Kementerian mengambil serius tambahan pula hendak menghadapi ketiga-tiga mata pelajaran ini untuk dihadapi oleh pelajar-pelajar ini. Kita bimbang, Tuan Yang di-Pertua, malahan ada satu kelas itu kalau cikgunya pergi kursus sebulan, sebulan cikgu yang menggantikan itu masuk, tengok murid-murid ada dalam darjah, keluar. Bila kita tanya anak kita, "*Hari ini belajar apa?*" "*Cikgu tidak ada*". "*Berapa lama cikgu kursus?*" "*Sebulan*". Latihan tidak diberi, tumpuan tidak diberi. Jadi, ini yang membimbangkan kita, kalau boleh elakkanlah daripada latihan guru dalam waktu persekolahan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin meneruskan juga perkara yang keempat iaitu bagi menentukan penguasaan bahasa Inggeris berjalan dengan baik. Saya mencadangkan supaya mata pelajaran Bahasa Inggeris mesti dijalankan bermula daripada di tabika dan tadika-tadika yang telah dijalankan oleh tiga Kementerian, iaitu Kementerian Pendidikan, Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. Saya ingin mencadangkan supaya ketiga-tiga Kementerian ini duduk berbincang dan juga menjalankan usaha sama, kerjasama dari segi melatih guru-guru tabika dan tadika ini. Kita tidak nampak hari ini, bila kerajaan mencadangkan supaya Matematik dan Sains diajar dalam bahasa Inggeris dalam keadaan yang agak singkat ini, tidak mungkin kita boleh dapat memberikan penguasaan Bahasa Inggeris kepada anak-anak kita.

Jadi, untuk jangka panjangnya saya ingin mencadangkan supaya Bahasa Inggeris juga diajar daripada tabika dan tadika ini. Jadi, ketiga-tiga Kementerian ini bertanggungjawab dan bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan supaya melatih guru-guru tadika ini dengan bersungguh-sungguh. Saya teringat dahulu pada tahun 1970-an, 1979 kalau saya tidak lupa, pada masa kerajaan mencadangkan supaya semua sekolah dan murid-murid ini pandai menggunakan alat-alat muzik ketika itu dan pihak Kementerian Pendidikan sendiri melatih dan menghantar guru-guru tadika daripada tabika KEMAS, di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan juga tabika daripada Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat.

Lepas itu, selepas lebih kurang setahun, habis tinggal begitu sahaja dan sekarang ini alat muzik ada, gurunya tidak boleh menggunakan alat muzik. Saya bimbang juga berlakunya dengan masalah penggunaan penguasaan bahasa Inggeris ini. Kita tidak hendak semasa kita tengah hangat ini, kita berlumba-lumba hendak mengadakan latihan, kita berlumba-lumba memintakan peruntukan, selepas itu setahun, dua tahun bila kita rasa bahawa peningkatan bahasa Inggeris itu agak boleh ditingkatkan, kemudian kita tinggal dan kita pun tidak ada lagi latihan-latihan berterusan.

Saya mengingatkan juga kepada pihak ketiga-tiga kementerian ini supaya mengambil alih semua tadika di bawah pertubuhan dan persatuan-persatuan yang wujud pada hari ini, sebab kita hendak selaraskan. Kita tidak hendak anak-anak tadika, di tabika, di bawah ketiga-tiga kementerian ini dapat menerima dan juga dapat pembelajaran Bahasa Inggeris ini dengan baik tetapi tiba-tiba anak-anak kita yang belajar di persatuan-persatuan, pertubuhan-pertubuhan tidak swasta – sebab swasta ini ada yang lebih baik daripada yang ada pada hari ini. Mungkin dari segi peralatan, dari segi guru dan latihannya mereka ini mengikut perkembangan sebagaimana arahan kerajaan.

Tetapi pertubuhan-pertubuhan, persatuan-persatuan sukarela ini, yang cuba hendak menubuhkan tabika dan tadika ini, kalau boleh, kalau hendak juga tubuh tetapi gurunya mesti dilatih dan juga mesti dari ketiga-tiga kementerian ini, daripada pihak kerajaan, barulah mata pelajaran ini dapat dijalankan dengan baik mengikut susunan dan tingkatan, peringkat-peringkat persekolahan. Dan juga saya rasa apabila dilaksanakan daripada peringkat pra-sekolah ini, penguasaan bahasa Inggeris kepada rakyat Malaysia, insya-Allah akan berjaya.

Yang kelima, Tuan Yang di-Pertua, dalam perbincangan ini juga saya ingin bertanya pihak Kementerian Pendidikan, bagaimanakah pemantauan dibuat terhadap pembelajaran yang diajar oleh guru-guru di sekolah. Pembelajaran, Tuan Yang di-Pertua, yang ingin saya sentuh di sini iaitu contohnya saya beri. Satu kelas katalah untuk Tingkatan Satu, ia ada kelas A, ia ada kelas Bijak, Bestari dan sebagainya nama-nama yang diberi oleh pihak sekolah. Apa yang berlaku pada hari ini pembelajaran setiap kelas itu tidak sama. Kerana hari ini saya difahamkan yang Tuan Yang di-Pertua juga adalah di kalangan guru, pendidik sebelum ini .....

**Timbalan Yang di-Pertua:** Saya mendengar dengan penuh minat.

**Puan Hajah Melati binti Ali:** Kita lihat pembelajaran di kelas-kelas, katalah lima kelas tidak sama Tuan Yang di-Pertua. Kerana guru ini dia lebih berminat dan dia lebih tertarik untuk menumpukan kepada kelas yang pertama sahaja. Guru-guru yang membimbing atau yang mengajar untuk kelas pertama ini dia lebih cenderung untuk melatih tiga puluh orang murid ini sahaja. Berbeza!. Katalah untuk mata pelajaran Matematik. Untuk kelas A ini, cikgunya menyediakan pelbagai latihan. Kelas B, kelas C dan kelas seterusnya tidak ada langsung latihan, Tuan Yang di-Pertua. Macam mana kita hendak meningkatkan, hendak memberikan kecemerlangan kepada pelajar-pelajar kita di semua peringkat dalam satu kelas itu tetapi dari segi pembelajaran gurunya tidak sama, Tuan Yang di-Pertua.

Yang inilah yang patutnya dibuat penyeliaan yang rapi oleh pihak Kementerian Pendidikan. Memang apabila saya mencadangkan, saya tidak ingat bila tetapi dijawab oleh pihak kementerian bahawa perkara itu telah dilaksanakan tetapi sehingga hari ini perkara itu berlaku, menyebabkan apabila berlakunya peperiksaan sama ada PMR, UPSR, SPM, berlakulah banyak keciciran. Apabila kita lihat, yang dapat cemerlang itu memangnya daripada pelajar-pelajar atau anak-anak kita yang dapat kelas satu dan juga kelas dua.

Sepatutnya tidak berlaku sebab apa, guru-guru yang disediakan di situ, guru-guru yang dilatih, guru-guru yang diberikan tanggungjawab itu sama sahaja kelulusannya, sama sahaja tanggungjawabnya, kurikulumnya sama tetapi kenapa ada berlakunya yang ini patut diberikan tumpuan lebih, yang ini tidak diberikan tumpuan lebih. Jadi, bila berlaku keputusan periksa keluar, yang ini salah orang ini, salah, semua salah. Tetapi saya memang amat musykil sekali tentang pembelajaran yang berlaku di kelas-kelas di tingkatan setiap satu tingkatan. Jadi, harapan saya selepas ini nanti kalau berlaku lagi perkara ini bagaimanakah cara kita, bagaimanakah kita hendak meningkatkan perkara yang baru ini untuk penguasaan bahasa Inggeris – guru untuk mengajar Bahasa Inggeris sebagai bahasa perantaraan untuk Matematik dan Sains. Tidak mungkin, keciciran tetap akan berlaku kerana sikap ataupun kerana mungkin kurang pemantauan, penyeliaan dari segi kurikulum di kelas-kelas itu sendiri.

Dalam B.24 juga ini, Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mencadangkan, walaupun peruntukan itu diberikan kepada perkara-perkara yang lain tetapi saya mengambil kesempatan, juga ingin menyarankan kepada Kementerian Pendidikan berhubung dengan penyelia-penyelia asrama di sekolah-sekolah yang berasrama, masih lagi tidak mencukupi. Kalau kita lihat di sini mungkin tidak berlaku di bandar-bandar tetapi berlaku di luar-luar bandar. Kenapa kerajaan tidak wujudkan satu

jawatan khas dengan memberikan peruntukan bergaji. Ambil sahaja penyelia-penyelia asrama ini terdiri daripada orang-orang yang di luar daripada guru-guru.

Pada hari ini, untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan rakan-rakan, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, penyelia-penyelia asrama di sesetengah tempat itu dipertanggungjawabkan kepada guru-guru akademi, guru-guru kelas. Jadi, bagaimana caranya guru itu hendak membahagikan masa, hendak menumpukan tugas-tugasnya sebagai guru akademik dengan sebagai penyelia asrama. Itulah yang berlaku pada hari ini, Tuan Yang di-Pertua, dari segi penyeliaan asrama pun tidak dapat dijalankan dengan baik.

Ini berlaku di tempat saya, Tuan Yang di-Pertua, dan apabila saya cadangkan kerana dia kata tidak cukup, tidak ada peruntukan, jawatan tidak dapat ditambah lagi, jadi di sinilah tempat untuk saya cadangkan supaya pihak Kementerian Pendidikan mengambil berat tentang masalah ini. Sebab kita tahu penuntut kita di asrama juga memerlukan perhatian daripada kita semua.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh tentang Perkara B.34. Saya telah membuat pengamatan bahawa kerajaan kini banyak membina klinik desa yang dari segi bangunannya memang cantik, dua tingkat dan stafnya juga baik melayan pesakit. Saya ingin mencadangkan beberapa perkara yang ada kaitannya juga dengan tempat saya dan sebelum itu saya juga ingin mencadangkan supaya pihak kerajaan dapat menambahkan doktor-doktor sama ada yang tidak pakar dan juga yang ada kepakaran.

Semua rakan saya juga ada menyentuh tentang kekurangan doktor, terutama sekali doktor-doktor yang berkhidmat di luar bandar. Kalau hendak kita tunggu, kalau seseorang itu ada mempunyai penyakit yang serius datang ke pusat kesihatan kecil ataupun hospital daerah terpaksa tunggu berbulan-bulan, kerana hendak berjumpa dengan doktor pakar. Kita kata kita banyak doktor, kita kata kita banyak kewangan. Doktor ini memang penting untuk menjaga kesihatan rakyat di seluruh negara. Jadi, masalah doktor ini sama juga seperti yang saya ceritakan tadi dengan masalah pertambahan guru.

Jadi, pada hari ini contohnya di Rompin sendiri, Tuan Yang di-Pertua, doktor terpaksa digilir-gilirkan tempat bertugas dengan Pulau Tioman, sedangkan Pulau Tioman akan dijadikan sebagai pulau bebas cukai, sudah tentulah penduduknya akan bertambah dan sudahlah begitu, Pulau Tioman ini untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, perhubungan di antara Pulau Tioman dengan Rompin memang agak sukar, terutama sekali dalam waktu-waktu musim tengkujuh. Tidak usah kata hendak ikut jalan laut, hendak ikut jalan udara pun tidak boleh.

Tetapi kalau ada masalah berlaku, kes-kes yang seperti ini, bagaimanakah pesakit ataupun rakyat kita yang berada di sana untuk mendapatkan rawatan dalam ketika itu. Jadi, saya ingin mencadangkan biarlah dihadkan, wujudkanlah kalau bukan hospital daerah pun, pusat kesihatan kecil tetapi mempunyai seorang doktor khas di situ. Tidak seperti pada hari ini, sebulan doktor itu duduk di Rompin, sebulan duduk di Pulau Tioman, bergilirlah itu. Dan ada juga setengahnya, di pusat-pusat kesihatan kecil hanya Pembantu Perubatan atau Hospital Assistant (HA) sahaja yang ada. Jadi, masalah doktor ini memang masalah serius.

Saya mencadangkan kepada pihak kementerian supaya buatlah peninjauan dan pemantauan dari segi penambahan doktor bukan sahaja di tempat saya malahan mungkin di seluruh negara dan terutama sekali di luar bandar. Jadi, tidak usah sangat difikirkan dari segi tidak cukup kerana rakyatnya ada berapa ribu, tanyakan dahulu bila hendak menempatkan doktor, sedangkan kita kena fikir juga masalah keadaan tempat itu sendiri sebagaimana yang telah saya nyatakan tadi.

Dan yang keduanya ialah masalah wad-wad penempatan pesakit-pesakit. Ini juga sedang berlaku, Tuan Yang di-Pertua. Saya hairan juga bila lulus peruntukan dalam Dewan untuk membayar itu dan untuk menampung ini, saya sokong dan saya setuju tetapi hendaklah juga diperuntukkan tentang kemudahan-kemudahan asas seperti ini yang ada di hospital-hospital.

Saya memang salah seorang daripada Ahli Pelawat Hospital, tetapi kadang-kadang kita sebagai Ahli Pelawat ini sekadar untuk hendak mengetahui bagaimana perjalanan hospital, berapa pesakit, tetapi kita cadangkan juga perhubungan dengan wad-wad di hospital ini. Di Muadzam Shah itu, wad hospitalnya besar dewan ini. Saya

hendak maklumkan kepada Tuan Yang di-Pertua dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian bahawa di situlah ditempatkan pesakit lelaki dan pesakit perempuan, bayangkanlah!

Saya pernah duduk di wad itu. Saya menjaga suami saya pada ketika itu. Bayangkan, mula-mula saya perasan mungkin yang lelaki itu ada skrin sedikit untuk kita halangkan antara pesakit wanita dan lelaki, cuma yang adanya wad bersalin dan juga wad wanita mengandung yang serius, tetapi yang lain-lain kalau yang *accident* kah, kalau sakit jantung kah, apa benda kah, duduk di situlah. Jadi, tidak mencukupi.

Saya hendak mencadangkan di sini dan juga ingin menekankan kepada pihak kementerian, kalau hendak bina hospital, binalah secukupnya dari segi kemudahan ini. Jangan sekadar bina, selepas itu ruang pejabatnya besar, kemudian tempat-tempat kemudahan seperti ini kecil.

Baru-baru ini diluluskan peruntukan untuk membina pejabat. Saya kata mengapa tidak minta peruntukan untuk membina wad? Yang ini lebih penting. Dari segi Islam pun, tidak menggalakkan perempuan dan lelaki dalam satu tempat. Maklumlah orang sakit, ada masa dia sedar, ada masa dia tidak sedar. Jadi, saya hendak luah ini, sebab Tuan Yang di-Pertua, saya rasa inilah kali terakhir saya bercakap dalam Dewan ini.

Jadi, itulah harapan saya dan juga harapan rakyat seluruh negara supaya kerajaan berhati-hati dan supaya kerajaan mengambil serius tentang perkara ini kalau benar-benar kita ingin membantu dan meningkatkan kesihatan rakyat di luar-luar bandar.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, saya harap Kementerian Kesihatan ambil perhatian pasal skrin itu. Tidak besar sangat belanja itu kan?

**Puan Hajah Melati binti Ali:** Haa.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Bukanlah juta-juta sangat.

**Puan Hajah Melati binti Ali:** Yalah, skrin itu satu tetapi kalau....

**Timbalan Yang di-Pertua:** Apa lagi pula? *[Ketawa]*

**Puan Hajah Melati binti Ali:** Tetapi kalau boleh, skrin pun tidak muat hendak letak, Tuan Yang di-Pertua, sempit.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ha, padanlah pun!

**Puan Hajah Melati binti Ali:** Jadi, kena besarkan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Jadi, perlukan bangunan hospital yang barulah itu.

**Puan Hajah Melati binti Ali:** Bangunan memang bangunan baru tetapi untuk bilik wad hendaklah diperbesar.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Maknanya dari segi perancangan barangkali.

**Puan Hajah Melati binti Ali:** Itu saya tidak tahu, tanah banyak, Muadzam Shah luas tanahnya. Bolehlah kalau hendak...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Negeri Pahang terkenal segala-galanya besar. *[Ketawa]*

**Puan Hajah Melati binti Ali:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, memandangkan kerajaan perlu membelanjakan begitu banyak peruntukan bagi meningkatkan kesihatan rakyat dan disebabkan di antara lain rakyat sendiri tidak mengamalkan gaya hidup sihat. Saya ingin mencadangkan juga supaya Bahagian Pendidikan Kesihatan, Kementerian Kesihatan melipatgandakan usaha mendidik rakyat secara integrasi melalui sekolah-sekolah, persatuan-persatuan dan juga media massa, menggunakan maklumat terkini dan juga kaedah yang lebih sesuai pada masa kini. Perlu ditonjolkan kepada rakyat kesan buruk yang diakibatkan oleh pengabaian kesihatan diri. Kesan ini perlu dikaitkan atas penderitaan yang dihadapi oleh keluarga yang bergantung hidup semata-mata kepada pesakit ataupun si mati. Dengan cara ini mungkin rakyat akan beri perhatian betapa perlunya menjaga kesihatan diri. Kempen kesihatan perlu diadakan secara berterusan, bukan pada masa-masa tertentu sahaja,

diadakan sekali serta kesedaran rakyat di tahap rendah sehinggalah amalan hidup sihat menjadi amalan biasa rakyat. Pendekatan yang sesuai dan berkesan perlu diadakan.

Dengan kata-kata itu, Tuan Yang di-Pertua, saya turut menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dijemput Yang Berhormat Datuk Ghazi.

**12.18 tgh.**

**Datuk Ghazi bin Haji Ramli:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbanyak terima kasih kerana memberi laluan kepada saya untuk mengambil bahagian membahaskan dan menyokong Akta Perbekalan Tambahan 2002. Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kerana telah membuat pembentangan yang begitu jelas dan padat.

Sebelum saya membahaskan dengan lebih terperinci, saya ingin mengatakan bahawa saya telah mengikuti perbahasan, pandangan dan cadangan yang telah disampaikan oleh beberapa rakan yang ramai sebelum saya dan di antaranya yang saya dengar dengan jelas semalam oleh sahabat saya, Yang Berhormat Dato' Dr. Chin yang kadang kala tidak semestinya saya bersetuju dan saya ingin memberi pandangan yang agak berlainan.

Saya mengikuti pandangan Dato Seri Dr. Mahathir keseluruhannya dalam kepimpinannya yang begitu kita kagumi dan dunia mengagumi dan akhir-akhir ini, alhamdulillah, saya berkesempatan bersama rakan-rakan dan dua orang lain dari Dewan Negara dan tiga orang dari Dewan Rakyat bersama-sama Yang Amat Berhormat Perdana Menteri melawat di Bangkok dan Chiangmai.

Pandangan dan penerimaan rakyat dan pemimpin-pemimpin kerajaan dan juga swasta begitu amat mengagumkan. Malah dalam masa jamuan tengah hari, pelancaran *Malaysia-Thailand Chamber of Commerce*, padat dengan seribu lebih orang dalam dewan itu sehingga kena tolak, ada orang yang tidak dapat hadir.

Dan kejutan yang telah diberikan oleh Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir dalam pengumumannya untuk mengundurkan diri juga mendapat tarikan mereka dan apabila kita berbincang dengan enam orang Ahli Parlimen yang lain, daripada enam Ahli Parlimen yang ada di Malaysia ini, Dewan Negara dan Dewan Rakyat, mereka begitu amat ingin mengetahui rasionalnya yang Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir ingin mengundurkan diri dan begitu kagum dengan peralihan kuasa.

Saya menekankan ini kerana kejutan dan cara pendekatan yang unik oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri patut dicontohi oleh kita di peringkat kita sendiri, di peringkat bawah juga dengan cara kita sendiri dan interpretasi kita sendiri. Oleh kerana itulah, saya memberanikan diri, umpamanya untuk tidak bersetuju dengan Yang Berhormat Dato' Dr. Chin bila awal-awal semalam beliau memberi pandangan mengatakan bahawa tahun ini agak lebih baik dari segi akta ini sebab hanya empat bidang sahaja yang kita minta tambahan, dibandingkan dengan angka tahun lepas lebih banyak. Dia mengatakan bahawa dia mengharapkan pada masa hadapan, kurang. Kalau tidak salah pandangan saya, daripada hujah yang disampaikan oleh sahabat saya, Yang Berhormat Dato' Dr. Chin, ukuran baik buruknya prestasi kerajaan adalah melalui pengurusan aliran wang tunai yang *direct*kan, yang di cerminkan melalui Akta Perbekalan Tambahan ini. Pada saya, saya ingin berbeza pendapat. Saya mengatakan bahawa okey! Kalau kita hendak *manage* aliran wang tunai atau defisit yang tidak cukup semata-mata justifikasinya kuat untuk kepentingan negara, untuk membangunkan negara, untuk mencapai wawasan dan hasrat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Kerajaan Barisan Nasional, ayuh belanja!

Malah saya menggalakkan kalau sekiranya ada Rancangan Malaysia Kelapan, kita ada Belanjawan, jangan terkongkong dengan hanya Belanjawan itu sebab kita hendaklah memikirkan dengan persekitaran perubahan masa kini yang berubah begitu banyak dan kadang-kadang kalau kita terikat dengan hanya *budget* atau belanjawan, kita teruk, kita tidak capai cita-cita kita. Oleh kerana itu, *deficit financing approach* ini dari segi perniagaan pun, pada saya, tidak salah tetapi justifikasinya kena ada. Mungkin saya agak bersetuju sedikit dari segi kewangan negeri, itu saya agak setuju dengan Yang Berhormat Dato' Dr. Chin. Saya hendak mengklasifikasikan sedikit di antara perbendaharaan di peringkat Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri kerana

ia ada sumber kewangannya sendiri. Itu pun, ertinya agak jauh daripada Kerajaan Pusat.

Jadi, pada pendapat saya, saya menggalakkan pegawai-pegawai kerajaan jangan hanya melihat *budget* itu sebagai limit. Kita jangan terkongkong dengan *budget* yang telah dibuat beberapa tahun dahulu kerana perancangan Rancangan Malaysia Kelapan adalah lima tahun, tetapi perubahan dari segi itu banyak. Kalau ingin kita wujudkan satu kejutan baru, satu program baru umpamanya untuk menghadapi cabaran yang ditinggalkan oleh Yang Berhormat Perdana Menteri tentang sikap rakyat Malaysia khususnya orang-orang Melayu sendiri, ayuh, mari kita laksanakan satu program baru.

Kita beranikan diri. Kita belanjakan wang dengan lebih. Datang ke Dewan Rakyat dan Dewan Negara, minta tambahan lebih, beri justifikasi bahawa ini adalah untuk hak kebaikan dan kepentingan rakyat jelata sekalian. Saya rasa inilah patut menjadi pendekatan. Itu komen awal.

Tuan Yang di-Pertua, terlanjur saya membuat komen tentang kejutan positif dan *managing changes*, perubahan pengurusan mengurus dengan begitu licin dan teratur, saya ingin juga merakamkan penghargaan ini dengan menambah bahawa pihak Kementerian Kewangan atau pihak kerajaan, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan, patut terus dengan kejutan dan *managing changes* ini dengan satu cadangan lain iaitu apabila Timbalan Perdana Menteri dinamakan selepas Pilihan Raya Pendang dan Anak Bukit.

Seperti mana yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, pada saya, di masa itu patut diumumkan juga nama bakal Menteri Kewangan yang akan datang ataupun dilantik Menteri Kewangan yang kedua. Ertinya ada proses *under study* kerana prestasi Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir sebagai Menteri Kewangan juga begitu cemerlang.

Soalan-soalan yang dihadapi oleh media luar semasa forum *Luncheon Talk* di Bangkok baru-baru ini sungguh kagum sekali. Saya mempunyai rakaman dalam ini tetapi tidak payah saya bacalah, saya cerita cukuplah ya, *report* sahaja dan *the candid answers* yang menunjukkan kepintaran dan kehebatan akal serta ketajaman fikiran, itu juga mengagumkan.

Oleh kerana itu, tidak senang seorang baru hendak menjadi Menteri Kewangan. Oleh kerana itu, patut pada saya elok juga diselaraskan. Perdana Menteri sudah selesai Oktober 2003, 'Timbalan Menteri' insya-Allah akan diumumkan selepas pilihan raya ....

**Timbalan Yang di-Pertua:** Timbalan Perdana Menteri.

**Dato' Ghazi bin Haji Ramli:** Ya? Timbalan Perdana Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Timbalan Perdana Menteri akan diumumkan selepas pilihan raya Pendang dan Anak Bukit. Insya-Allah Barisan Nasional akan menang.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Insya-Allah.

**Dato' Ghazi bin Haji Ramli:** Insya-Allah, sebagai satu hadiah juga kepada Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamed. Saya ingat selaraskan umumkan Menteri Kewangan. Kita ada tiga Naib Presiden. Seorang Naib Presiden jadi ini, seorang Naib Presiden jadi Timbalan Perdana Menteri dan seorang Naib Presiden jadi Menteri Kewangan.

Seorang Naib Presiden katanya tidak ada lagi tempat, bawa masuk dalam Dewan Negara. Ini yang saya ingin cadangkan. Saya dari Selangor. Seorang Naib Presiden lagi dari Selangor. Jemput masuk dalam Dewan Negara lantik dia sebagai Ahli Dewan Negara. Kemudian bagi satu tempat yang baru dalam Kabinet yang baru hendak diumumkan ini, tidak payah rombak semua. Isi yang saya sebut pun cukuplah. Ini cadangan daripada seorang Ahli Dewan Negara yang kita bebas bercakap....

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato' Ghazi, saya hendak mencelah sedikit.

**Dato' Ghazi bin Haji Ramli:** Saya.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dato' kata tadi Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamed *perform* baik sebagai Menteri Kewangan. Sekarang ini

sudah hendak minta ganti pula. Kalau boleh kita minta dia terus buat sementara. Kalau sudah minta penggantinya, takut ada masalah sedikit.

**Dato' Ghazi bin Haji Ramli:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Oleh kerana itulah dalam cadangan saya tadi saya berlapik. Saya bagi dua alternatif. Alternatifnya boleh dilantik Menteri Kewangan yang baru sekarang ataupun *does it need*, sudah sebut, ini bakal Menteri Kewangan. Ataupun lantik Menteri Kewangan yang kedua. Ertinya cadangan saya tadi sudah berlapik, sudah *soft approach*. Ertinya menjaga hati dan suasana mengikut kaedah dan cara Yang Amat Berhormat Perdana Menteri buat sendiri.

Bukan saya hendak menidakkan kena buat lepas terus. Saya kata namakan. Macam Perdana Menteri lah, dia masih Perdana Menteri sehingga Oktober. Dato' Seri Abdullah masih Timbalan Perdana Menteri berterusan tetapi Menteri Kewangan pun patut dinamakan. Apabila kita sudah *ready mental set tuning*, persediaan mental itu sudah ada dan persediaan mental daripada rakyat jelata pun sudah ada. Saya hendak tekankan ini yang mustahaknya ialah kesan kepada ekonomi.

Dari segi masyarakat antarabangsa mereka tertanya-tanya, mungkin perkara perubahan ini pada kita adalah *obvious*. Apabila saya bercerita dan menerangkan tentang peralihan kuasa di peringkat kerajaan, di peringkat UMNO dan sebagainya saya boleh cerita sebab saya terlibat di sini dan kita juga dalam UMNO.

Tetapi orang luar, daripada Thailand umpamanya yang terkini, beberapa hari lepas dia kurang faham. Tetapi apabila kita menceritakan satu per satu, dia nampak logiknya dan *finally they endorsed it and said that it was a brilliant move*, dengan izin. Malah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Thailand, Dr. Tak Sin sendiri dalam ucapan Makan Malamnya menyebut bahawa ada beberapa orang doktor dalam Kabinetnya, dia hendak tahu daripada Dr. Mahathir resepi *medical doctor* ini macam mana boleh jadi ahli politik yang gemilang.

Jadi, kebetulan di sebelah saya ialah seorang Ahli Parlimen yang juga *medical doctor* yang mempunyai hospitalnya sendiri. Dia pula adalah pengerusi jawatankuasa luar negeri dan saya kata *you* boleh jadi bakal Perdana Menteri kerana *you* mempunyai ciri-ciri kedoktoran dan juga ahli politik yang matang. Beliau kata, "*You are reading my mind*". Ertinya dia memang sudah fikir macam itu apabila Perdana Menteri dia menjawab.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato', kita sudah dengar ramai bercakap tadi kita kurang doktor. Kalau doktor-doktor itu ramai minat politik, kacau pula pesakit kita. Biarlah seorang Dr. Mahathir macam itu, tidak apa.

**Dato' Ghazi bin Haji Ramli:** Itu okeylah. Saya tidak mahu komen. Betul jugalah. Tetapi saya hendak jawab sedikit daripada segi pendidikan, oleh kerana kita mempunyai kemampuan. Wujudkan banyak lagi latihan dan banyak lagi doktor kerana apabila kita wujudkan....., ini yang UiTM juga hendak buat Fakulti Kedoktoran – wujudkan banyak doktor oleh kerana itu daripada *population* yang banyak, yang dipilih untuk bidang kedoktoran pun boleh, yang dipilih untuk masuk politik dengan lebih matang, dengan lebih profesional pun boleh.

Apabila saya sebut tentang politik profesional ini, saya ingin menyebut masuk terus dalam bidang pendidikan. Tadi banyak Yang Berhormat Puan Hajah Melati bercakap tentang bahasa Inggeris dan ramai rakan-rakan yang lain menyebut bahasa Inggeris. Saya hendak tumpang sebut sedikit sahaja. *Let's be practical*. Jangan risau sangat tentang nahu, tentang *grammar* dan sebagainya, hentam sahaja.

Bahasa ini kena hentam pakai sahaja. Jangan terlalu *structured* dari segi kegunaannya. Sebab kalau lebih banyak kita hebohkan dengan institusi, dengan struktur, dengan itu dengan ini, takutnya orang. Kita ingin masyarakat ramai, hendak bagi dia *confident*, hendak bagi dia rasa tabah hati, berani, boleh. Boleh *its mean*, bantailah cakap bahasa Inggeris. Salah-salah sikit tidak apalah. Kita tahu orang luar negara apabila dia *emigrate* ke negara Australia, New Zealand dan sebagainya, ada sesetengahnya buta dan jahil bahasa. Tetapi oleh kerana desakan, tekanan *environment* mereka di New Zealand, Australia, Kanada, Amerika, United Kingdom dan sebagainya mereka ini oleh kerana keperluan hidup, belajar sikit-sikit, *out of need*, oleh kerana keperluan, mereka boleh.

Oleh kerana itulah saya ingin menyebut bahawa, saya ingin mengambil peluang ini mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kerajaan Negeri Selangor yang seperti biasa mempelopori usaha mempromosikan bahasa Inggeris meletakkan hari Khamis sebagai Hari Bahasa Inggeris. Saya cadangkan seluruh negeri pilih satu hari, Hari Bahasa Inggeris. Kemudian di peringkat nasionalnya, saya cadangkan supaya hari Jumaat nasionalnya Hari Bahasa Inggeris. Kenapa saya pilih hari Jumaat...

**Datuk Long bin Jidin:** *[Bangun]*

**Dato' Ghazi bin Haji Ramli:** Kita jemput.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Jemput Yang Berhormat Datuk Long bin Jidin.

**Datuk Long bin Jidin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kalau boleh apa pandangan Yang Berhormat di kalangan rakan-rakan kita dalam Dewan ini ada di kalangannya yang apabila bercakap telornya, pelatnya banyak yang pekat-pekat. Kemungkinan mereka ini boleh berbahasa Inggeris dengan baik. Apa kiranya kalau boleh dicadangkan ahli-ahli Dewan yang boleh berbahasa Inggeris dengan baik diberi peluang berbincang ataupun berbahas yang mana kita mulakan daripada Dewan Negara ini memberi ruang kepada mereka berbahas dalam bahasa Inggeris, kalau boleh. Apa cadangan Yang Berhormat tentang perkara itu. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Jemput Yang Berhormat Dato' Ghazi.

**Dato' Ghazi bin Haji Ramli:** Tuan Yang di-Pertua, *I have no problem with that* dengan izin. Saya tidak ada masalah dari segi itu. Cuma prihatin tentang keadaan semasa mengatakan yang mungkin ada di antara kita yang tidak begitu mahir dan kesediaan kita dalam Dewan ini pun tidak begitu lagi. Saya ingat masanya belum tiba. Maksud saya begini, *facilitiesnya* kena ada. Kalau hendak guna dwibahasa, pertamanya kena ada alat terjemahan yang spontan untuk kita memberi manfaat kepada mereka yang mungkin tidak boleh memahami bahasa Inggeris dengan sepenuhnya. Ini saya buat andaian.

Kalau Yang Berhormat *challenge* tanya saya adakah Dato' sudah buat *survey* bahawa 60 orang lebih ini semua yang tidak boleh faham bahasa Inggeris, itu saya *surrender*, tidak berani. Tetapi saya buat andaian sahaja. Mungkin semuanya boleh tetapi tahap kefahaman itu mungkin agak kurang. Kita ingin semua boleh faham semaksimum mungkin apabila kita berdebat.

Cadangan itu baik. Malah saya boleh sebut dalam persatuan yang saya begitu amat aktif Commonwealth Parliamentary Association di peringkat Cawangan Malaysia, *Southeast Asia Region and International* kita membuat satu polisi *even* peringkat cawangan Malaysia pun supaya semua ....

**Datuk Mansor bin Md. Jaafar:** *[Bangun]*

**Dato' Ghazi bin Haji Ramli:** Oh, minta maaf.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Saya hendak bagi habis...

**Dato' Ghazi bin Haji Ramli:** Tuan Yang di-Pertua, tidak setuju...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Tidak, tidak, saya hendak ayat itu habis.

**Dato' Ghazi bin Haji Ramli:** Oh, saya habiskan ayat saya dahulu Yang Berhormat Datuk Mansor. Kita menjayakan polisi bahawa semua urusan surat menyurat, pertuturan dalam mesyuarat dan *functions* kita *all in English, so that we can polish up our English at all times*, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dijemput Yang Berhormat Datuk Mansor.

**Datuk Mansor bin Md. Jaafar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi kita dengar bahawasanya kadang-kadang masalah kita ini ialah masalah yang ada kaitannya dengan pengaruh telor bila kita menggunakan bahasa Inggeris. Walaupun Yang Berhormat Dato' (menghalakan pandangan kepada Yang Berhormat Dato' Ghazi) ada mengatakan tadi, sebenarnya kalau kita hendak berbahasa asing, kita 'balun' sahaja sama ada betul atau tidak *grammarnya*, tidak ada masalah. Soalnya bukan *grammar....*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Saya rasa jangan kita guna 'balun', teruk sangat bunyinya. 'Beranikanlah' .....

**Datuk Mansor bin Md. Jaafar:** Kita beranikan, minta maaf Tuan Yang di-Pertua [Ketawa] Kita beranikan tetapi masalahnya tadi ada disebut apabila ianya dipengaruhi oleh loghat. Kalaulah kita berbahasa Inggeris di dalam Dewan ini misalnya, ada seorang yang hendak membahaskan, dia kata, saya hendak beritahu, saya hendak bagi Datuk Ghazi dengar, lepas itu hendak tanya dia faham atau tidak faham. Dia kata, "*I walk-walk I saw* .....[Bercakap bahasa Inggeris dengan loghat/telor Melayu] [Ketawa] Macam mana hendak kata? "*I walk-walk I saw*".....Jadi bila sudah sampai macam itu ...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Apa bendakah itu? [Ketawa]

**Datuk Mansor bin Md. Jaafar:** Dia kata "*I walk-walk I saw accident*" [Ketawa]

**Timbalan Yang di-Pertua:** [Ketawa] Oh, jauh benar.

**Datuk Mansor bin Md. Jaafar:** Tidak, ini benar. Ini contoh sahaja Tuan Yang di-Pertua ya. Barangkali kalau daripada Selatan, lain pula barangkali bunyinya. Dari Kedah pula lain pula bunyinya. Jadi masalahnya tadi tidaklah boleh kita katakan hendak menggunakan itu tidak tahu nahu dan sebagainya memang tidak ada masalah. Yang masalahnya kita ini kadang-kadang ialah dari segi pengaruh telor dan loghat tadi. Apa pandangan Dato' berkenaan dengan ini?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dijemput Yang Berhormat Dato' Ghazi.

**Datuk Ghazi bin Haji Ramli:** Terima kasih Yang Berhormat Datuk Mansor, sahabat saya dari Selangor dan saya percaya dia pun bersetuju tentang bab Selangor yang saya cakapkan tadi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana tanya "*I walk-walk I see accident, I also don't know, I got confused just now*" [Menyebut perkataan bahasa Inggeris dengan loghat/telor] [Ketawa] Tidak apa, saya dengan ikhlas menyatakan, "*Never mind, it's okey*".

**Timbalan Yang di-Pertua:** *I agree with you.* [Ketawa]

**Datuk Ghazi bin Haji Ramli:** *Yes, thank you sir, thank you sir!* [Ketawa] Sebabnya tidak kisah, kalau sekali dengar susah, dua kali, tiga kali sudah kita faham, kalau kali yang keempat Datuk Mansor sebut, "*Ambo dah pahe, pahe doh, tak dok masalah*". [Bercakap menggunakan loghat/telor Kelantan]. Jadi kalau kita dengar, kalau saya dalam Komanwel, ini yang saya amat suka sekali dalam dunia Komanwel, 54 negara datang dari seluruh pelusuk, telornya, lidahnya lain-lain. Kadang-kadang susah hendak dengar, susah.

Tambahan pula kalau datang dari India, cara India, Nigeria cara Nigeria, kalau yang Namibia dengan cara Namibia dan sebagainya. 56 negara Komanwel – kita dengar dalam Exco sahaja 36 orang tetapi kalau yang Mat Salleh cakap tidak apalah, tetapi jangan lupa Mat Salleh pun ada telor dia [Bercakap meniru loghat Australia] Ada dia punya telor.

New Zealand, tempat saya belajar pun ada telornya. Lama-lama kita dengar kita tahulah telor dia, biarlah telor dia. Kalau kita tengok televisyen kita boleh faham daripada *American accent* ataupun *the English accent proper* dengan izin. Jadi pada saya itu tidak ada masalah dan saya bersetuju benar dengan Tuan Yang di-Pertua, mengatakan kita beranikan diri.

Saya kata hentam tidak begitu sedap sangat tetapi yang tadi teruk sangat, balun pula. Dia memang kaki balun punya orang [Ketawa] jadi dia guna bahasa balun tetapi niat dan hajatnya baik dan insya-Allah kita akan tercapai. Pada saya kalau seluruh negara hari Jumaat kita pilih memanfaatkan sebagai negara Islam, kita pilih hari Jumaat pula kita ada masa untuk pergi sembahyang.

Masa hari sembahyang pun kita bercakap bahasa Inggeris, *mental tuning*, *tuning* dari segi *mental*, pemikiran ialah dalam kehidupan ini agama dan hidup hendaklah berseimbangan. Kita wujudkan perseimbangan, kerja – kerja, ibadat – ibadat masa "*Allahu Akbar, Bismillaahir Rahmaanir Rahiim*". Baca macam Arab tetapi di luar, "*Hi, would you like to go for lunch with me?*" Boleh bercakap bahasa Inggeris. Boleh atau tidak kita pergi makan sekali? Tanyalah si anu, hendak tanya si putera atau si puteri, terpulangnya. Itu dia pada saya satu langkah praktikal dan ini patut

diwujudkan dan diusahakan barulah nampak serius. Kalau tidak dia berasingan dengan kehidupan harian.

Soalnya hendak membudayakan bahasa Inggeris sama dengan soal hendak membudayakan ICT, kena paksa diri untuk menggunakannya. Itu cara dia dan saya rasa kita dalam rakan-rakan yang seumur dengan saya ini telah melalui proses ini bila kita membuat banyak dahulu minggu Bahasa Kebangsaan, bulan Bahasa Kebangsaan, buat pertandingan dan sebagainya.

Kita sudah ada penguasaan Bahasa Kebangsaan, mari kita meningkatkan kembali sejarah itu dari segi bahasa Inggeris. Saya percaya dan yakin Malaysia boleh, orang Melayu boleh, orang Cina boleh, orang India pun boleh kerana seluruhnya Malaysia telah bertekad untuk buat, kita memang boleh.

Tuan Yang di-Pertua, di antara perkara penting semasa pengumuman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri melepaskan jawatannya dalam ucapan yang begitu amat bersejarah di Perhimpunan Agung UMNO Malaysia ialah tentang masalah pendidikan dan sikap orang Melayu. Saya ingin *again*, lagi sekali melihat dengan sudut yang lain.

Soal pendidikan hendaklah diperluas selain daripada kita bercakap tentang prasekolah, sekolah rendah, sekolah menengah, kolej, IPTA, IPTS dan sebagainya. Saya ingin mengajak rakan-rakan Ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini memikirkan bahawa wujud satu keperluan program pendidikan yang besar, yang kritikal dalam negara iaitu mengubah minda masyarakat keseluruhannya terutama sekali orang Melayu.

Pada saya, kalau Kementerian Pendidikan mempelopori ini dan juga kementerian-kementerian lain yang boleh menggunakan daya fikir dan kreativitiya membuat perancangan ke arah mengubah minda dengan lebih positif supaya ianya berdaya maju seperti mana yang diharapkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Kalau itu patut diwujudkan, ayuh belanjalah, datang sekali lagi, kita akan luluskan perbelanjaan yang lebih itu asalkan justifikasinya ada.

Pada saya perkara ini hendaklah diambil kira serta merta, kalau tidak ia tinggal sebagai rintihan hati pemimpin agung kita. Kita mengakui tetapi semua orang kata, ya, ya, ya. *But what do we do?* Apa kita buat? Oleh kerana itulah saya cadangkan supaya agenda besar ini patut diserapkan dalam program-program kementerian di mana sahaja supaya dapat dimanfaatkan.

Saya amat berterima kasih dan amat menghargai pengumuman Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri baru-baru ini supaya rakyat melihat kembali, membaca semula buku "Revolusi Mental" yang pernah dikeluarkan dalam saya ingat dalam tahun 60-an dan sekarang telah dicetak semula.

Pada saya titik tolak daripada buku "Revolusi Mental" hendaklah dikaji dan dikupas, diambil maklumat terkini, dimasukkan, dicantumkan dan kemudian hendaklah dikeluarkan satu program proaktif yang lain, yang boleh sama-sama kita ambil bahagian. Di sinilah relevannya apa yang telah saya ucapkan dalam Dewan yang mulia ini dalam masa perbahasan yang lalu bila saya mengatakan tentang isu peruntukan Senator - RM100 ribu satu penggal.

Saya pernah mengatakan kita terima hakikat bahawa kita tidak ada kawasan, apa yang Perdana Menteri cakap tetapi kita mengalih pandangan bahawa kita ingin mengambil peranan dalam *national programs* atau program nasional iaitu mempunyai isu-isu tertentu dan di antara isu-isu yang telah saya sebut yang banyak itu, sekarang sudah timbul isu baru, isu yang hendak menukar minda supaya selaras dengan hasrat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri oleh kerana beliau akan terus memberi kata nasihat selepas beliau bersara.

Pada saya, kalau kita buat program yang tidak semestinya unggul tetapi dilaksanakan, beranikan diri buat, insya-Allah bila dilihat kelemahan-kelemahan, diperbaiki senantiasanya, menggunakan kaedah Kaizen yang Jepun selalu amalkan itu, membaiki selalu, insya-Allah hasrat kita akan tercapai, kerana semasa kita membuat, melaksanakan percubaan itu, Yang Amat Berhormat masih boleh menegur dan memberi pandangan beliau yang amat kita hargai.

Pada saya, di sinilah relevannya kata-kata yang saya selalu petik yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir sendiri, apabila beliau

menyampaikan tentang Wawasan 2020. Bila beliau menyampaikan rasional tentang Wawasan 2020, kita patut mengingat kembali, beliau mengatakan bahawa tidak ada satu perancangan yang unggul, tetapi yang lebih teruk ialah perancangan yang tidak dilaksanakan.

*Messagenya* ialah, janganlah tunggu satu perancangan yang unggul, yang semuanya puas hati, yang elok bulat, habis, baru hendak buat. Ini tidak boleh dibuat lagi sebab tidak unggul lagi. Pada dia, *being pragmatic* dengan pendekatan *pragmaticnya*, kalau sudah ada mengambil kira maklumat-maklumat terkini, dan diberi perhatian yang mendalam dan khusus untuk membuat perancangan, ayuh, jalankan sahaja perancangan.

Oleh kerana itulah, bila beliau ditanya dalam sesi yang sama semasa soal-jawab jamuan tengah hari di Bangkok, beliau mengatakan, "*I enjoy my work*" (Saya amat suka dengan kerja saya). Oleh kerana itu, bila ada pembangunan di mana-mana, beliau sendiri yang pergi melawat, tengok pertumbuhan bangunan itu lebih kerap daripada *engineer at site*. Ha, itu dia, dan pada saya, oleh kerana pendekatan begitu, ianya amat berkesan sekali.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pendidikan juga, saya ingin mengambil perhatian tentang pendekatan negatif. Saya ingin *approach* dengan positif semuanya. Tadi saya kata jangan takut tentang bahasa Inggeris, beranikan diri. Ini tentang pengumuman pihak kementerian, bila membuat pengumuman benda-benda baru, sebagai contoh, kolej komuniti, selalunya disebut kolej komuniti ini kita wujudkan untuk mereka yang tidak mendapat kelulusan yang memuaskan untuk pergi ke kolej dan IPTA atau IPTS. Mesti ada unsur negatifnya di situ.

Begitu juga kalau ada kolej, institut teknikal dan vokasional, ini ialah untuk orang-orang yang tidak baik dari segi pengajarannya dan sebagainya, inilah tempat dia. Macam dengan ITM dahulu - ini ialah untuk mereka yang tidak lulus dengan begitu cemerlang. Bila ditawarkan, tidak mahu. Kita tidak mahu lagi pengumuman yang begitu.

Ayuh, minta berhenti. Yang kita hendak ialah, dalam dunia yang global ini, kita memberi pilihan kepada masyarakat, kita memberi pilihan kepada rakyat, daripada kecil hingga ke besar, kerana pendidikan sepanjang hayat hendak kita wujudkan. Dari rahim lagi sudah ada pendidikan – lahir sahaja ada pendidikan, hidup membesar ada pendidikan, sampai ke liang lahad pun ada pendidikan, dari segi talkinnya yang terakhir.

Oleh kerana itu, *be positive, approach* dengan cara positif. Kita kata, *okey*, kita pergi sekolah ada banyak pilihan – ini saluran awak pergi ke kolej, ini saluran awak pergi ke *Technical College*, ini saluran awak dari segi kemahiran vokasional, ini saluran, pilihlah yang mana ada, semuanya baik belaka, semuanya mendapat penghormatan masyarakat. Pada saya, barulah ini merupakan ciri-ciri negara maju, ini secara tidak payah tunggu 2020, kita hendak *behave* seperti negara maju.

Oleh kerana negara maju melihat, tidak melihat, *background* - latar belakang, yang *heavily compartmentalised*, dengan izin, yang dikotakan, dibahagikan, dibezakan dengan begitu jelas dan nyata, sehingga mengurangkan keyakinan, sebab manusia ini emosi dia begitu sensitif, panca indera dia itu, yang dia belajar hanya satu, iaitu yang *direct*, tetapi panca indera lain pun belajar dan *accumulate* dan simpan – *store*, juga yang akan memberi kesan kepada pemikiran dia, cara dia hidup, cara dia membuat usaha dan sebagainya. Oleh kerana itulah saya katakan bahawa kita hendaklah *positive all the way round* dalam semua hal.

Oleh kerana itulah, berbalik kepada lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Bangkok lagi, dari segi konsep satu produk satu kampung - satu kampung satu produk. Saya masih ingat, kalau tidak salah dalam lewat tahun 60-an, bila kita melawat ke Korea dan Jepun, Dato Seri Dr. Mahathir sendiri memperkenalkan ini, diusahakan sekerat jalan selepas itu mati. Sekarang bila kita melihat dengan mata kepala apa yang disebut oleh Dr. Mahathir, sekarang kita hendak hidupkan semula itu. Kita mula dahulu, Thailand mula kemudian, dia lebih berjaya, dan sekarang kita pula kena belajar daripada dia. Ini Dr. Mahathir kata sendiri, yang saya sendiri melihat apa yang kita buat lawatan dalam rombongan itu.

Oleh kerana itu, perkara-perkara membetulkan minda memberi keyakinan lebih, *being positive all the time*, jangan semaikan virus-virus yang negatif - kita

hendaklah menggunakan teknologi *bio-technology*, membiak virus-virus yang positif dalam masyarakat. Barulah masyarakat semua akan lebih sedar dan oleh kerana program itu buat pelbagai, mana dia pergi pun ada program ke arah itu, satu tujuan. Mana dia pergi, ke arah itu, satu tujuan.

Dengar pula senator buat program pun ke arah itu, satu tujuan. insya-Allah masyarakat akan terbawa, dan *the process of change*, proses perubahan itu insya-Allah akan lebih berlipat kali ganda. Kalau kita telah maju membuat perubahan pada satu kadar, sekarang kita hendaklah melipatgandakan, sepuluh kali ganda lagi kadar perubahan itu, barulah kita pada tahap yang betul mengikut kemajuan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, kita telah melalui proses dalam 10,000 tahun dahulu kita katakan masyarakat pertanian, 100 tahun dahulu masyarakat industri, dan sekarang dalam 20 tahun kebelakangan ini, masyarakat maklumat – *information society*. Soalnya, di manakah hala tuju kita? Kalau mendapat pemikiran Dato Seri Dr. Mahathir yang melihat tahun 2020, pada saya, saya amat tertarik dengan sebuah buku [*sambil menunjukkan buku*] yang ditulis oleh Rolf Jensen, seorang *futurist* atas tajuk *The Dream Society*. Pada saya kita menuju ke arah masyarakat yang mempunyai *dream* – mimpinya sendiri.

Dalam masyarakat yang seperti ini, kita kenalah membuat persediaan-persediaan yang betul, kerana *basis* atau andaian yang kukuh dalam *dream society* ini ialah mendapat cerita-cerita kejayaan yang besar, dan cerita-cerita kejayaan yang besar ini, Malaysia telah melaluinya. Oleh kerana itulah saya ingin menekankan, saya ingin merujuk balik saranan saya di sini, bahawa kita patut bukukan dan kumpulkan maklumat segala kejayaan Malaysia, khususnya di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir Mohamed, dan jadikan ini sebagai landasan untuk kita membuat andaian *imagine*, yang 20, 30, 50 tahun yang akan datang, kerana masyarakat memang akan menuju ke arah itu.

Oleh kerana itu, saya amat mengalu-alukan usaha Kementerian Pendidikan yang mempunyai fungsi yang begitu amat mustahak dalam mengubah pemikiran masyarakat. Cuma yang saya ingin menyatakan, bahawa kita telah melalui terlalu banyak proses perubahan dalam pendidikan ini. Saya ingat sudah memadai dari segi *variable of change* - perubahan-perubahan *variable* itu sudah banyak, patutnya kita *consolidate*kan apa yang telah kita wujudkan, kalau tidak berkecailah nanti. Pada saya .....

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat Datuk, boleh sambung selepas rehat nanti?

**Datuk Ghazi bin Haji Ramli:** Tidak mengapa.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Datuk Ghazi tadi telah memberi *overview* daripada apa yang disampaikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain. Saya rasa merupakan satu motivasi kepada kita semua dan sebelah petang ini kita akan meminta Yang Berhormat menyambung semula perbahasan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan ini saya tangguhkan majlis mesyuarat Dewan ini hingga jam 2.30 petang ini.

**Mesyuarat dtempohkan pada jam 1.00 tengah hari.**

**Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.**

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya minta Yang Berhormat Datuk Ghazi menyambung ucapannya.

**Datuk Ghazi bin Haji Ramli:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbilang terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk menyambung sedikit lagi perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 2002.

Tadi, saya akhiri perbahasan tadi dengan menyebut tentang *dream society* - dengan izin - atau masyarakat impian. Saya rasa, kita telah nyata dengan kepimpinan

Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir. Sebenarnya beliau telah pun memulakan sebagai seorang pemimpin agung untuk mewujudkan masyarakat impian yang sentiasa memikir pada awalnya, mengapa tidak kita keluarkan kereta sendiri?

Bolehkah tidak kita wujudkan nama Langkawi, menidakkan sumpah Mahsuri yang dikatakan tidak boleh membangun? Sekarang, Langkawi telah menjadi kenyataan sebagai membangun. Pelbagai lagi projek yang menandakan bahawa pemimpin kita bermula dengan satu impian dan walaupun pada asalnya rakyat, masyarakat melihat impian itu tidak boleh dicapai, tetapi telah pun terbukti dalam 20 atau 30 tahun yang silam, kita sudah berjaya. Oleh kerana itu, yang saya tekankan ialah, dalam masa ini kita patut teruskan atas sikap kita sendiri sebagai individu, di mana sahaja kita jadi pemimpin, atas bentuk organisasi apa pun yang kita mempunyai tapak, kuasa dan *influence* untuk memimpin masyarakat yang kita jadi pemimpin supaya sama-sama memikirkan ini. Oleh kerana itulah sekarang, yang terakhir kata Dato Seri Dr. Mahathir, mengapa tidak seorang jaguh daripada anak tempatan Pulau Langkawi dapat menjadi johan dunia dalam apa-apa bidang sekalipun, yang telah pun dibuktikan dahulu. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menambah dua sahaja perkara sebelum saya mengakhiri perbahasan ini iaitu, masih lagi dalam bidang pendidikan yang tidak *directly*, tidak terus dengan Kementerian Pendidikan.

Saya amat sukacita merakamkan di sini, pengumuman oleh Majlis IT Negara, yang dipengerusikan sendiri oleh Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamed tentang satu projek yang diberi nama MyGFL yang bermaksud *Malaysia Great For Learning*, berteraskan Internet. Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pihak kerajaan kerana mewujudkan projek peringkat kebangsaan ini. Saya percaya akan boleh menjadi tapak, yang dapat dimanfaatkan juga oleh Kementerian Pendidikan secara langsung ataupun tidak langsung dan dapat dimanfaatkan oleh mana-mana pertubuhan sahaja untuk mewujudkan umpamanya masyarakat sentiasa belajar, *life-long learning*, pendidikan sepanjang hayat.

Saya rasa amat menepati sekali dengan pendekatan ini. Oleh kerana itu pada saya, kita termasuk juga dengan Ahli-ahli Dewan Negara ini, patut menunjukkan contoh teladan yang baik dengan mencari ilmu, membaiki diri kita sendiri. Kita tidak boleh anggap bahawa di mana sahaja tahap yang kita ada, kita sudah pandai. Mentang-mentanglah kita kononnya orang korporat, kita sudah agak pandai, sudah tahu semua. Tidak! Ini kerana ilmu itu macam air di lautan yang begitu banyak, tidak habis-habis. Lagi banyak kita menimba ilmu, lagi lebih kita sedar begitu banyak yang kita tidak tahu. *The more you learn, the more you realize how much you do not know*, dengan izin. Itu dia falsafah yang patut kita pegang sebagai individu termasuk Ahli-ahli Dewan Rakyat dan Dewan Negara yang mulia ini.

Di sini, saya ingin mengambil peluang untuk menyebut bahawa Persatuan Ahli-ahli Parlimen Komanwel di bawah kepimpinan Yang Berhormat Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil. Beliau adalah Pengerusi CPA cawangan Malaysia dan *Southeast Asia Region*, akan menganjurkan satu *study group* di Langkawi minggu depan, mulai 21 sehingga 26 Julai 2002, menjemput semua negara Komanwel yang 56 negara ini, wakil-wakilnya pergi ke Pulau Langkawi sebab *indirectly* secara tidak langsung, kita hendak mempromosikan juga Pulau Langkawi.

Kita hendak bawa juga mereka melihat sejarah Mahsuri yang dahulu kata tidak boleh bangun, sekarang sudah boleh dibangunkan. Kita hendak lihat juga galeri Perdana Menteri kita dan sebagainya. Tetapi yang mustahak di sini ialah, kita Ahli-ahli Parlimen seluruh Komanwel, atas inisiatif Malaysia sendiri, akan berkumpul seminggu suntuk dalam satu kumpulan kecil yang mempunyai *expertise*, kemahiran yang tertentu, membincang dan membahaskan tentang tajuk '*Towards Being a Professional Knowledge-based Parliamentarian*', dengan izin, ataupun bermaksud, 'Bagaimana Ke Arah Mewujudkan Seorang Ahli Parlimen Yang Profesional dan Berteraskan Ilmu'. *The key word here is parliamentarian* yang profesional dan berteraskan ilmu.

Pada saya, ini adalah cabaran abad ke 21. Ini kerana, ahli-ahli politik juga hendaklah menunjukkan kepimpinan yang baik, dengan menunjukkan bahawa mereka sentiasa mencari ilmu membaiki diri mereka sendiri. Janganlah ingat, mentang-mentang jadi wakil rakyat, Yang Berhormat, Yang Berhormat Ahli Dewan Negara, Yang Berhormat ADUN, sudah habis dah.

Dunia sudah ada pada kita dan kita sudah tidak payah lagi belajar, suruh orang lain sahaja belajar. Macam mana hendak suruh orang lain belajar kalau kita

sendiri tidak menunjukkan contoh teladan yang baik? Inilah kepimpinan yang ditunjukkan oleh Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir yang saya tekankan tadi, seorang pemimpin *visionary*, seorang pemimpin yang memang mengamalkan, mewujudkan *dream society* yang saya sebut awal tadi.

Saya rasa, peluang yang diwujudkan melalui MyGFL yang bermaksud *Malaysia Great For Learning* akan menjadi satu peluang, satu *platform* untuk seluruh masyarakat memanfaatkan peluang melalui teknologi terkini yang dipromosikan oleh kerajaan, mencari ilmu dalam pelbagai bidang di semua peringkat sama ada kanak-kanak, remaja dan dewasa, Ahli-ahli Parlimen juga bapa-bapa menteri dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, perkara terakhir yang saya hendak sebut di sini ialah saya ingin mengambil peluang ini bila melihat ada juga dalam peruntukan di sini, yang terlibat dengan perkhidmatan am perbendaharaan dan juga peruntukan kepada Kumpulan Wang Terkanun yang saya rasa, saya boleh kaitkan sedikit dengan bab Putrajaya yang menjadi lambang kecemerlangan kita. Awal dahulu, semasa membahaskan Rang Undang-undang Putrajaya, saya masih ingat beberapa rakan termasuk saya ingat yang terakhir, Yang Berhormat Datuk Mansor menyebut, banyak mengatakan patut ada nukilan tetapi tidak ada cadangan yang konkrit. Beliau sendiri menyebut kata, patut ubah nama Putrajaya Mahathir. Betulkah Datuk? [*Bertanya kepada Yang Berhormat Datuk Mansor*] Begitulah lebih kurang, ya. 'Bandaraya Mahathir Putrajaya', begitulah.

Pada saya, mungkin oleh kerana nama ini sudah Putrajaya, tidak apalah Putrajaya itu. Mungkin yang saya ingin menyelit daripada segi bentuk cadangan ialah, dalam kawasan yang begitu luas, boleh dipilih satu kawasan, diwujudkan satu taman yang mempunyai tema, konsep *theme park*, boleh kita panggil Taman Tema 'M'. 'M' for Malaysia dan Mahathir. Tetapi dalam taman tema itu yang kita tunjukkan ialah keseluruhan sejarah perkembangan Malaysia di bawah kepimpinan Dr. Mahathir, bermula daripada awalnya menukar masa, sampai ke Polisi Pandang ke Timur, ke Proton Saga, ke Formula Satu, ke Pulau Langkawi dan ke Putrajaya Multimedia Super Corridor dan sebagainya. Saya katakan ini, kalau kita dapat wujudkan dalam bentuk fizikal dengan bentuk *theme park*, 2M kalau hendak pun Malaysian Mahathir or Mahathir Mohamed, *whatever* kita hendak *interpret* pada saya manfaatnya pelbagai dan ia boleh mewujudkan satu *multiplier effect*, sumber pembelajaran yang berterusan. Yang pertama kita merakamkan sejarah semasa sejarah itu berlalu.

Yang keduanya kalau kita wujudkan secara *theme park* alat yang kita gunakan ialah peralatan yang boleh kita melihat, merasa dengan tangan, bau dan alat pandang dengar bentuk multimedia juga kita boleh selaraskan dalam itu dan serentak dengan *other theme parks* boleh kita wujudkan pelbagai program. Di antaranya ialah program untuk melibatkan orang muda, mengetahui perkembangan *theme parks* ini dan meminta melalui pertandingan dan sebagainya supaya mereka juga mengambil bahagian dalam pertandingan bertajuk 2M *theme park* ini, taman tema 2M ini.

Dengan cara ini, mereka boleh didedahkan kepada satu tajuk yang besar tetapi tajuk yang besar yang mereka terpaksa kena belajar dahulu melihat *theme parks* yang diberi mendapat idea kemudian diberi peluang dengan alat teknologi *internet* dan PC dan berbagai-bagai lagi *software multimedia* supaya menggunakan akal fikiran, mengeluarkan produk mereka sendiri. Dan dengan jalan itu, kita mendedahkan masyarakat yang muda ini, yang belia, yang remaja, penuntut universiti dan sebagainya dengan perkembangan secara tersusun oleh Malaysia dirakamkan dengan betul, cuma hendak mereka wujudkan dalam bentuk mereka sendiri.

Mungkin dalam bentuk terkini menggunakan animasi, kerana dalam dunia multimedia sekarang, kehebatan animasi ini memang makin berkembang tetapi anak-anak muda ini mempunyai daya fikir dan kreativiti yang banyak oleh kerana itulah usaha ini patut diadakan. Saya mengambil peluang ini untuk menyebut dalam akta ini, kerana macam awal saya katakan tadi kalau ada terfikir projek ini yang terkini mana-mana kementerian sama ada Kementerian Kewangan melalui Perbendaharaan, Kementerian Pendidikan atau apa sahaja kementerian yang diputuskan oleh pihak kerajaan mewujudkan ini biarlah cari wang lain untuk dimasukkan, biarlah datang balik ke Dewan untuk menambah peruntukan itu pada saya adalah memberi manfaat.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali apa yang saya cakapkan ini saya ingin memetik dua petikan yang saya amat tertarik dan mengukuhkan lagi bahawa di mana sahaja kita berada jangan takut untuk bermimpi sesuatu yang baik kerana apa sahaja

yang kecil itu akan memberi *effect* dan juga kesan yang baik. Macam kalau kita tengok air yang tenang kalau ambil sebiji batu yang kecil, kita buang batu yang kecil itu ke dalam air, air itu akan berkocak mewujudkan satu *ripples effect*, kesan *ripples*, kesan air yang berterusan, kesan kecil-kecilan yang berterusan dan akhirnya akan berubah dan dengan itu yang berkaitan dan *complimentary* dengan *dream society* ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memetik George Bernard Shaw yang menyebut, dengan izin. Maaf saya, saya ambil yang lain dahulu. George Bernard Shaw kemudian. Jean Richards mengatakan dengan izin "*Just as a drop of water causes ripples in a pond, so a thought dropped into the pool of consciousness can cause ever-expanding ripples in the universal human mind*", dengan izin. Maknanya lebih kurang seperti mana juga setitik air yang menjadikan efek yang saya sebut tadi dalam satu kolam, begitulah juga apa-apa pemikiran yang dimasukkan dalam satu kolam *consciousness*. *Conscious* kita akan memberi kesan yang berpanjangan terhadap minda manusia yang begitu *universal*, itu kata Jean Richards.

Dan akhir sekali saya ingin memetik George Bernard Shaw yang mengatakan dengan izin, "*Some men see things as they are and say: Why?*" Setengah orang melihat barang-barang yang biasa dan tanya kenapa. "*I dream of things that never were and say: Why not?*" Kata George Bernard Shaw, saya *dream*, mimpikan sesuatu yang tidak pernah ada dan tanya: *Why not?*. Saya rasa kepimpinan Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamed betul-betul menepati apa yang disebut oleh George Bernard Shaw oleh kerana itu seluruh penduduk dan masyarakat dan pemimpin khususnya di Malaysia patut menyambung, adakan kesinambungan dalam pemikiran bentuk ini dan mewujudkan *dream society* dengan Kerajaan Malaysia yang kita cintai.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan.

### 3.45 ptg.

**Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya seperti rakan-rakan yang lain bangun untuk sama-sama menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2002) 2002 yang membicarakan empat maksud termasuk Kementerian Pendidikan, Perkhidmatan Perbendaharaan, Peruntukan kepada Kumpulan Wang Terkanun dan Kementerian Kesihatan.

Oleh kerana masa kita tidak mungkin panjang dan kita ada lagi rang undang-undang yang perlu dibahaskan dan saya berkeyakinan, berkemungkinan kita telah tidak ramai lagi Yang Berhormat-Yang Berhormat untuk membicarakan rang undang-undang ini. Saya sekali lagi merakamkan tahniah dan mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Kewangan kerana dari semasa ke semasa senantiasa mengikuti aturan dan peraturan yang telah digariskan oleh pentadbiran di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, seperti rakan-rakan yang lain, banyak membicarakan masalah budaya dan masa depan serta gaya hidup bangsa Malaysia di masa akan datang, gelombang yang kita lalui yang telah melalui beberapa fasa sebelum kita merdeka dan selepas kita merdeka dan melalui babak-babak penyatuan bangsa.

Di peringkat tahun 1970 kita memulakan satu Dasar Ekonomi Baru untuk memberi satu harapan baru kepada perpaduan kaum di negara kita dan kita sambung selepas itu selepas 30 tahun dan yang akhir sekali LGP yang kita bahaskan di Dewan ini baru-baru ini untuk 10 tahun yang akan datang. Semua ini merupakan proses pendekatan dan gerakan pembangunan negara dan rakyat supaya kita dapat membangunkan negara kita ini mengikut acuan kita sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, kalau tidak kita mempunyai sebuah kerajaan yang stabil dan bersatu-padu rakyatnya, gelombang yang sedang berlaku di negara kita ini melalui pendekatan globalisasi yang direka khas dan direka cipta oleh Barat, mungkin kita akan melalui perangkap terutama sekali globalisasi yang direka cipta oleh Amerika Syarikat umpamanya telah banyak memberi kesan kepada kita. Dan sebab itulah mutakhir ini kita nampak keputusan-keputusan kerajaan yang berkaitan dengan permasalahan hidup rakyat kita terutama sekali perkara-perkara yang berkaitan pendidikan nampaknya walaupun ianya positif, tetapi masih tidak dapat diserapkan kepada pandangan-pandangan yang positif ke peringkat akar umbi rakyat.

Kebetulan Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan ada, dan saya adalah merupakan salah seorang penyokong kuat kepada Dasar Meritokrasi yang

diperkenalkan oleh kerajaan, tetapi yang menjadi permasalahan kita ialah apabila ianya diterangkan di peringkat akar umbi, ramai di antara rakyat jelata masih tidak faham di antara kuota untuk bumiputera dan juga meritokrasi yang ingin dilaksanakan oleh kerajaan.

Saya mulakan dengan perubahan dan gelombang ini kerana saya bimbang di masa akan datang, oleh kerana pendedahan ramai di antara rakyat kita masih lagi berada dalam lingkungan *static mind* dengan izin, masih tidak dapat merubah *mind set* mereka, kadang-kadang ianya memberi perkara-perkara yang negatif kepada negara kita dan juga kepada rakyat di peringkat kampung-kampung dan pedalaman serta luar bandar.

Sebagai contohnya, apabila pimpinan negara bersetuju supaya 10% diberikan kepada MRSM, berkemungkinan di peringkat *upper level* dengan izin, seperti kita semua ini dapat menerima dengan terbuka. Tetapi masih ramai di antara khususnya guru-guru di jabatan pendidikan di kawasan pedalaman di daerah-daerah kecil masih tidak dapat membayangkan bahawa konsep memberi kepada bukan bumiputera 10% dalam MRSM. Ini kerana kata mereka, MRSM adalah lanjutan ataupun cabang kepada kewujudan MARA dan mara itu sendiri adalah khas untuk bumiputera.

Pengorbanan yang dilakukan oleh pemimpin-pemimpin utama negara untuk melihat peluang ini secara sama hak dan sama rata kepada bukan bumiputera kadang-kadang disalah ertikan dan ianya merupakan satu daripada pendekatan eksploitasi yang amat dahsyat yang dilakukan oleh pemimpin-pemimpin pembangkang di negara kita. Jadi, saya berharap di masa-masa yang akan datang, pimpinan negara dan kerajaan supaya kalau ada perkara-perkara seperti ini hendak dilakukan secara cepat dan serius oleh kerajaan demi untuk semua kaum di negara kita. Saya berharap biarlah ianya melalui satu bentuk persefahaman di peringkat sekurang-kurangnya pertengahan. Umpamanya guru-guru dibuat dengan konvensyen dan seminar dengan cepat, kemudian NGO-NGO yang berkaitan dapat digabungkan pemikiran mereka dan mereka lahirkan resolusi yang kita hendak luluskan sama ada di peringkat Kabinet ataupun di peringkat kementerian.

Ini bukan sahaja perkara yang berkaitan dengan pendidikan, tetapi juga dalam sektor-sektor lain. Jadi, kalau perkara ini dapat kita jelaskan melalui kekuatan atau pemikiran jauh pemimpin negara, dan akhirnya disambut oleh pemimpin-pemimpin pertengahan, NGO dan juga pelaksana-pelaksana, akhirnya rakyat di peringkat bawah akan dapat menerima dengan baik. Walaupun tujuan kita baik untuk melaksanakan perkara ini tetapi oleh kerana metodologinya mengikut fahaman setengah-setengah pihak. Ianya tidak dapat diserapkan dengan cepat. Jadi banyak di antara program baik kerajaan dan dasar-dasar yang baik oleh kerajaan ingin dilakukan kadang-kadang disalah ertikan di pertengahan jalan. Yang menjadi masalahnya, kita terpaksa berdepan membuat penerangan, membuat *explanation*, baru kita hendak adakan seminar, hendak adakan satu dialog dan sebagainya, tetapi ianya telah agak parah di peringkat akar umbi, barulah perkara itu selesai. Dari semasa ke semasa kita sentiasa berhadapan dengan isu-isu yang ianya baik untuk negara dan rakyat di semua kaum, tetapi amat sukar untuk kita memberi penerangan ini kepada akar umbi.

Tuan Yang di-Pertua, lanjutan daripada itu ada perkara-perkara yang berkaitan dengan isu-isu pendidikan ini kadang-kadang di salah faham oleh pelbagai kaum di negara kita. Saya yakin dan percaya, persediaan pendidikan di negara kita, kalau ianya dapat kita hayati melalui pandangan ataupun lawatan-lawatan kita ke luar-luar negara yang berhampiran sahaja, sebagai contohnya di Thailand umpamanya, ataupun kalau kita tengok di kawasan-kawasan di sebelah Filipina dan juga di negara-negara seperti Myanmar dan sebagainya. Negara-negara ini kalau dibandingkan dengan negara kita, sebenarnya ianya seperti langit dengan bumi kejayaan kita. Jadi kadang-kadang oleh kerana perkara ini sudah seperti biasa dan kita telah lakukan yang terbaik untuk rakyat dan negara.

Sebagai contoh kita baru luluskan, saya tidak pasti sama ada telah digazet ataupun tidak, supaya ibu bapa dipertanggungjawabkan untuk menjadikan anak mereka yang berumur tujuh tahun menjadi perkara yang semestinya agar mereka dapat mendaftar di peringkat umur enam tahun supaya semua anak seluruh kaum di negara kita dapat peluang yang saksama mendapat pendidikan di negara kita.

Saya merakamkan ucapan terima kasih dan sungguh besar hati apabila diberi peluang melawat beberapa buah negara Ketiga dan negara yang sedang membangun

sebenarnya sukar untuk mencari sebuah negara seperti di Malaysia ini yang mempunyai persediaan bukan sahaja dari sudut fizikal dan perkara-perkara yang lain untuk masa depan anak-anak kita menimba ilmu supaya mereka bersedia menerima gelombang yang lebih hebat dan besar serta terbuka di masa-masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap kementerian dan kerajaan dapat menyemai bibit-bibit cintakan negara ini setelah beberapa kali kita memberi pandangan serta di peringkat kementerian juga sedang melaksanakan supaya di semua peringkat terutama sekali tenaga pengajar dan guru-guru termasuk *varsity*, supaya mereka dapat menterjemahkan dasar murni yang dilahirkan oleh cetusan rasa dan cetusan kerja oleh pemimpin-pemimpin yang dipilih oleh rakyat iaitu melalui kekuatan pakatan kita dalam gabungan Barisan Nasional. Perkara ini kadang-kadang kita sepikan kerana kita tahu ianya berkemungkinan seorang bapa dan ibu dapat menghantar anak mereka apabila menjangkau enam tahun.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya mengajak pada hari ini supaya kita berfikir berkali-kali kemungkinan orang seperti saya, umur seperti saya, tidak dapat melihat jerit tangis yang dilalui oleh umpamanya, kumpulan umur seperti Tuan Yang di-Pertua melalui proses jerit tangis ketika kita baru merdeka dahulu. Kemungkinan generasi selepas kita ini juga melihat ini sewenang-wenang sehingga banyak di antara peluang-peluang yang disediakan oleh kerajaan melalui Kementerian Pendidikan, kita tidak dapat merasa perkara itu sebagai satu daripada keistimewaan yang diberikan oleh kerajaan kepada rakyat.

Saya teringat oleh kerana Datuk Ghazi pun ada falsafah-falsafah tetapi saya tidak ada banyak falsafah. Akan tetapi, percayalah Tuan Yang di-Pertua, sekiranya seseorang itu dahaga di padang pasir, segelas air mineral mungkin dapat mengingatkannya sehingga ke akhir hayat. Tetapi oleh kerana kita merasakan perkara ini sebagai suatu perkara yang semestinya diperolehi oleh kita, jadi saya berharap satu pembinaan gerakan semula harus dimulakan oleh Kementerian Pendidikan supaya semua peringkat tenaga pengajar di semua peringkat dapat menilai hasil daripada cetusan perasaan dan gerakan oleh pimpinan Barisan Nasional ini.

Ini adalah kerana kita tahu bahawa dalam keadaan liberalisasi yang ada di negara kita dan dalam bentuk kita mengadakan satu demokrasi yang terbuka di negara kita, ada di kalangan kakitangan kerajaan terutama sekali sebahagian kecil guru-guru masih lagi mempolitikkan profesionalisme mereka di sekolah-sekolah dan sebagainya.

Saya berharap kementerian dapat menyatukan pemikiran tenaga pengajar kita ini supaya mereka menjadi kumpulan yang bertanggungjawab bukan sahaja kepada Kerajaan Barisan Nasional tetapi kepada dirinya, kepada keluarganya dan apatah lagi kepada murid-murid mereka, kerana dilema ini masih dan sedang berlaku walaupun telah dibuat beberapa kali peringatan melalui Aku Janji dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya terpaksa membuat rintihan ini oleh kerana saya telah mengalami sendiri apa yang berlaku oleh sebuah pimpinan disebabkan kesilapan rakyat yang dilakukan di Terengganu. Mungkin pegawai-pegawai kerajaan di peringkat Pusat tidak merasai tetapi 90% kakitangan Kerajaan Negeri Terengganu hari ini dengan slogan bahasa dialek Terengganu "serik doh weh", maknanya "serik" itu apa benda Tan Sri? [*Bertanya kepada Tan Sri Dato' Haji Mohamed Ya'acob*] Serik ini tak naklah – kalau boleh tidak mahu lagi apa yang sedang berlaku. Boleh dikatakan 90% kakitangan kerajaan negeri amat kecewa dengan apa yang berlaku di Terengganu pada hari ini.

Pada hari semalam hampir dua hari dibahaskan perkara yang menjadi modal politik sebuah parti seperti PAS. Saya tidak berapa sedap sedikit sebab sahabat-sahabat kita tidak ada, kalau tidak kita boleh cerita kepada dia. Sahabat-sahabat kita di Terengganu yang telah diberi mandat oleh rakyat, setakat ini kita tidak nampak perkembangan yang positif yang boleh bangkit dan bangunkan perkara-perkara berkaitan dengan kehidupan harian rakyat. Saya berani cabar Tuan Yang di-Pertua, bahawa yang terakhir sekali yang dikatakan undang-undang Hudud tetapi sebenarnya ialah sebuah undang-undang Syariah dan apabila ada seorang Yang Berhormat ADUN daripada BN hanya mempersoalkan untuk mendapat penjelasan pun ditegur, diminta duduk dan disuruh keluar kerana tidak mengendahkan.

Saya rasa kalau kita tengok manusia yang dilahirkan oleh Allah S.W.T. yang di Dewan Rakyat umpamanya, saudara Mahfuz lebih kasar, lebih biadab, lebih kurang

ajar, tetapi di Dewan Rakyat yang mempunyai undang-undang dan peraturan yang tersendiri senantiasa memberi peluang secara terbuka tetapi tidak di Dewan Undangan Negeri Terengganu.

Tuan Yang di-Pertua, kita baca dari semasa ke semasa, kalau dahulu kita tidak merasai apa yang berlaku di Kelantan, dan Kelantan sekarang terkenal dengan sebuah negeri yang hanya tinggal 80%nya orang-orang dewasa. Migrasi ataupun perpindahan remaja berlaku boleh dikatakan hari-hari, ribuan di antara mereka telah keluar daripada Kelantan kerana ekonomi dan pembangunan Kerajaan Kelantan tidak dapat dipergiat dan dirangsang sehingga banyak peluang cari makan ini tidak dapat dilangsungkan oleh remaja-remaja kita di Kelantan.

Sekarang mungkin saya terasa, mungkin rakan-rakan dari negeri lain tidak terasa. Saya membicarakan perkara ini bukan kerana kita kecewa ataupun merasa marah, kita patuh kepada undang-undang dan tuntutan demokrasi yang rakyat memilih sebuah kerajaan. Akan tetapi, kita kena ingat dan kita berani memberitahu kepada rakyat negeri Terengganu bahawa mereka tersilap. Sekarang ini rata-rata kita lihat ramai di antara rakyat di Terengganu di seluruh pelusuk, bermula dari Kemaman sehingga ke Besut rata-rata mengeluh dan mempunyai slogan "Serik doh weh itu" supaya mereka insya-Allah, dalam pilihan raya yang akan datang ini, majoriti rakyat di Terengganu akan memilih sebuah kerajaan yang berada di Pusat ini iaitu Kerajaan Barisan Nasional, insya-Allah.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita menceritakan apa yang sedang berlaku di Terengganu, saya nampaknya begitu domestik, seorang Ahli Dewan Negara yang agak domestik. Akan tetap, saya terpaksa menceritakan ini kerana sama ada kita domestik ataupun tidak daripada segi pemikiran, tetapi ia adalah sebahagian daripada kelompok kita membina sebuah negara maju di masa-masa yang akan datang. Kalau undang-undang Hudud yang diluluskan oleh kerajaan negeri sekarang ini di Dewan Undangan Negeri, terang-terang bertentangan dengan Perlembagaan Negara.

Kita pun tidak berapa faham, mengapakah kebiadaban ini berlaku kerana kita tahu bahawa PAS sedang mencari modal politik. Ini adalah kerana dalam manifesto 1999, ia hendak buat Hudud. Selepas pilihan raya rakyat bertanya, bilakah Terengganu akan membuat Hudud? Akhirnya sekarang ini dengan tergesa-gesa terpaksa melayan Hudud walaupun ianya merupakan sebahagian daripada arahan Allah S.W.T. di dalam Al-Quran.

Tuan Yang di-Pertua, kita tahu bahawa ini bukanlah undang-undang Allah yang terkandung di dalam Al-Quran. Ianya undang-undang ciptaan manusia yang hanya ingin memiliki sedikit sokongan rakyat. Jadi, saya berharap di Dewan yang mulia ini dapat kita menilai perkara-perkara seperti ini bukan sahaja berkaitan dengan undang-undang yang telah terkandung di dalam Al-Quran dan Hadis, saya minta khususnya di Jabatan Perdana Menteri supaya dapat mengkaji dengan teliti sama ada kita meminda beberapa klausa di dalam Perlembagaan kita sesuai dengan Malaysia sebagai negara Islam. Kita nampak di Arab Saudi pun tidak ada enakmen Hudud, tidak ada enakmen yang berkaitan dengan undang-undang dan perintah Allah ini.

Jadi saya cadangkan di Dewan yang mulia ini supaya kerajaan dapat memikirkan dengan bijaksana. Oleh kerana kita meletakkan Islam sebagai Agama Rasmi negara kita dan ini adalah sebuah negara Islam, bukan sahaja kita merasai dan mengiktirafnya tetapi ianya diiktiraf lebih daripada 50 negara Islam di seluruh dunia ini dan meletakkan Malaysia sebagai satu daripada model, kalau tidak idola sekali pun, kepada negara-negara Islam lain di dunia ini.

Kita tengok banyak di antara perkara yang sedang berlaku di Sudan, kehancuran perpaduan rakyat, pertumbuhan ekonomi yang tidak ketara, kemiskinan di merata-rata dan kita nampak ada undang-undang hudud diluluskan di Parlimen mereka tetapi tidak dilaksanakan. Malah kita tengok di Pakistan dan Afghanistan umpamanya, satu keruntuhan sebuah bangsa yang megah suatu ketika dahulu sekarang ini sedang bergelumbang dengan himpitan kemiskinan dan daya maju sebuah bangsa mereka.

Banyak negara Islam yang hendak membuat pendekatan yang tidak strategis dan bijaksana ini tetapi oleh kerana perkara ini agak sensitif, kita berdepan dengan psikologi akar umbi yang kita lihat kurang mempunyai maklumat ilmu yang mantap dalam hal-ehwal agama ini, maka kita nampak seolah-olah apa yang diperlakukan oleh pemimpin-pemimpin PAS Terengganu adalah merupakan satu proses mendekati diri

mereka untuk menunaikan janji sebagaimana dalam manifesto supaya melaksanakan perkara-perkara sensitif kepada umat Islam. Kita demi Allah tidak menentang hudud yang ditegaskan oleh Allah S.W.T.

Tetapi hari ini kita menentang ialah perancangan dan juga pemesongan yang dilakukan oleh pemimpin-pemimpin PAS yang mendakwa pejuang Islam di Terengganu walaupun banyak perkara-perkara lain, tidak dilakukan untuk membangunkan negeri Terengganu sekarang ini.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, dalam soal-soal seperti ini saya berharap yang menjadi hakim ialah rakyat yang akan menilai semua sama ada keberkesanan pimpinan PAS Terengganu pada hari ini boleh memberi manfaat ataupun tidak kepada negeri dan rakyat.

Pembangunan petrokimianya yang berada di dalam peta dunia hari ini di Kertih umpamanya, kalau tidak kerana sumbangan dan pemikiran pemimpin-pemimpin Barisan Nasional maka tidak mungkin ianya sedang berlaku di Terengganu sekarang ini. Banyak di antara jabatan-jabatan kerajaan sedang menghadapi permasalahan besar kerana tidak ada hubungan yang mempunyai matlamat untuk membangunkan negeri dan rakyat. Saya menyeru kepada rakyat supaya ianya dapat dinilai semula sama ada ianya memberi manfaat kepada rakyat dan negeri. Semoga niat suci dan ikhlas kita yang tidak meletakkan agama sebagai modal politik kita kerana kita meletakkan agama jauh lebih tinggi daripada kita dan Perlembagaan dan negara kita, kita yakin dan percaya akhirnya rakyat akan memberi peluang semula kepada pemerintahan demi untuk masa depan seluruh bangsa di Terengganu khasnya dan juga kalau boleh di Kelantan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, saya memulakan perbicaraan saya tadi berkenaan dengan gelombang perubahan budaya hidup globalisasi dan sebagainya. Kehidupan manusia ini, Tuan Yang di-Pertua, mengikut sainsnya ialah kita mulakan dengan fizik kemudian pembangunan kimia dan akhir sekali yang paling penting ialah sains hayat kepada diri kita. *Physics, chemistry, biology* ini harus digabungkan dalam satu gelombang perubahan.

Adalah dijangka satu perubahan ketara akan berlaku dalam dunia ini. Walaupun kita membicarakan tentang ICT, tetapi perubahan yang berkaitan dengan bio-ICT akan menjadi satu ledakan baru dalam gelombang. Sebab itulah kita menyokong penuh usaha-usaha kerajaan dengan perwujudan bio-ICT dan juga meletakkan model seperti Amerika dari sudut pembangunan ICT-bionya ataupun bio-ICTnya, seperti negara-negara Jepun dan Korea umpamanya supaya kita tidak lagi terpinggir daripada arus perubahan ini.

Semoga kita akan menjadi sebuah bangsa yang boleh mempunyai daya tahan dan berhadapan dengan apa juga cabaran-cabaran yang saya sebutkan tadi. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya mengharapkan usaha-usaha yang lebih pragmatik dan lebih bersungguh-sungguh melalui sistem pendidikan di negara kita ini supaya memberi penekanan hebat bukan sahaja kepada pelajar masa kini tetapi juga generasi yang melepasi daripada gelombang yang sedang saya perkatakan ini.

Kumpulan-kumpulan ini termasuk kumpulan umur seperti saya supaya mereka dapat mengubahkan *mind-set* bahawa masa depan dan gaya hidup kita banyak bergantung kepada budaya bio-ICT ataupun keadaan sains hayat yang berorientasikan kepada teknologi maklumat. Kalau ini tidak dapat kita terapkan dalam budaya masyarakat kita dengan cepat, saya tidak yakin kita akan menjadi sebuah masyarakat yang sama-sama dapat menikmati kehidupan yang aman damai di masa hadapan. Jadi, selain daripada faktor-faktor lain, faktor bio-ICT ini, insya-Allah kalau kerajaan dapat memperkukuh lebih bersungguh-sungguh dan penerimaan di peringkat masyarakat kita supaya kita menjadi sebuah masyarakat yang lebih bersedia untuk menghadapi cabaran-cabaran besar ini.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali ialah berkenaan dengan pengumuman Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir Mohamed selaku Perdana Menteri kita yang telah banyak berjasa kepada negara kita, kepada rakyat dan juga kepada negara-negara yang membangun di seluruh dunia ini, kita merasakan peletakan jawatan itu dari sudut kita adalah tidak wajar.

Tetapi setelah menilai dengan hati yang suci dan melihat kesungguhan Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir Mohamed dan dengan beberapa pandangan-

pandangan baru selepas peletakan jawatan Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir Mohamed maka ada satu pertimbangan semula oleh Yang Amat Berhormat untuk menyambung tugas selama 16 bulan yang akan datang ini.

Saya sebagai seorang rakyat yang setia kepada negara tidak ada apa yang hendak diucapkan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita. Selain daripada doa supaya Allah S.W.T. memberikan kekuatan luaran dan dalaman, kesihatan sekeluarga supaya Yang Amat Berhormat menjadi insan soleh di masa-masa yang akan datang. Tenaga, fikiran, perkhidmatan Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir Mohamed akan menjadi satu daripada tinta sejarah yang terus akan kita ukirkan untuk masyarakat bangsa Malaysia di masa-masa yang akan datang.

Apa jua anugerah kita hendak beri kepada Yang Amat Berhormat kita serahkan kepada pimpinan kerajaan supaya dapat menilai kepada usaha-usaha yang telah dilakukan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita. Saya berkeyakinan juga yang akan mengambil alih ialah Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi yang merupakan seorang pejuang Islamik dan nasionalis yang terbuka pemikirannya yang telah melalui gelombang jatuh bangun dalam kehidupan. Saya yakin dan percaya beliau akan dapat terus memimpin negara kita dengan meletakkan asas-asas yang lebih kukuh untuk masa hadapan di dalam pembinaan sebuah bangsa yang insya-Allah menjadi sebuah bangsa yang lebih bertamadun di masa-masa yang akan datang ini.

Dengan kata-kata itu, Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih dan turut menyokong. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, sila menjawab.

**3.17 ptg.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Hashim bin Ismail]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya bagi pihak kementerian-kementerian yang turut terlibat dalam perbahasan Perbekalan Tambahan yang baru sahaja selesai kita bahaskan ini mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada 25 orang Ahli Yang Berhormat yang telah turut berbahas dan telah menyentuh pelbagai aspek.

Di antara isu yang paling popular yang telah disentuh oleh 18 Ahli-ahli Yang Berhormat, daripada 25 yang mengambil bahagian ialah tentang pemakaian ataupun penggunaan bahasa Inggeris dalam mata pelajaran Matematik dan Sains. Saya ingin menjawab sekali gus isu-isu yang dibangkitkan oleh 18 Ahli Yang Berhormat tentang isu ini, Tuan Yang di-Pertua, iaitu bagi pihak Kementerian Pendidikan. Kementerian ini bercadang melaksanakan pengajaran mata pelajaran Matematik dan Sains dalam bahasa Inggeris untuk meningkatkan penguasaan ilmu dalam bidang-bidang ini dan juga penguasaan bahasa Inggeris di kalangan pelajar.

Langkah ini diambil kerana kerajaan menyedari bahawa penguasaan ilmu Sains dan Matematik serta bahasa Inggeris bertambah penting dalam era globalisasi dan teknologi maklumat. Penguasaan bahasa Inggeris dalam pengajaran Matematik dan Sains selain membantu dalam menguasai ilmu ia juga sentiasa berkembang pantas masa kini juga dapat memajukan perhubungan, memudahkan perdagangan antarabangsa serta perindustrian negara. Ia juga membolehkan pelajar-pelajar mengakses maklumat melalui bahan cetak dan elektronik dengan mudah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berpengetahuan, berdaya saing, celik IT dan mendukung hasrat dan aspirasi negara. Diharap langkah ini akan dapat juga meningkatkan daya saing negara.

Tuan Yang di-Pertua, Bahasa Inggeris yang digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran Matematik dan Sains adalah merupakan dengan izin, *instructional language* yang menekankan kepada arahan-arahan dan tatacara untuk menyelesaikan masalah yang dikemukakan. Penggunaannya yang kerap di sekolah sudah pasti akan membantu pelajar terutamanya pelajar bumiputera memahirkan diri mereka dalam penggunaan bahasa Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun pengajaran dalam mata pelajaran Sains dan Matematik dilaksanakan dalam Bahasa Inggeris, ini tidak bermakna kerajaan akan merubah sama sekali Dasar Pendidikan Kebangsaan yang sedia ada yang menjadikan Bahasa Melayu sebagai bahasa penghantar utama di semua peringkat pengajian.

Kerajaan juga tidak bercadang menggunakan bahasa Inggeris dalam pengajaran mata pelajaran-mata pelajaran yang lain.

Pada peringkat awal kerajaan menyedari langkah ini akan memberi kesan kepada sekolah-sekolah di luar bandar. Sehubungan itu, kerajaan telah menubuhkan jawatankuasa khas di peringkat kementerian untuk mengkaji pelaksanaan pengajaran sains dan matematik dalam bahasa Inggeris dan membuat syor-syor pelaksanaan yang praktikal tanpa menjejaskan kualiti pendidikan.

Di antara langkah-langkah yang telah disyorkan ialah guru yang berkebolehan dalam bahasa Inggeris akan ditugaskan untuk mengajar mata pelajaran sains dan matematik. Sekiranya masih terdapat kekurangan guru-guru, kementerian akan melantik guru-guru yang telah bersara wajib untuk berkhidmat sebagai guru-guru kontrak. Kementerian juga merancang untuk mengadakan kursus pendedahan kepada guru secara intensif dan berterusan. Selain itu, kementerian mengambil langkah-langkah berikut:-

- (i) menterjemah semua dokumen sukatan pelajaran. Huraian sukatan pelajaran serta modul pengajaran dan pembelajaran Matematik dan Sains daripada bahasa Melayu kepada bahasa Inggeris;
- (ii) penyediaan senarai dwi bahasa istilah matematik dan sains serta perkataan yang sering digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran Matematik dan Sains. Senarai ini disediakan mengikut tahun persekolahan untuk memudahkan guru membuat rujukan semasa pengajaran dan pembelajaran;
- (iii) memberi latihan kepada guru dalam aspek kandungan kurikulum dan pedagogi dengan menggunakan bahasa Inggeris;
- (iv) melatih pensyarah Sains dan Matematik di maktab perguruan di bawah program perkembangan kejurulatihan (MTDP). Seramai 1,000 orang guru Sains dan Matematik akan dilatih sebagai jurulatih utama dengan menggunakan modul latihan yang dibina. Jurulatih utama bersama jurulatih MTDP akan memberi kursus pendedahan guru-guru di peringkat negeri dan zon;
- (v) jurulatih MTDP akan memberi kursus pendedahan untuk pensyarah di maktab masing-masing dalam bentuk kursus dalaman, ataupun dengan izin, *in-house training*;
- (vi) semua kursus dalam perkhidmatan selama 14 minggu atau enam minggu *conversion* bagi mata pelajaran Sains dan Matematik akan disampaikan dalam bahasa Inggeris;
- (vii) bahan e-pembelajaran dalam matematik dan sains yang sekarang ini telah dihasilkan dalam bahasa Melayu akan diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris bagi membantu memudahkan pengajaran dan pembelajaran dalam bahasa itu.

Antara langkah-langkah jangka panjang pula yang akan diambil oleh kementerian adalah:-

- (i) Kursus Diploma Perguruan Malaysia dan Kursus Perguruan Lulusan Ijazah bagi opsyen Sains dan Matematik akan disampaikan dalam bahasa Inggeris;
- (ii) kurikulum Sains dan Matematik (KPDM) dan (KPLI) iaitu kursus yang saya sebut tadi, akan diadaptasi ke dalam bahasa Inggeris;
- (iii) kursus dalam perkhidmatan akan dilaksanakan secara berterusan bagi menampung keperluan guru Sains dan Matematik yang mampu mengajar dalam bahasa Inggeris; dan

- (iv) Bahan-bahan e-pembelajaran dalam bahasa Inggeris untuk sains dan matematik akan terus dimantapkan.

Dengan usaha-usaha yang dijalankan oleh kerajaan, diharapkan penguasaan bahasa Inggeris dalam dipertingkatkan di kalangan pelajar bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berpengetahuan, berdaya saing, celik IT dan dapat mendukung hasrat dan aspirasi negara.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Hassan Haji Shukri mengatakan pemakaian bahasa Inggeris untuk mata pelajaran Matematik dan Sains sebagai satu usaha berkiblat kepada bahasa Inggeris ini. Sebenarnya kerajaan semata-mata berhasrat supaya pelajar-pelajar kita mampu menguasai kedua-dua bidang ilmu ini, dengan cara yang lebih berkesan dan cemerlang lagi dan seterusnya menjadikan mereka golongan yang memiliki daya saing, daya maju, lebih-lebih lagi dalam bidang sains dan teknologi juga IT dan bersedia berhadapan dengan arus dan cabaran globalisasi.

Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Datuk Mansor bahawa kesedaran bangsa-bangsa di dunia ini untuk menguasai bahasa Inggeris sekarang ini telah mula meningkat, termasuk rakyat Perancis yang satu ketika dahulu begitu tebal sentimennya terhadap bahasa Inggeris tetapi kini mereka sendiri menyedari perlunya mereka menguasai dan menggunakan bahasa tersebut dalam hubungan antarabangnya.

Demikian juga dengan orang Jerman, China, malah Indonesia sendiri, sekarang ini sedang memperlengkap diri dengan penguasaan bahasa Inggeris sebagai bahasa ilmu yang penting dalam era globalisasi ini.

Baru-baru ini satu kajian telah dibuat di Singapura yang mendapati para pelabur lebih suka melabur di Singapura daripada di Hong Kong kerana di antara sebabnya ialah penguasaan bahasa Inggeris di Singapura adalah lebih baik daripada di Hong Kong. Kerana itu Menteri Pendidikan Singapura menegaskan bahawa Singapura akan menjadikan, dengan izin, *English as a new economic weapon*, senjata ekonomi baru untuk menarik pelabur-pelabur supaya melabur di Singapura dan dengan ini mereka punya daya saing yang lebih hebat daripada negara-negara lain.

Begitulah tentang kesedaran dunia terhadap mata pelajaran ini iaitu penguasaan bahasa Inggeris, maka dengan itu langkah kerajaan ini adalah ikhlas dan semata-mata bertujuan untuk menjadikan rakyat kita rakyat yang berdaya saing, berdaya maju dan mampu menghadapi cabaran globalisasi. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Mansor kerana beliau banyak berbicara tentang ini dan saya rasa hujah-hujah beliau adalah relevan dan patut kita renungkan bersama.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak pergi kepada isu secara spesifik yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, yang pertama sekali adalah Yang Berhormat Tuan Abdillah bin Abdul Rahim. Beliau bertanyakan tentang sejauh manakah pencapaian program penutur jati bahasa Inggeris. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, program ini masih di peringkat awal.

Melalui program ini penutur jati atau dalam bahasa Inggerisnya, dengan izin, *native speaker*, dari United Kingdom, Australia, New Zealand, akan ditempatkan di daerah-daerah untuk membantu guru-guru bahasa Inggeris menggerakkan aktiviti-aktiviti pembelajaran dan profesionalisme guru. Seterusnya dapat meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris di kalangan pelajar khususnya di kawasan luar bandar, itu tentang penutur jati iaitu tenaga-tenaga pengajar yang akan digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran kedua-dua mata pelajaran ini dalam bahasa Inggeris.

Tuan Abdillah juga telah menyentuh tentang apakah sebab-sebab kelewatan pinjaman PTPTN dan meminta kementerian mempercepatkannya. Kementerian Pendidikan menyedari terdapat masalah kelewatan dalam pembayaran pinjaman pendidikan PTPTN kepada pelajar, antara faktor yang menyebabkan masalah ini ialah:-

- (i) maklumat dan perjanjian pelajar yang tidak lengkap dan sempurna;
- (ii) peningkatan jumlah yang mendadak telah menjejaskan urusan pemprosesan permohonan pinjaman;

- (iii) pengurusan pembayaran dan pengendalian akaun pelajar yang berjumlah hampir 300,000 orang dan langkah-langkah yang telah diambil oleh PTPTN bagi mempercepat proses ini ialah:-
- (a) penggunaan Borang OMR (Optical Magnetic Recognition);
  - (b) pembayaran terus kepada akaun pelajar;
  - (c) mempertingkatkan tahap pengkomputeran urusan permohonan pinjaman dan perakaunan pelajar.

Yang Berhormat Tuan Abdillah Abdul Rahim juga menyentuh tentang sejauh manakah pencapaian bahasa Inggeris di kalangan pelajar terutama pelajar luar bandar. Keputusan bahasa Inggeris pelajar-pelajar luar bandar adalah meningkat dari tahun ke tahun.

Sebagai contoh, keputusan UPSR meningkat daripada 51.9% pada tahun 2000 kepada 53.4% pada tahun 2001. Manakala di peringkat PMR pula, menunjukkan sejumlah 49.6% pelajar Melayu telah lulus pada tahun 2000, manakala pada tahun 2001 meningkat kepada 53.2%. Manakala di peringkat SPM pula, sejumlah 52.5% pelajar telah lulus pada tahun 2000, sementara pada tahun 2001 jumlahnya meningkat kepada 56.0%. Ini bererti ada peningkatan dalam pencapaian pelajar-pelajar kita dalam bahasa Inggeris.

Yang Berhormat Tuan Abdillah juga menyentuh tentang perbelanjaan bagi pembersihan kawasan sekolah, boleh dikurangkan dengan amalan gotong-royong. Untuk menjawab isu ini, pihak PIBG dan komuniti setempat memainkan peranan dalam membantu pihak sekolah. Amalan gotong-royong masih diamalkan di kebanyakan sekolah-sekolah kita sekarang ini.

Tuan Abdillah juga menyentuh tentang mengesyorkan dua atau lebih kawasan Parlimen yang mempunyai jumlah penduduk yang sedikit berkongsi satu kolej komuniti, dan ini juga disentuh oleh Dato' Dr. Chin Fook Weng dan beberapa Ahli Yang Berhormat yang lain supaya pembinaan kolej komuniti tidak merupakan pembaziran. Terima kasih di atas pandangan itu dan kerajaan telah memutuskan agar kolej komuniti didirikan di semua kawasan Parlimen iaitu 193 kawasan Parlimen, ini bersesuaian dengan hasrat pembelajaran sepanjang hayat ataupun dengan izin, *live-long learning* dan memberi peluang kepada pelajar yang tidak berpeluang melanjutkan pelajaran ke IPT-IPT.

Yang Berhormat Tuan Abdillah juga menyentuh tentang *grant* untuk MSSM ditambah. Pada masa ini terdapat dua buah sekolah untuk mendirikan sekolah, untuk menempatkan atlet dan ahli sukan untuk melanjutkan pelajaran. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini terdapat dua buah sekolah sukan iaitu Sekolah Sukan Bukit Jalil di Kuala Lumpur dan Sekolah Sukan Bandar Penawar di Johor. Sekolah-sekolah tersebut telah melahirkan ramai atlet yang mewakili negara seperti dalam Sukan SEA dan Sukan Komanwel.

Yang Berhormat Tuan Abdillah juga menyentuh tentang mengapakah pembinaan dua kolej matrikulasi di Pahang dan Kedah lewat disiapkan yang mengakibatkan kerajaan terpaksa berbelanja lebih dan saya hendak menyentuh juga isu yang disentuh oleh Dato' Dr. Chin Fook Weng iaitu kelambatan dua kolej matrikulasi ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat sekalian, perancangan awal kedua-dua kolej matrikulasi dijangkakan disiapkan pada 31 Disember 2001. Disebabkan masalah pengambilan tanah, kerja-kerja pembinaan yang telah dirancang semula agar kolej dapat disiapkan pada bulan September 2002. Bagi Kolej Matrikulasi Pahang pula, kerja-kerja pembinaan dimulakan pada bulan Ogos 2001 dan bagi Kolej Matrikulasi Kedah kerja-kerja pembinaan dimulakan pada bulan September 2001, ini disebabkan oleh kelewatan proses pengambilan tanah ini, jadi bukan kerana kesilapan kontraktor yang lambat membina bangunan-bangunan tersebut.

Yang Berhormat Tuan Abdillah Abdul Rahim juga menyentuh tentang ke manakah kemudahan peralatan dan perisian komputer untuk kelas-kelas prasekolah diberikan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebanyak 2,462 unit komputer

dibekalkan bersama perisian komputer untuk kelas prasekolah di bawah Kementerian Pendidikan. Kemudahan peralatan dan perisian komputer ini dibekalkan kepada semua sekolah rendah yang mempunyai kelas prasekolah termasuk sekolah di luar bandar, sebagai contoh, sebanyak 322 unit komputer telah dibekalkan di sekolah-sekolah rendah di seluruh negeri Sarawak.

Tentang Kementerian Kesihatan pula, Yang Berhormat Tuan Abdilllah meminta diperbaiki imej doktor, layanan kepada para pesakit, sikap doktor yang sombong dan ambil perhatian terhadap rungutan dan aduan para pesakit. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kementerian Kesihatan memang sedar ada sebahagian kecil pegawai-pegawai perubatan termasuk doktor kerajaan yang bersikap sombong atau tidak memberi layanan mesra kepada para pesakit. Bagi memperbaiki imej kementerian, kerajaan dari semasa ke semasa mengambil berat dan sentiasa meneliti gaji, elaun dan lain-lain ganjaran kepada para doktor dan paramedik. Kerajaan juga sentiasa mengadakan kempen atau galakan untuk memperbaiki layanan kepada pesakit seperti Khidmat Penyayang, Mesra serta aktiviti Mesra Rakyat, seperti Hospital Rakan Bayi, Hospital Rakan Suami dan lain-lain. Tindakan tegas juga akan dikenakan kepada para doktor yang gagal atau cuai semasa memberikan layanan kepada para pesakit.

Yang Berhormat Dato' Abdilllah bin Abdul Rahim juga menyentuh tentang kualiti perkhidmatan terjejas disebabkan kekurangan doktor. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Kesihatan Malaysia sedang berusaha dengan gigih untuk menambahkan jumlah doktor yang berkhidmat di Kementerian Kesihatan Malaysia. Pelbagai cara digunakan seperti menambahkan lagi kolej perubatan awam dan swasta untuk melatih lebih ramai para doktor. Doktor-doktor dari luar negara juga digalakkan untuk datang ke Malaysia untuk berkhidmat. Syarat-syarat telah dilonggarkan untuk tujuan tersebut. Serentak dengan itu pelbagai insentif telah diberikan kepada doktor seperti elaun kritikal, elaun pakar, peluang kenaikan pangkat dan lain-lain. Kementerian Kesihatan Malaysia berharap bahawa strategi-strategi ini akan berhasil untuk menambahkan jumlah doktor di Kementerian Kesihatan Malaysia.

Yang Berhormat Dato' Abdilllah bin Abdul Rahim, Yang Berhormat Tuan Hassan bin Haji Shukri, Yang Berhormat Tuan K. R. A. Naidu dan Yang Berhormat Datuk Christina Tibok Vanhouten ada menyentuh tentang satu cadangan supaya diadakan *rest house* atau rumah rehat dekat dengan hospital untuk kegunaan pelawat dan keluarga pesakit khususnya di Sabah dan Sarawak.

Cadangan ini telah diambil maklum. Tindakan telah dan sedang diambil untuk menyediakan tempat menumpang atau bilik menunggu atau balai pelawat di semua hospital kerajaan. Pelawat dan keluarga pesakit adalah diminta menghubungi pihak pengurusan hospital untuk mendapatkan tempat menumpang yang sesuai. Pada masa ini Kementerian Kesihatan telah dan sedang membina balai pelawat iaitu tempat menumpang dan bermalam di semua 35 buah hospital baru Kementerian Kesihatan untuk kemudahan menumpang bermalam ahli keluarga ataupun pelawat pesakit. Usaha ini juga sedang dibuat untuk menyediakan kemudahan balai pelawat atau bilik menunggu untuk semua hospital kerajaan.

Yang Berhormat Puan Jamilah binti Ibrahim pula menyentuh tentang peratus kekurangan guru Bahasa Inggeris buat masa ini. Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga 31 Mei 2002 bilangan guru terlatih *option* Bahasa Inggeris sekolah rendah ialah seramai 19,716 orang dan 10,941 orang di sekolah menengah. Jumlah ini memang masih kekurangan berbanding keperluan guru. Bagi mengatasi masalah tersebut, kementerian telah menjalankan pelbagai usaha seperti mengadakan program khas kursus jangka pendek dan jangka panjang melalui kursus pra-perkhidmatan dan kursus dalam perkhidmatan. Kementerian juga telah melaksanakan kursus *conversion* bagi membolehkan guru-guru bukan *option* Bahasa Inggeris yang melibatkan 1,600 orang guru mulai September 2001.

Yang Berhormat Puan Jamilah binti Ibrahim juga meminta satu kajian terperinci mengenai penggunaan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar Matematik dan Sains. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan telah menubuhkan jawatankuasa khas di peringkat kementerian untuk mengkaji pelaksanaan pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris dan membuat syor-syor pelaksanaan yang praktikal tanpa menjejaskan kualiti pendidikan.

Yang Berhormat Puan Jamilah binti Ibrahim juga bertanya vaksin yang dibekalkan kepada para jemaah haji adakah halal. Untuk makluman Yang Berhormat, vaksin *meningococcal* untuk pelalihan jemaah haji yang dibekalkan kepada Kementerian Kesihatan adalah halal. Kebanyakan jemaah haji dan mereka yang mengerjakan umrah mendapatkan suntikan pelalihan dari klinik-klinik kerajaan. Walau bagaimanapun, terdapat juga bakal jemaah yang mendapatkan suntikan pelalihan di klinik swasta yang memperoleh bekalan dari syarikat yang membekalkan vaksin tidak halal. Nasihat dari JAKIM juga telah diperoleh untuk isu ini dan telah dinasihatkan hukumannya harus memandangkan keadaan darurat. Bagi yang tidak halal yang didapati dari klinik-klinik swasta, fatwa JAKIM ialah ianya halal kerana keadaan darurat.

Yang Berhormat Datuk William Lau Kung Hui, menyentuh tentang ada doktor-doktor yang mengubah rekod perubatan untuk menutup kesilapan mereka. Kementerian Kesihatan Malaysia berharap Yang Berhormat Datuk dapat memberikan butir-butir yang terperinci supaya ia dapat disiasat oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dan tindakan sewajarnya diambil. KKM (Kementerian Kesihatan Malaysia) memandang serius dakwaan ini dan penyiataan akan dibuat selepas mendapat butir-butir dari Yang Berhormat Datuk. Tindakan sewajarnya akan diambil, Yang Berhormat Datuk ya. Harap Datuk William Lau dapat ambil perhatian perkara ini.

Yang Berhormat Datuk William Lau Kung Hui juga menyentuh tentang supaya diperbaiki imej para doktor, layanan kepada pesakit, sikap doktor yang sombong, tadi pun saya sudah jawab, sebelum ini, tapi untuk makluman Yang Berhormat Datuk, Kementerian Kesihatan Malaysia mengambil berat mengenai pegawai perubatan, doktor kerajaan yang bersikap sombong atau tidak memberi layanan mesra kepada pesakit. Bagi memperbaiki perkhidmatan yang diberi, Kementerian Kesihatan mengadakan pelbagai kempen atau galakan untuk memperbaiki layanan kepada para pesakit, yang telah saya sebut tadi.

Yang Berhormat Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Abdullah bin Ayub ingin mendapat penjelasan mengenai Maksud di bawah B.29 Perkhidmatan Am Perbendaharaan bagi membiayai sebahagian daripada tunggakan POCPA. Skim Peraturan Pembayaran Kredit Minyak Sawit atau ringkasnya POCPA ialah satu skim kredit yang diperkenalkan pada tahun 1991 oleh kerajaan sebagai salah satu strategi pemasaran bagi meneroka pasaran bukan tradisional minyak sawit negara.

Sehingga kini sebanyak 18 buah negara telah ditawarkan kemudahan POCPA berjumlah USD525 juta. Namun demikian, 8 buah negara telah pun menggunakan kemudahan ini berjumlah USD237.4 juta. Sebanyak USD103.1 juta telah dibayar balik dan USD142.8 juta masih tertunggak. Di bawah kemudahan ini, Bank Negara Malaysia (BNM) membuat bayaran kepada pengekspor minyak sawit ke negara yang menerima tawaran POCPA dan negara tersebut diberi tempoh dua tahun untuk membayar balik kemudahan kepada BNM.

Peruntukan tambahan RM190 juta yang diminta ini adalah bagi tujuan menyelaraskan tunggakan POCPA di Bank Negara Malaysia dan Bank Negara Malaysia akan terus berusaha untuk mendapatkan bayaran tunggakan daripada negara terbabit dan mengembalikan semula kepada kerajaan apabila bayaran balik dibuat oleh negara-negara tersebut.

Yang Berhormat Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Abdullah bin Ayub juga membangkitkan mengenai peruntukan RM10 untuk menubuhkan Kumpulan Wang Pendahuluan Negeri, sama ada pinjaman dan geran dan bagaimana ia ditadbirkan. Untuk makluman Yang Berhormat Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Abdullah bin Ayub, Kumpulan Wang Pendahuluan Negeri adalah satu tabung pusingan yang ditubuhkan melalui satu resolusi oleh Parlimen pada tahun 1981 yang bertujuan untuk membantu negeri-negeri mengatasi masalah aliran tunai sementara. Pendahuluan ini bukannya geran dan bukan pinjaman. Ia adalah pendahuluan dan hendaklah dibayar balik oleh negeri-negeri yang mendapat pendahuluan tersebut dalam tempoh dua hingga tiga tahun sama ada secara tunai atau secara lain yang dipersetujui antara Kerajaan Persekutuan dengan kerajaan negeri-negeri tersebut.

Peruntukan RM10 yang diperlukan untuk membolehkan bayaran segera dapat dilakukan memandangkan baki semasa tabung Kumpulan Wang Pendahuluan Negeri tidak mencukupi bagi membuat pendahuluan kepada negeri Sabah dan Johor yang diperlukan segera sementara menunggu kelulusan Dewan Parlimen. Kumpulan wang tersebut ditadbirkan oleh Kementerian Kewangan dan negeri-negeri yang mendapatkan

pendahuluan terus membuat pembayaran balik kepada kumpulan wang tersebut. Kementerian Kewangan sentiasa memperingatkan kerajaan negeri supaya dapat menjelaskan pendahuluan ini mengikut jadual dan tempoh yang ditetapkan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Puan Safinah binti Jusoh menyentuh tentang sejauh manakah guru-guru dapat menguasai bahasa Inggeris untuk mengajar mata pelajaran Matematik dan Sains. Sebagai langkah awal disyorkan guru-guru yang berkebolehan dalam bahasa Inggeris akan ditugaskan untuk mengajar mata pelajaran Sains dan Matematik. Sekiranya masih terdapat kekurangan guru, kementerian akan melantik guru yang telah bersara wajib untuk berkhidmat sebagai guru kontrak. Ini sudah saya sebut di peringkat awal tadi.

Yang Berhormat Puan Safinah binti Jusoh menyentuh tentang kekurangan doktor pergigian yang berpengalaman. Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Malaysia sememangnya sedang menghadapi masalah kekurangan pegawai pergigian yang kritikal di seluruh negara sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Keadaan menjadi semakin mendesak kerana agihan pegawai pergigian yang tidak seimbang di antara sektor awam dan sektor swasta, di antara negeri dan juga di antara kawasan bandar dan luar bandar.

Beliau juga ingin mengetahui tentang perkhidmatan pergigian di kebanyakan *facility* kesihatan hanya dapat diperoleh sebanyak satu kali dalam seminggu dan ini mengikut beliau tidak mencukupi. Untuk makluman Yang Berhormat, insentif serta peluang kerjaya yang semakin menarik di sektor swasta berbanding dengan sektor awam merupakan di antara punca utama yang mendorong penghijrahan pegawai pergigian ke sektor swasta.

Yang Berhormat Puan Safinah binti Jusoh juga menyentuh tentang pihak kerajaan diminta untuk menambahkan insentif agar dapat menarik lebih ramai doktor pergigian. Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga penghujung Disember 2001 dari 970 jawatan hanya 686 jawatan sahaja yang mampu diisi dan bererti lebih kurang 30% jawatan sedia ada tidak dapat diisi. Walau bagaimanapun, ianya tidak memberi gambaran sebenar.

Sekiranya diambil kira projek-projek Rancangan Malaysia Ketujuh yang telah selesai, keperluan jawatan tambahan dianggarkan mencatat kekurangan jawatan sebanyak lebih kurang 45%. Masalah ini menjadi semakin bertambah serius dan mendesak terutama di kawasan luar bandar dan pedalaman. Atas dasar ini, perkhidmatan pergigian di kebanyakan *facility* kesihatan yang berada di luar bandar dan kawasan pedalaman hanya dapat menerima perkhidmatan satu kali dalam seminggu. Langkah yang telah diambil oleh pihak kerajaan dan insentif perkhidmatan telah diperkenalkan:

- (i) menawarkan kepada pegawai pergigian yang telah bersara wajib untuk berkhidmat semula di sektor awam;
- (ii) meminda Skim Perkhidmatan Pegawai Pergigian bagi membolehkan pegawai pergigian yang mendaftar dengan Majlis Pergigian Malaysia di bawah seksyen 12 (3) dan 12 (9) Akta Pergigian 1971 untuk berkhidmat dengan kerajaan;
- (iii) mewujudkan 80 jawatan pegawai pergigian kontrak bagi warganegara;
- (iv) menambah bilangan universiti tempatan yang mengadakan kursus ijazah pergigian;
- (v) mempertingkatkan bilangan pengambilan para pelajar yang mengikuti ijazah di ketiga-tiga universiti tempatan;
- (vi) memperbaiki insentif perkhidmatan awam dengan memperluas tuntutan elaun panggilan di luar waktu bekerja biasa untuk merangkumi pegawai pergigian bermula dari tahun 1996;
- (vii) meminda Akta Pergigian 1871 bagi mewajibkan semua pengamal untuk berkhidmat selama tiga tahun dengan kerajaan berkuat kuasa pada tahun 2001; dan.

- (viii) pewujudan 100 jawatan pegawai perigian kontrak di kalangan bukan warganegara mulai tahun 2002.

Yang Berhormat Puan Safinah Jusoh juga bertanya tentang kualiti perkhidmatan terjejas disebabkan kekurangan doktor. Untuk makluman Yang Berhormat Kementerian Kesihatan Malaysia sedang berusaha dengan gihig untuk menambahkan jumlah doktor yang berkhidmat di Kementerian Kesihatan Malaysia. Pelbagai cara digunakan seperti menambahkan lagi kolej perubatan awam dan swasta untuk melatih lebih ramai doktor. Doktor-doktor dari luar negara juga digalakkan untuk datang ke Malaysia untuk berkhidmat dan syarat-syarat telah dilonggarkan untuk tujuan tersebut. Serentak dengan ini pelbagai insentif lain telah diberikan kepada doktor seperti elaun kritikal, elaun pakar, peluang kenaikan pangkat dan lain-lain.

Yang Berhormat Hajah Azizah menyentuh tentang sejauh manakah keberkesanan dan kemajuan prestasi matematik dengan penggunaan *abacus*. Untuk makluman Yang Berhormat penggunaan *abacus* merupakan salah satu pendekatan tambahan dalam menguasai kemahiran asas iaitu mengira. Setakat ini, '12' telah berjaya membantu pelajar untuk mengira dengan cepat khususnya dalam operasi tambah, tolak, darab dan bahagi.

Bagi meningkatkan program ini kementerian akan mengambil pakar dari negeri China untuk melatih jurulatih utama dan seterusnya melatih guru-guru untuk mengajar *abacus* dan *mental arithmetic*.

Yang Berhormat Hajah Azizah juga menyentuh tentang meminta supaya anak-anak di bawah jagaan ibu tunggal dan yang miskin diambil kira dalam pemberian biasiswa. Untuk makluman Yang Berhormat, pemberian biasiswa berdasarkan kepada status sosial ekonomi keluarga. Anak ibu tunggal layak mendapat biasiswa sekiranya memenuhi syarat-syarat yang telah digariskan.

Yang Berhormat Hajah Azizah juga meminta kerajaan memantau kerja-kerja pembersihan di kawasan sekolah. Untuk makluman Yang Berhormat Kementerian Pendidikan sentiasa memantau kerja-kerja pembersihan kawasan sekolah oleh kontraktor yang dilantik bagi memberikan perkhidmatan yang memuaskan dan bagi kontraktor yang memberikan perkhidmatan yang kurang memuaskan kementerian akan mengambil tindakan berdasarkan terma-terma perjanjian yang telah dipersetujui.

Yang Berhormat Hajah Azizah juga bertanya adakah kerajaan bercadang menjadikan IT sebagai mata pelajaran sekolah. Mata pelajaran Teknologi Maklumat atau IT peringkat SPM telah diperkenalkan pada tahun 1999 di 15 buah sekolah menengah. Penawaran mata pelajaran ini telah diperluas kepada 150 buah sekolah menengah pada tahun 2002.

Yang Berhormat Hajah Azizah juga bertanya adakah sekolah telah disediakan dengan komputer yang mencukupi. Untuk makluman Yang Berhormat sehingga 31 Mei 2002 sebanyak 1,281 buah makmal komputer seluruh negara telah berjaya disiapkan berbanding 1,941 buah yang dicadangkan. Pihak Kementerian Pendidikan sedang dalam tindakan untuk melaksanakan pembinaan 359 buah makmal. Sebanyak 1,045 buah makmal komputer telah dilengkapi dengan komputer sepenuhnya.

Yang Berhormat Hajah Azizah juga bertanya berapakah bilangan kolej komuniti yang telah dibina dan apakah kursus-kursus yang ditawarkan dan ini juga merupakan isu-isu yang ditanya oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat dan saya berharap saya telah menjawab kepada semua soalan ini sekali gus. Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga Jun 2002 sebanyak 17 buah kolej komuniti telah beroperasi. Kolej komuniti adalah sebuah institusi yang menawarkan kursus-kursus formal sepenuh masa dan bukan formal yang memberikan penekanan, pendidikan dan latihan kemahiran yang meliputi bidang-bidang perniagaan, pembuatan, pelancongan, automotif, komputer dan multi media. Kursus-kursus formal sepenuh masa adalah di peringkat sijil dan diploma.

Kumpulan sasar pelajar-pelajar kolej komuniti adalah lepasan SPM dan pelajar yang ingin meningkatkan kemahiran. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Ghazi kerana beliau begitu positif dan beliau tidak menganggap kolej komuniti untuk mereka yang kurang berkualiti dalam bidang pendidikan. Malah beliau mengatakan bahawa kolej komuniti merupakan saluran yang dapat menyediakan beberapa pilihan kepada rakyat. Terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Ghazi di atas komen yang begitu positif.

Yang Berhormat Puan Hajah Azizah juga bertanya tentang adakah kerajaan menyediakan latihan kepada guru luar bandar untuk mengajar mata pelajaran Matematik dan Sains dalam Bahasa Inggeris. Untuk makluman Yang Berhormat di antara langkah-langkah yang diambil untuk melatih guru untuk mengajar Matematik dan Sains dalam bahasa Inggeris ialah:-

- (i) mengadakan kursus pendedahan secara intensif dan berterusan;
- (ii) memberi latihan kepada guru-guru dalam aspek kandungan kurikulum dan pedagogi seperti kursus 14 minggu *in-house training*;
- (iii) menyediakan senarai dwi bahasa, istilah matematik dan sains;
- (iv) penggunaan kemudahan ICT bagi bahan-bahan e-pembelajaran dalam bahasa Inggeris dimantapkan.

Yang Berhormat Hajah Azizah juga bertanya bagaimanakah pencapaian bahasa Inggeris dan program penutur jati bahasa Inggeris. Untuk makluman Yang Berhormat program ini masih di peringkat awal yang melibatkan penutur jati dari luar negara untuk meningkatkan prestasi bahasa Inggeris khususnya di kawasan luar bandar. Mereka tidak ditempatkan di sekolah, sebaliknya membantu menggerakkan latihan dan aktiviti sokongan, membantu meningkatkan profesionalisme guru sekolah rendah dan menengah di daerah yang mereka ditempatkan dan aktiviti lain yang berkaitan dengan bahasa Inggeris.

Yang Berhormat Hajah Azizah dan juga Yang Berhormat Haji Hassan Shukri menyentuh tentang bantuan kewangan ke Sabah iaitu adakah untuk tujuan spesifik atau terpulang ke atas kerajaan negeri Sabah, bagaimana hendak menggunakan wang tersebut. Untuk makluman Yang Berhormat pendahuluan yang diberikan kepada negeri Sabah adalah untuk tujuan mengatasi masalah aliran tunai atau deposit dengan izin yang dihadapi oleh negeri Sabah pada tahun 2001. Deposit ini wujud hasil daripada:

- kekurangan kutipan cukai jualan kelapa sawit;
- pemansuhan *duty import* dan eksais ke atas barangan petroleum; dan
- tunggakan bil air yang tinggi.

Wang tersebut boleh digunakan oleh Kerajaan Negeri Sabah untuk tujuan mengatasi masalah aliran tunai sahaja bukan untuk lain-lain tujuan iaitu untuk mengatasi masalah deposit. Bagi negeri Johor pula pendahuluan diberi adalah untuk mengatasi masalah aliran tunai bagi tempoh suku tahun pertama iaitu antara Januari hingga Mac. Kutipan hasil belum lagi dapat diperolehi sedangkan unjuran kutipan adalah positif tetapi untuk tempoh suku tahun pertama ini kutipan hasil belum lagi direalisasikan.

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

Maka oleh kerana itu negeri Johor meminta pendahuluan sebanyak yang kita bincangkan ini – bukan kerana negeri itu tidak ditadbirkan dengan baik tetapi ini adalah perkara biasa sedangkan rizab kuat, saiz ekonomi, kek ekonomi berkembang dari masa ke semasa. Dengan sebab itu saiz pengurusan juga berkembang.

Maka dengan itulah untuk suku pertama tahun ini sahaja, Johor menghadapi sedikit kekurangan wang dan menggunakan kesempatan ini untuk dapatkan pendahuluan daripada tabung ini dan tabung ini pula tidak ada *interest - interest free*, tidak ada faedah. Oleh itu, sesiapa pun agak *very inviting*, ertinya sesiapa pun boleh menggunakan tabung ini dengan tanpa ada faedah dikenakan kepada negeri-negeri yang menghadapi defisit sementara itu.

Yang Berhormat Puan Hajah Azizah juga menyentuh tentang meminta doktor-doktor bertugas di luar bandar, ingin melanjutkan kepakaran latihan supaya tidak dilupakan. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Kesihatan Malaysia sentiasa prihatin terhadap keperluan doktor-doktor Kementerian Kesihatan Malaysia untuk melanjutkan pelajaran mereka ke tahap Master dan seterusnya. Untuk mereka

yang memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan, peluang untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat kepakaran adalah baik. Tidak kira sama ada mereka bertugas di bandar ataupun di luar bandar. Juga *open system*, dengan izin, membolehkan lebih ramai doktor mendapat kepakaran tanpa menjejaskan perkhidmatan mereka.

Yang Berhormat Tuan Hassan bin Haji Shukri meminta kerajaan menubuhkan kolej bahasa untuk menghasilkan guru Bahasa Inggeris. Penubuhan Institut Pengurusan Bahasa-bahasa Antarabangsa (IPPA) di Lembah Pantai merupakan sebahagian daripada langkah kerajaan untuk memenuhi keperluan guru-guru dalam pelbagai bahasa khususnya bahasa antarabangsa.

Yang Berhormat Tuan Hassan bin Haji Shukri juga meminta penjelasan sama ada kawalan keselamatan diberikan kepada murid atau bangunan. Untuk makluman Yang Berhormat, kawalan keselamatan yang disediakan di sekolah meliputi kawalan keselamatan kepada murid dan bangunan sekolah sekali.

Bagi keselamatan bangunan sekolah yang uzur, kementerian mengambil langkah memperbaiki kemudahan asas bangunan sekolah dengan memperuntukkan RM180 juta pembaikan kemudahan asas bangunan sekolah ini meliputi sekolah-sekolah di luar bandar.

Yang Berhormat Tuan Hassan bin Haji Shukri juga menyentuh tentang bantuan kewangan ke Sabah. Ini telah saya sentuh tadi, tidak perlu saya ulang lagi. Juga di Johor, ya.

Yang Berhormat Tuan Hassan bin Haji Shukri dan Yang Berhormat Dato' Haji Arzmi bin Haji Abdul Hamid juga menyentuh tentang meminta dibina lebih banyak klinik di luar bandar bagi kemudahan rakyat yang miskin. Untuk makluman Yang Berhormat memang telah menjadi dasar dan hasrat kerajaan untuk menambah *facilities* kesihatan di luar bandar.

Dalam Rancangan Malaysia Kelapan, kementerian merancang untuk melaksanakan 876 klinik termasuk Klinik Desa dengan melibatkan peruntukan sebanyak RM661.1 juta iaitu 12% daripada Belanjawan Pembangunan RMK-8. Sebanyak RM5.5 bilion setakat ini sehingga 31 Mei 2002, sebanyak 266 projek klinik telah siap dan bakinya sedang dalam pelaksanaan atau masih di peringkat perancangan.

Yang Berhormat K. R. A. Naidu menyentuh tentang meluaskan prasekolah di semua sekolah untuk menyediakan murid memasuki sekolah rendah. Untuk makluman Yang Berhormat, pada tahun 2002, Kementerian Pendidikan akan menambah 100 buah sekolah prasekolah.

**Datuk Nor Azah binti Awin:** *[Mengetuk-ngetuk pembesar suara]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Datuk Nor Azah meminta laluan.

**Datuk Nor Azah binti Awin:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Minta maaf Yang Berhormat, saya hendak pusing belakang sedikit. Tadi, Yang Berhormat mengatakan bahawa perbelanjaan ke atas penyelenggaraan sekolah-sekolah telah dipertikaikan. Saya cuma ada satu soalan yang kecil sahaja iaitu dari segi bayaran sewaan bangunan baru ibu pejabat Dewan Bahasa iaitu secara BOT. Soalan saya ini adalah teknikal sedikit. Adakah ini dianggap sebagai akaun perbelanjaan atau akaun pembangunan kerana ia adalah satu projek *build, operate, transfer*, di mana hujung jangka masa menyewa itu pihak kerajaan akan menjadi tuan punya premis tersebut. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Hashim bin Ismail:** Terima kasih Yang Berhormat Datuk, oleh kerana soalan ini begitu spesifik, saya terpaksa, perlu merujuk kepada Kementerian Pendidikan dan saya harap Kementerian Pendidikan akan dapat memberikan jawapan secara bertulis kepada Yang Berhormat Datuk. Saya minta maaf kerana tidak dapat memberikan jawapan secara spontan di sini. Saya berbalik kepada Yang Berhormat K. R. A. Naidu iaitu prasekolah. Pada tahun 2002 Kementerian Pendidikan akan menambah 100 buah kelas prasekolah; tahun 2003 – 1,500 kelas; 2004 – 1,500 kelas; 2005 – 1,500 kelas; dan tahun 2006 – 1,500 kelas; tahun 2007 – 1,600 kelas. Ini bermakna jumlah prasekolah hingga 2007 sebanyak 8,851 buah sekolah.

Yang Berhormat K. R. A. Naidu juga menyentuh tentang kenapa pembersihan kawasan sekolah diserahkan kepada pihak swasta, sedangkan telah disediakan tukang

kebud dan pekerja am sekolah. Untuk makluman Yang Berhormat, pembersihan kawasan sekolah telah diserahkan kepada pihak swasta disebabkan kementerian mendapati kualiti perkhidmatan yang disediakan oleh pihak swasta adalah baik berbanding sekarang.

Yang Berhormat K. R. A. Naidu juga meminta kerajaan mengadakan Kursus Diploma Pendidikan di universiti bagi membolehkan siswazah menjadi guru. Pada masa ini kursus-kursus perguruan untuk guru siswazah dijalankan di maktab-maktab perguruan melalui Kursus Perguruan Lepas Ijazah (KPLI). Walau bagaimanapun, Fakulti Pendidikan di universiti-universiti tempatan masih mengendalikan kursus perguruan bagi mata pelajaran seperti Kursus Bahasa Inggeris sebagai mata pelajaran kedua.

Yang Berhormat K. R. A. Naidu juga bertanya berapakah bilangan kolej komuniti yang ada sekarang dan apakah rancangan pada masa hadapan. Saya ulang semula, tadi telah saya sebut. Pada masa ini terdapat 17 buah kolej komuniti yang telah beroperasi dan tiga dalam pembinaan.

Yang Berhormat K. R. A. Naidu juga meminta supaya penyebaran maklumat-maklumat kesihatan melalui kem-kem kesihatan. Untuk makluman Yang Berhormat, jabatan-jabatan kesihatan negeri memang menjalankan aktiviti kem kesihatan ini khususnya di kampung-kampung, estet-estet dan kawasan-kawasan perumahan. Di samping menjalankan aktiviti saringan perubatan yang asas, banyak aktiviti pendidikan kesihatan turut dijalankan. Di antaranya ialah pameran kesihatan, ceramah, kuiz-kuiz kesihatan, pertandingan melukis, pertandingan mengarang dan aktiviti-aktiviti lain yang memberi maklumat tentang kesihatan. Bahan-bahan bercetak seperti *brochures* dan buku-buku kecil turut diedarkan kepada orang awam yang menghadiri kem kesihatan tersebut. Kem-kem kesihatan ini biasanya melibatkan pihak pemimpin tempatan untuk menjalankan kem-kem ini. Pada tahun 2001 sejumlah 787 kem ini telah diadakan di seluruh negara yang merangkumi hampir 700 ribu penduduk.

Yang Berhormat K. R. A. Naidu juga bertanya sejauh manakah Kementerian Kesihatan memperkenalkan mesin *dialysis* di hospital daerah khususnya untuk orang-orang bandar. Setakat ini sebanyak 43 hospital daerah telah dilengkapi dengan perkhidmatan hemodialisis untuk kegunaan orang luar bandar, di samping kesemua hospital negeri iaitu 14 buah juga telah ada perkhidmatan ini. Kementerian Kesihatan memang mempunyai rancangan untuk melengkapkan hospital-hospital daerah dengan perkhidmatan ini, tetapi ini akan dilakukan secara berperingkat-peringkat tertakluk kepada keperluan.

Yang Berhormat Datuk Mansor menyentuh tentang keberkesanan perkhidmatan kawalan keselamatan di sekolah. Setakat ini, Kementerian Pendidikan tidak menerima sebarang aduan tentang mutu perkhidmatan pengawal keselamatan di sekolah-sekolah. Walau bagaimanapun, kementerian terus memantau mutu dan keberkesanan perkhidmatan mereka.

Yang Berhormat Datuk Mansor juga menyentuh tentang berapa banyak kolej komuniti, sudah saya sebutkan tadi, 17 buah dan 3 buah sedang dibina. Selepas itu, Yang Berhormat Datuk Mansor bertanya negeri yang mendahului taburan kolej komuniti. Untuk makluman Yang Berhormat Datuk:

Sabah	-	1
Sarawak	-	1
Johor	-	2
Melaka	-	1
Negeri Sembilan	-	1
Selangor	-	1
Perak	-	2
Kedah	-	2
Pulau Pinang	-	2
Perlis	-	1

Terengganu	-	1
Pahang	-	1

Tiga kolej yang sedang di dalam pembinaan ialah:

Melaka	-	1
Selangor	-	1
Negeri Sembilan	-	1

Yang Berhormat Datuk Mansor juga bertanya berapa bilangan kolej komuniti yang ada bangunan sendiri dan berapa yang disewa. Untuk makluman Yang Berhormat Datuk, daripada 17 buah kolej komuniti, 11 buah mempunyai bangunan sendiri dan enam buah lagi menumpang di sekolah-sekolah teknik. Tiada bangunan kolej komuniti yang menyewa.

Yang Berhormat Datuk Mansor juga bertanya program-program pembentukan atlet-atlet dan ahli-ahli sukan yang berjaya dengan penubuhan sekolah-sekolah sukan. Untuk makluman Yang Berhormat Datuk, Kementerian Pendidikan merancang dan melaksanakan program-program seperti Program Peluasan Tapak BAKAT, Program Sukan di IPT dan Lulusan Sekolah, Program Sukan Prestasi Tinggi, Program Pengurusan Sukan dan Program Prasarana Sukan untuk menggalakkan penglibatan pelajar dalam sukan dan seterusnya meningkatkan kualiti sukan. Kementerian Pendidikan melalui Bahagian Sukan sedang berusaha untuk menubuhkan Pusat Sukan Negeri dengan memilih sebuah sukan di setiap negeri sebagai Pusat Kecemerlangan Sukan. Semalam Yang Berhormat Datuk sentuh tentang perubahan genetik dan sebagainya, kita angkat isu ini untuk diambil kira oleh Kementerian Pendidikan dan Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan pun ada di sini supaya dapat isu ini diangkat ke peringkat yang lebih tinggi.

Yang Berhormat Datuk Mansor juga memberi penekanan kepada mata pelajaran Sains Rumah Tangga (SRT). Untuk makluman Yang Berhormat Datuk, Kementerian Pendidikan telah melaksanakan kemahiran dalam bidang Sains Rumah Tangga melalui mata pelajaran teras iaitu mata pelajaran Kemahiran Hidup di sekolah menengah rendah dan mata pelajaran *elective* iaitu mata pelajaran Ekonomi Rumah Tangga (ERT) di sekolah menengah atas. Diharap selepas ini tidak ada lagi soal anak dara yang tidak tahu rebus telur dan juga menggunakan perisai sewaktu menggoreng ikan seperti yang telah disentuh oleh Yang Berhormat Datuk semalam.

Yang Berhormat Datuk Mansor juga bertanya tentang sekolah-sekolah sukan sepatutnya di bawah Kementerian Pendidikan, mengapa diletakkan di bawah Kementerian Belia dan Sukan. Untuk makluman Yang Berhormat Datuk, kedua-dua buah sekolah sukan iaitu Sekolah Sukan Bukit Jalil di Kuala Lumpur dan Sekolah Sukan Bandar Penawar di Johor sebenarnya adalah di bawah Kementerian Pendidikan. Malahan di Kementerian Pendidikan diwujudkan satu bahagian khas iaitu Bahagian Sukan untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti sukan.

Yang Berhormat Datuk Mansor juga bertanya tentang Hospital Shah Alam dibina dengan segera kerana bandar Shah Alam tidak ada hospital. Untuk makluman Yang Berhormat Datuk, projek Hospital Shah Alam telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Kelapan. Kontraktor projek telah pun dipilih. Pada masa ini, kontraktor sedang menyediakan cadangan pembinaan reka bentuk dan anggaran kos pelaksanaan projek untuk pertimbangan dan kelulusan kerajaan. Pembinaan hospital 308 katil ini akan dimulakan pada Jun 2003 dan dijangka siap pada tahun 2005.

Yang Berhormat Datuk Mansor juga bertanya tentang Mesyuarat Lembaga Pelawat yang tidak berjadual. Untuk makluman Yang Berhormat Datuk, setiap hospital ada Lembaga Pelawat yang terdiri daripada Pengerusi yang telah dipilih serta Ahli-Ahli Lembaga. Pengarah Hospital cuma bertindak sebagai urusetia dan dengan demikian tidak menentukan bila tarikh mesyuarat. Pengerusi yang telah dipilih yang menentukan perjalanan mesyuarat tersebut. Skop tugas Lembaga Pelawat yang ditanya oleh Yang Berhormat Datuk, terdapat garis panduan mengenai lawatan ke hospital. Lawatan dibuat secara berkumpulan ke kawasan-kawasan hospital yang perlu diberi perhatian. Mesyuarat diadakan secara berjadual untuk mencari penyelesaian ke arah masalah-masalah yang timbul kecuali mengenai rawatan pesakit.

Yang Berhormat Datuk juga bertanya pengiktirafan untuk Lembaga Pelawat dan pewujudan mereka. Pengiktirafan adalah seperti berikut:

- (a) insentif seperti keutamaan untuk rawatan di Bahagian Pesakit Luar;
- (b) melawat saudara-mara di hospital tanpa mengikut masa, bila-bila masa sahaja boleh melawat ke hospital;
- (c) boleh menghadiri apa-apa kursus dalam perkhidmatan; dan
- (d) mendapat pengecualian caj rawatan pesakit luar dan caj rawatan Kelas Dua;

Inilah keistimewaan yang diberikan kepada pelawat.

Selepas itu, imbuhan setiap kali hadir mesyuarat Yang Berhormat Datuk minta, imbuhan setiap kali hadir ialah RM100 setiap kali hadir mesyuarat. Ada, Datuk. Yang Berhormat Datuk boleh *claim* ini. Saya ingat ada *something wrong* di tempat Datuk ini. Ada ini, RM100 setiap kali hadir mesyuarat.

Isu seterusnya ialah kelayakan untuk dipilih sebagai Ahli Lembaga Pelawat.

- (a) umur mesti 60 tahun iaitu 60 hingga 65 tahun;
- (b) berminat dalam kerja-kerja kebajikan;
- (c) tiada hubungan perniagaan dengan hospital; dan
- (d) bermastautin di daerah berkenaan.

Itulah kriteria untuk pemilihan Lembaga Pelawat. Oh! Ada lagi.

- (e) pelantikan dua hingga tiga tahun.

Sesiapa yang berminat boleh mengemukakan nama kepada Pengarah Hospital untuk dikemukakan kepada Kementerian Kesihatan Malaysia dan pihak Yang Berhormat Menteri Kesihatan yang akan membuat keputusan sama ada terpilih ataupun tidak.

Yang Berhormat Datuk Mansor juga bertanya tentang pertimbangan wajar kepada dua kelompok manusia iaitu wira negara iaitu orang yang berjuang menentang *Malayan Union* dan bekas-bekas polis yang tidak berpencen. Untuk makluman Yang Berhormat Datuk, Kementerian Kesihatan amat prihatin terhadap dua kelompok manusia ini memandangkan sumbangan besar yang mereka berikan kepada negara. Sehubungan ini, kementerian akan mengkaji cadangan Yang Berhormat dan memberi pertimbangan yang sewajarnya terhadap golongan ini. Tahniah Yang Berhormat! Terima kasih kerana membela golongan yang banyak berjasa kepada negara.

Yang Berhormat Datuk Hajah Dayang Mahani mencadangkan supaya Kerajaan Persekutuan mengenal pasti program jangka pendek bagi mengatasi masalah ekonomi negeri Sabah. Untuk makluman Yang Berhormat, langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Persekutuan ialah:

- (i) pasukan audit pengurusan dibentuk bagi menyiasat pengurusan bekalan air yang lemah;
- (ii) kerajaan negeri mengambil langkah mengurangkan bilangan kakitangan sedia ada dengan cara memindahkan mereka ke agensi atau anak syarikat milik Kerajaan Persekutuan yang masih mengalami kekosongan jawatan, *right sizing* bilangan kakitangan kerajaan;
- (iii) diadakan mesyuarat susulan untuk Kementerian Kewangan dengan Kerajaan Negeri Sabah untuk menentukan langkah-langkah bagi mengatasi masalah bayaran balik pinjaman Kerajaan Persekutuan;
- (iv) Kerajaan Negeri Sabah mengenal pasti projek-projek di bawah RMK-8 yang boleh ditangguhkan atau dibatalkan untuk diganti atau dengan izin, *trade off*

dengan projek kerajaan negeri yang sedang mengalami peruntukan dan meminta kerajaan negeri mengambil langkah-langkah mengurangkan tunggakan hasil.

Yang Berhormat Hajah Puizah bertanya tentang mutu graduan IPTS yang dikatakan sangat rendah dan tidak berkualiti. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia sentiasa berusaha untuk menjamin kualiti pendidikan yang ditawarkan termasuk pelajar di IPTS. Pemantauan IPTS dari segi kursus, tenaga pengajar, kemudahan asas, kemudahan pengajaran dan pembelajaran dilakukan secara berterusan. Sebelum sesuatu kursus pengajian dikendalikan di IPTS, kurikulum sesuatu kursus dinilai oleh Lembaga Akreditasi Negara (LAN) dan diluluskan oleh Kementerian Pendidikan. Penawaran kursus oleh IPTS adalah berasaskan kehendak pasaran semasa seperti Komputer dan IT, Kejuruteraan, Pengurusan Perniagaan dan Perkhidmatan.

Yang Berhormat Puan Melanie Chia Chui Ket membangkitkan supaya peruntukan secara tahunan bayaran gantian pemansuhan duti import dan eksais ke atas barangan petroleum kepada negeri Sabah. Untuk makluman Yang Berhormat peruntukan RM200 juta ini adalah merupakan pendahuluan untuk mengatasi masalah aliran tunai negeri Sabah. Pendahuluan ini perlu dibayar balik dan bukannya bayaran pampasan akibat pemansuhan duti import ke atas barangan petroleum.

Pemansuhan duti import dan eksais ke atas barangan petroleum hasil daripada pelaksanaan ASEAN Free Trade Area (AFTA) mulai tahun 2000 telah diganti dengan kutipan cukai jualan yang kadarnya sama dengan kadar duti import yang dimansuhkan. Bagaimanapun jumlah pungutan cukai jualan adalah berkurang berbanding dengan jumlah pungutan duti import akibat daripada kenaikan harga petroleum. Pada masa ini Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Sabah masih dalam perundingan untuk menyelesaikan isu pampasan yang dipohon oleh Kerajaan Negeri Sabah.

Yang Berhormat Datuk Christina Tibok Vanhouten menyentuh tentang beberapa insiden yang berlaku kecuaihan dalam memberi rawatan kepada para pesakit seperti kes di Hospital Kuala Lumpur. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Kesihatan mengakui adanya beberapa kes kecuaihan yang berlaku di hospital melibatkan doktor dan kakitangan hospital. Setiap kes kecuaihan akan diselidik puncanya dan jika didapati kecuaihan berpunca daripada kakitangan hospital, tindakan sewajarnya akan diambil terhadap kakitangan tersebut.

Yang Berhormat Datuk Christina Tibok Vanhouten mencadangkan supaya diwujudkan satu unit khusus untuk memantau rumah-rumah guru yang sudah lama. Untuk makluman Yang Berhormat tugas ini dilaksanakan oleh Unit Pembangunan di Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) bersama-sama Pejabat Pendidikan Daerah (PTD). Pemantauan ini dilakukan kepada semua projek yang sedang dilaksanakan termasuk rumah-rumah guru. Pemantauan berdasarkan laporan sekolah mengenai keperluan pembangunan yang mendesak dan memerlukan tindakan segera.

Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng menyentuh tentang pendahuluan RM260 juta itu. Saya sudah jawab tadi Yang Berhormat Dato'. Saya tidak bertujuan untuk mengulangi semula dan terima kasih di atas isu yang dibangkitkan. Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng juga menyentuh tentang apakah punca kelemahan tidak dapat menyiapkan dua kolej matrikulasi. Perkara ini pun tadi telah saya sentuh Yang Berhormat Dato'. Ini adalah bukan kerana kesilapan kontraktor tetapi kerana kelambatan mengambil alih tanah untuk tapak kolej tersebut.

Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng juga menyentuh kenapa banyak kali meminta peruntukan tambahan pada hal ia harus dirancang dan dimasukkan dalam anggaran asal. Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Ghazi bin Haji Ramli kerana membela kerajaan. Dia kata asalkan justifikasinya bagus dan munasabah mintalah berapa banyak yang boleh untuk menjana pembangunan ekonomi negara. Dan ini agak berbeza sedikit dengan pandangan Dato' Dr. Chin Fook Weng.

Untuk makluman Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng penyediaan anggaran perbelanjaan kerajaan dimulakan setahun sebelum tahun kewangan berkenaan. Pada masa itu beberapa banyak faktor yang boleh diambil kira - diambil kira, seperti ramalan ekonomi dunia, unjuran ekonomi negara serta dasar dan strategi untuk menangannya.

Namun demikian dalam tempoh itu banyak perubahan yang berlaku sama ada di luar negara mahupun di dalam negara yang mempunyai impak ke atas ekonomi negara seperti strategi belanjawan dan anggaran perbelanjaan serta kejadian 11 September di Amerika Syarikat mempunyai kesan ke atas ekonomi negara kita.

Perubahan lain yang boleh berlaku adalah seperti yang disebut oleh Yang Berhormat sendiri iaitu berkenaan dengan kenaikan gaji dari semasa ke semasa yang direview oleh kerajaan, peruntukan bagi bonus, kenaikan gaji 10% dan berbagai elaun untuk kakitangan kerajaan yang diumumkan pada hari belanjawan tidak sempat dimasukkan ke dalam anggaran asal. Oleh itu Yang Berhormat Dato', semua kementerian sedang cuba untuk menggunakan peruntukan yang sedia ada atau penjimatan dahulu dan memohon peruntukan tambahan apabila didapati baki peruntukan tidak mencukupi. Saya harap Yang Berhormat Dato' berpuas hati dengan jawapan ini.

Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng juga menyentuh tentang bantuan biasiswa harus diberikan kepada semua yang memerlukan tanpa mengira kaum. Untuk makluman Yang Berhormat Dato' kriteria yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan bagi pelajar mendapat biasiswa ialah;

- (i) pelajar dari keluarga berpendapatan kurang daripada RM1000 sebulan;
- (ii) pencapaian merit pelajar berdasarkan pencapaian akademik, kokurikulum dan latar belakang keluarga dan tidak ada faktor atau kriteria kaum yang terdapat di sini, selain daripada itu saya rasa mereka layak untuk menerima bantuan biasiswa daripada kerajaan.

Walau bagaimanapun di atas pandangan Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng supaya kita memperbaiki belanjawan kita supaya tidak terpaksa datang ke Dewan dari semasa ke semasa. Itu kita akan ambil kira dan kita akan baiki dan juga beberapa cadangan yang lain dari Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng tadi misalnya memastikan ahli-ahli sukan tidak disia-siakan bakat mereka apabila memasuki IPTA.

Pada masa ini terdapat IPTA yang menawarkan Kursus Sains Kesukanan bagi membolehkan ahli-ahli sukan yang berbakat meneruskan pengajian di peringkat tinggi. Bakat mereka terus digilap dengan mewakili universiti dan seterusnya mewakili negara dalam pertandingan-pertandingan di peringkat antarabangsa.

Yang Berhormat Puan Hajah Melati binti Ali menyentuh tentang adakah Kementerian Pendidikan Malaysia telah membuat persediaan dari segi latihan guru dan kelengkapan untuk melaksanakan pengajaran bahasa Inggeris. Untuk makluman Yang Berhormat, kursus-kursus yang dijalankan untuk menyediakan guru-guru yang mengajar Matematik dan Sains dalam bahasa Inggeris:

- (i) kursus lima hari untuk guru-guru;
- (ii) kursus hujung minggu;
- (iii) guru yang baik penguasaan bahasa Inggeris membantu guru-guru yang kurang mahir berbahasa Inggeris; dan
- (iv) penggunaan video bagi membolehkan guru memperbaiki penguasaan bahasa Inggeris.

Ini adalah di antara langkah yang diambil. Yang Berhormat Puan Hajah Melati binti Ali juga menyentuh tentang kenapa kerajaan tidak mewujudkan jawatan khas penyelia asrama kepada bukan di kalangan guru. Untuk makluman Yang Berhormat jawatan penyelia asrama bukan di kalangan guru memang telah diwujudkan di sekolah-sekolah menengah harian. Di samping itu memang terdapat jawatan warden yang dilantik dari golongan guru.

Yang Berhormat Puan Hajah Melati binti Ali juga menyentuh supaya kajian tentang latihan dan kursus kepada guru-guru waktu persekolahan. Untuk makluman Yang Berhormat kursus-kursus dalam perkhidmatan untuk guru-guru sekolah sebolehnya diadakan pada waktu cuti persekolahan. Walau bagaimanapun terdapat juga kursus-kursus yang terpaksa diadakan pada waktu persekolahan dan kursus pada

waktu cuti. Guru-guru juga menjalankan tugas seperti memeriksa kertas peperiksaan dan mengawasi peperiksaan.

Yang Berhormat Puan Hajah Melati binti Ali juga menyentuh adakah usaha sama antara Kementerian Pendidikan, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat juga Kementerian Pembangunan Luar Bandar dalam latihan guru tadika. Untuk makluman Yang Berhormat Kementerian Pendidikan melalui Bahagian Pendidikan Guru telah menjalankan kursus pendidikan prasekolah kepada guru-guru, agensi-agensi lain seperti Kemas, Kementerian Perpaduan Negara dan Perpaduan Masyarakat serta agensi-agensi swasta. Kerajaan tidak bercadang mengambil alih semua kelas prasekolah, tetapi semua kelas prasekolah diwajibkan mengikuti kurikulum prasekolah kebangsaan mulai tahun hadapan.

Yang Berhormat Puan Hajah Melati binti Ali juga menyentuh tentang Bahagian Pendidikan Kesihatan perlu melipatgandakan usaha kempen kesihatan melalui sekolah dan media massa. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Kesihatan sedar akan kepentingan menyasarkan masyarakat sekolah dalam kempen promosi kesihatan.

Sejajar dengan itu kumpulan sasar kempen cara hidup sihat bagi tahun 2003 adalah masyarakat sekolah di mana sekolah merupakan lokasi bagi kempen tersebut. Berbagai aktiviti promosi kesihatan seperti makan secara sihat, senaman, amalan tidak merokok dan menangani *stress* disasarkan kepada masyarakat sekolah. Selain daripada itu aktiviti pendidikan kesihatan juga sedang dijalankan oleh anggota kesihatan di sekolah-sekolah seperti ceramah, tunjuk ajar, tayangan video, pameran dan pagedaran bahan-bahan pendidikan.

Satu lagi program khas untuk sekolah rendah yang sedang dijalankan di beberapa buah negeri ialah program doktor muda. Program ini melatih murid-murid Darjah 4, 5 dan 6 supaya mereka boleh berfungsi sebagai pendidik rakan sebaya. Salah satu strategi kempen cara hidup sihat adalah menggunakan saluran media massa dalam menyampaikan maklumat kesihatan kepada masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu Yang Berhormat Datuk Ghazi bin Haji Ramli juga tadi ada menyentuh beberapa perkara tentang *dream society* dan sebagainya. Beliau memberikan sanjungan yang amat tinggi kepada Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamed, Perdana Menteri kita di atas *vision* beliau yang begitu tinggi dan jauh dan bagi pihak kerajaan saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih di atas penghargaan yang diberikan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita. Mudah-mudahan kita dapat mengikuti langkah beliau sebagai seorang pemimpin yang amat berpandangan jauh.

Saya rasa untuk itu John F. Kennedy juga ada menyebut bahawa "*We need men who can dream things that never will*". Kita memerlukan orang yang boleh menjadikan mimpi sebagai kenyataan. Ini perkara-perkara yang mungkin tidak pernah berlaku sebelum ini. Itulah saya rasa satu kenyataan yang tepat untuk kita berikan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita selaras dengan penghargaan dan sanjungan yang diberikan oleh Datuk Ghazi bin Haji Ramli. Terima kasih Datuk.

Dan akhir sekali Yang Berhormat Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan. Saya pun tidak tahu apa hendak sentuh tetapi beliau telah memberikan satu pandangan yang baik untuk kita renungkan bersama supaya para guru, pelajar dapat memberikan perhatian dan fokus kepada tugas masing-masing dan memahami hasrat kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang berjaya, cemerlang dan dapat diangkat martabatnya ke peringkat antarabangsa. Mudah-mudahan seruan ini dapat kita hayati bersama sama ada pegawai kerajaan, guru-guru, masyarakat keseluruhannya dapat menghayati seruan tersebut supaya dapat kita bersama-sama meraih kejayaan dalam hidup ini sebagai rakyat Malaysia dalam negara yang berslogankan Malaysia Boleh.

Jadi, Ahli Yang Berhormat sekalian dengan kata-kata itu saya akhiri penggulungan ini dengan sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada seluruh Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian sama ada dapat saya sentuh secara langsung ataupun tidak, maka pegawai-pegawai kita daripada semua kementerian yang ada di Dewan ini mengambil kira pandangan tersebut dan insya-Allah akan kita jadikan kenyataan dan kita realisasikan apa-apa cadangan dan juga pandangan yang baik untuk dikongsi ataupun dilaksanakan oleh pihak kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menutup penggulungan ini dengan ucapan terima kasih.

**Tuan M. Ratnam:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan M. Ratnam hendak menyambung ucapan?

**Tuan M. Ratnam:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kecewa kerana saya juga telah menyentuh beberapa perkara tetapi di akhir penggulungan tadi tidak diberikan jawapan ataupun mengelak dari jawapan. Bagi pihak saya, perkara-perkara penting ialah dana khas yang telah diwujudkan oleh kerajaan untuk membantu murid-murid miskin dari sekolah Tamil, saya cadangkan supaya wang ini digunakan untuk mendirikan sebuah asrama dan juga untuk membaiki sekolah-sekolah yang ada dalam keadaan buruk. Saya kurang faham mengapa perkara ini tidak dijawab. Satu lagi, saya sudah minta angka pelajar-pelajar India yang telah diberikan tempat di 17 universiti dalam mata pelajaran Perubatan, Pergigian, Kejuruteraan dan Farmasi, ini juga tidak diberi jawapan. Sekian.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dijemput Yang Berhormat.

**Tuan Hashim bin Ismail:** Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Ratnam di atas isu yang dibangkitkan dan mungkin saya rasa pegawai-pegawai kita sedang mencari fakta itu Yang Berhormat dan insya-Allah kerana ianya berbentuk soalan-soalan yang agak spesifik jadi kerana itu saya di hadapan Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan akan berusaha mendapatkan fakta itu dan menyampaikannya kepada Yang Berhormat.

Saya mohon maaf kerana begitu spesifik dan mungkin pegawai kita belum mendapat maklumat itu. Jadi saya mohon maaf kerana tidak dapat mengulas bagi pihak Kementerian Pendidikan. Insya-Allah, kita akan beri ya Yang Berhormat Dato' *[Sambil memberi isyarat kepada Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin]* Terima kasih, Yang Berhormat.

**Tuan M. Ratnam:** Terima kasihlah, terima kasih. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih kita ucapkan kepada Yang Berhormat Tuan Hashim bin Ismail, Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan yang telah menjawab yang saya kira mengikut catatan kami seramai 25 orang yang mengemukakan persoalan-persoalan. Terima kasih Yang Berhormat.

Ahli-ahli yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

### **Bacaan Kali Yang Ketiga**

**Tuan Hashim bin Ismail:** Tuan yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa rang undang-undang bernama suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2002 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun-tahun itu telah dipersetujui tanpa pindaan. Mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 53 (2) Peraturan Mesyuarat Majlis Dewan Negara, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2002) 2002 dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## RANG UNDANG-UNDANG

### LEMBAGA PERKHIDMATAN KEWANGAN ISLAM 2002

#### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.40 ptg.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Hashim bin Ismail]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan suatu rang undang-undang bernama Akta Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam 2002 bagi memastikan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam yang mana Malaysia telah dipilih sebagai negara tuan rumah berfungsi dan diiktiraf secara sah di sisi undang-undang Malaysia. Rang undang-undang ini juga akan memberikan keperibadian juridikal serta membolehkan Menteri Kewangan dengan persetujuan Menteri Luar Negeri memberi kekebalan dan keistimewaan yang perlu agar badan ini dapat menjalankan tugasnya dengan sempurna.

Tuan Yang di-Pertua, industri perbankan dan kewangan Islam di Malaysia telah mencapai kemajuan yang memberangsangkan semenjak penubuhan Bank Islam yang pertama pada tahun 1983. Pada akhir tahun 2001, sistem perbankan Islam merangkumi dua buah bank Islam dan sebanyak 33 buah institusi perbankan konvensional yang menawarkan Skim Perbankan Islam (SPI) yang terdiri daripada 14 buah bank perdagangan, 9 buah syarikat kewangan, 5 buah bank saudagar dan 7 buah syarikat diskaun.

Kepentingan industri perbankan Islam telah menunjukkan peningkatan progresif dengan mencatatkan pertumbuhan tahunan purata sebanyak 65% dari segi aset dari tahun 1994 hingga tahun 2001. Pada akhir tahun suku pertama tahun 2002, peratusan penguasaan bagi aset mewakili 8.4%, manakala deposit berjumlah 9.8% dan pembiayaan sebanyak 6.9%. Di samping itu, pertumbuhan pesat juga dapat dilihat dalam pasaran sekuriti hutang dan ekuiti Islam serta industri takaful.

Negara kita kini mempunyai sistem kewangan Islam yang komprehensif, merangkumi aspek perbankan, pasaran modal dan juga sektor takaful. Di arena antarabangsa, terdapat beberapa buah negara yang turut membangunkan sistem perbankan dan kewangan Islam masing-masing seperti Bahrain, Sudan, Pakistan dan Iran. Sehingga kini, dianggarkan terdapat 177 buah institusi kewangan Islam di seluruh dunia dengan jumlah aset melebihi USD100 bilion.

Di peringkat global, usaha-usaha serius telah dan sedang dijalankan bagi meningkatkan peluang-peluang pelaburan agar dana-dana Islam dapat digerakkan dengan lebih berkesan serta memperkukuh institusi kewangan Islam. Antaranya ialah penubuhan Lembaga Pasaran Kewangan Islam Antarabangsa dan cadangan penubuhan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam.

Kedua-dua inisiatif ini merupakan satu langkah bersepadu di peringkat antarabangsa untuk menggalakkan layanan sama rata dan menetapkan hala tuju strategik dalam membangunkan industri kewangan Islam, meningkatkan asas-asas pengawalan dan penyeliaan yang lebih berkesan ke atas institusi kewangan Islam serta membaiki prospek pengurusan risiko yang lebih efisien.

Dalam hubungan ini, gabenor-gabenor bank pusat beberapa negara Islam yang utama seperti Bahrain, Sudan, Iran, Arab Saudi, Pakistan, Lebanon, Emiriyah Arab Bersatu, Kuwait, Indonesia, Malaysia serta wakil dari Bank Pembangunan Islam atau IDB dan *Accounting and Auditing Organization for Islamic Financial Institutions* (AAOIFI) telah bersetuju pada 21 April 2002 untuk menubuhkan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam dan Malaysia telah terpilih sebagai negara tuan rumah kepada badan piawaian tersebut.

Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam adalah satu badan khusus yang ditubuhkan melalui perjanjian yang ditandatangani oleh anggota-anggota pengasas yang terdiri daripada bank-bank pusat, agensi-agensis pengawal selia kewangan utama atau organisasi antarabangsa yang berkaitan dengan penetapan piawaian *monetary* dan kestabilan kewangan. Badan ini bertanggungjawab untuk mengeluarkan piawaian berhemah bagi tujuan pengawalseliaan operasi perbankan Islam yang akan diterima

pakai oleh industri kewangan dalam mengawal selia operasi perbankan dan kewangan Islam sejagat.

Pemilihan Malaysia sebagai negara tuan rumah Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam merupakan satu pengiktirafan terhadap Malaysia dalam membangunkan sistem perbankan dan kewangan Islam yang berdaya saing di peringkat domestik dan antarabangsa. Oleh itu adalah wajar bagi kerajaan untuk menyokong usaha ini dengan menyediakan prasarana yang perlu bagi memastikan badan ini berfungsi dengan berkesan. Rang undang-undang ini penting bagi memastikan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam mempunyai rangka kerja perundangan yang menyeluruh dan merangkumi semua aspek dalam penubuhan badan ini termasuklah memberi pengiktirafan undang-undang kepada badan tersebut, keanggotaan dan struktur organisasinya.

Tuan Yang di-Pertua, antara aspek-aspek penting dalam rang undang-undang ini ialah:

- (a) Pengiktirafan di sisi undang-undang.  
Rang undang-undang ini memberikan pengiktirafan di sisi undang-undang kepada badan ini berserta objektif keanggotaan dan struktur organisasinya. Dengan pengiktirafan ini badan ini akan dapat menjalankan tugas-tugas dan fungsi-fungsinya di Malaysia dengan sah di sisi undang-undang.
- (b) Keperibadian Juridikal.  
Di samping mengiktiraf badan ini di sisi undang-undang, rang undang-undang ini juga memberikan keperibadian juridikal dan mengiktiraf badan ini sebagai sebuah entiti yang berasingan daripada anggota-anggotanya. Ia juga memberikan keupayaan undang-undang kepada badan ini untuk berkontrak, memperoleh dan melupuskan aset serta memulakan prosiding mahkamah.
- (c) Keistimewaan dan Kekebalan.  
Bagi membolehkan badan ini menjalankan fungsi-fungsi dan tugas-tugasnya dengan sempurna, rang undang-undang ini membolehkan Menteri Kewangan, dengan persetujuan Menteri Luar Negeri, untuk memberikan keistimewaan-keistimewaan dan kekebalan-kekebalan yang perlu daripada senarai keistimewaan dan kekebalan yang terkandung dalam Jadual kepada rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan-peruntukan utama yang secara terperinci dicadangkan melalui Rang Undang-undang Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam 2002 ini adalah seperti berikut:

- (i) Fasal 1 memperkatakan tajuk ringkas dan tarikh mula berkuat kuasa akta.
- (ii) Fasal 2 memberikan takrifan kepada beberapa terma dan perkataan yang digunakan di dalam rang undang-undang ini.
- (iii) Fasal 3 memberikan keperibadian juridikal dan keupayaan undang-undang kepada Lembaga untuk membolehkannya menjalankan kuasa-kuasa dan melaksanakan fungsi-fungsi menurut perjanjian.
- (iv) Fasal 4 memperuntukkan bahawa Sekretariat Lembaga akan bertempat di Kuala Lumpur.
- (v) Fasal 5 mengiktiraf organ-organ konstituen Lembaga yang terdiri dari Perhimpunan Agung, Majlis, Jawatankuasa-jawatankuasa Teknikal serta Sekretariat.

- (vi) Fasal 6 mengandungi peruntukan-peruntukan yang membenarkan Bank Negara Malaysia untuk menandatangani perjanjian serta menjadi anggota Lembaga dengan kuasa-kuasa, fungsi-fungsi dan tugas-tugas yang terkandung di dalam perjanjian.
- (vii) Fasal 7 memberikan kuasa kepada Menteri Kewangan dengan persetujuan Menteri Luar Negeri memberi keistimewaan-keistimewaan dan kekebalan-kekebalan kepada Lembaga, organ-organ konstituen serta orang yang berkaitan terutamanya mereka yang disenaraikan di dalam Jadual.
- (viii) Fasal 8 menerangkan keadaan-keadaan di mana kekebalan-kekebalan tidak akan diberikan.
- (ix) Fasal 9 memberikan kuasa kepada Majlis untuk melepaskan kekebalan-kekebalan yang diberikan di bawah Fasal 7 di mana kekebalan tersebut akan menghalang pelaksanaan keadilan atau dalam keadaan di mana kekebalan boleh dilepaskan tanpa menjejaskan kepentingan Lembaga.
- (x) Fasal 10 memberikan kuasa kepada Majlis untuk melantik wakil.

Jadual kepada rang undang-undang ini memperuntukkan keistimewaan dan kekebalan Lembaga, organ-organ konstituennya dan orang-orang yang berkaitan seperti berikut:

- Bahagian I - Keistimewaan dan kekebalan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam;
- Bahagian II - Keistimewaan dan kekebalan anggota-anggota Perhimpunan Agung, Majlis, atau mana-mana orang yang mewakili Anggota Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam;
- Bahagian III - Keistimewaan dan kekebalan Setiausaha Agung dan anggota-anggota Sekretariat; dan
- Bahagian IV - Keistimewaan dan kekebalan orang-orang yang berkhidmat dalam Jawatankuasa Teknikal.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan akta di atas dibuat setelah mengambil kira peri pentingnya Malaysia untuk melaksanakan suatu undang-undang bagi memastikan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam akan dapat menjalankan fungsi-fungsi dan tugas-tugasnya dengan berkesan di Malaysia. Dengan rang undang-undang yang saya syorkan ini, saya yakin badan ini akan dapat menyumbang kepada dua perkara penting iaitu meningkatkan keyakinan orang ramai terhadap sistem kewangan dan perbankan Islam, dan mengukuhkan kestabilan institusi kewangan Islam dengan adanya piawaian berhemat dalam mengawal selia aktiviti perbankan Islam terutamanya berhubung dengan pengurusan risiko yang baik.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin]:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang undang-undang bernama Suatu Akta bagi membolehkan Bank Negara Malaysia menjadi anggota Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam dengan menandatangani dan menyetujui terima perjanjian penubuhan Lembaga, dan untuk memberikan kuasa-kuasa keistimewaan-keistimewaan dan kekebalan-kekebalan tertentu kepada Lembaga serta organ-organ serta konstituen-konstituennya dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya, dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan. Dijemput Yang Berhormat Datuk Nur Azah binti Awin.

**Datuk Nor Azah binti Awin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk menyokong Rang undang-undang bernama Suatu Akta bagi membolehkan Bank Negara Malaysia menjadi anggota Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam dengan menandatangani dan menyetujui terima perjanjian penubuhan Lembaga di samping juga untuk memberikan kuasa-kuasa keistimewaan-keistimewaan dan kekebalan-kekebalan tertentu kepada Lembaga tersebut serta organ-organ *constituentsnya* dan perkara-perkara yang berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan syabas kepada pihak kerajaan kerana memainkan peranan yang aktif selama dua tahun dalam mewujudkan, dan seterusnya menggubal akta yang bernama, Akta Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam 2002, yang bertujuan untuk menentukan *standard*, dengan izin, atau piawaian bertaraf antarabangsa, ke atas instrumen-instrumen kewangan berbentuk Islam.

Keputusan ini adalah dibuat oleh sekumpulan gabenor-gabenor dan pegawai atasan beberapa Bank Pusat atau Central Bank, dengan izin, juga dengan penyertaan Bank Pembangunan Islam atau IDB, dan juga, seperti yang diperkatakan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi, *the Accounting and Auditing Organizations for Islamic Financial Institutions*, juga dengan kerjasama IMF yang berperanan sebagai fasilitator ke atas objektif atau matlamat dan struktur IFSB ini. Atas persetujuan semua, suatu Jawatankuasa Pemandu atau *Steering Committee*, yang dipengerusikan oleh Tan Sri Dato' Dr. Zeti, iaitu Gabenor Bank Negara Malaysia, telah ditugaskan untuk terus mengambil tindakan-tindakan yang perlu dalam penubuhan dan pelancaran IFSB ini di Malaysia, iaitu di Kuala Lumpur.

Fasal satu mengandungi peruntukan tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini, bilamana sekurang-kurangnya lima anggota penuh Lembaga menurunkan tandatangan mereka pada perjanjian itu. Saya rasa fasal ini adalah sesuatu yang senang dicapai, kerana 10 negara telah mengasaskan dan menghadiri mesyuarat yang diadakan baru-baru ini pada 21 April di Washington D.C., dan negara-negara tersebut termasuk Bahrain, Indonesia, Iran, Kuwait, Lebanon, Malaysia, Pakistan, Saudi Arabia, Sudan, United Arab Emirates, dan juga wakil daripada IDB atau Bank Pembangunan Islam, yang berpusat di Saudi Arabia.

Tuan Yang di-Pertua, IFSB ini seperti yang dikatakan tadi, akan memastikan kestabilan, kesempurnaan sistem kewangan Islam yang telah berkembang secara pesatnya di seluruh dunia. Jumlah dana yang diuruskan oleh institusi-institusi kewangan Islam berjumlah USD180 bilion di seluruh dunia. IFSB juga merupakan suatu persatuan, yang mana keahlian adalah terdiri daripada institusi-institusi yang bertanggungjawab ke atas peraturan dan pengawasan kepada semua produk dan perkhidmatan kewangan berbentuk Islam. Ia juga akan menyesuaikan piawaian antarabangsa yang digunakan sekarang atau masa kini, kepada prinsip-prinsip syariah.

Tuan Yang di-Pertua, untuk memahami setakat manakah pengaruh sistem kewangan Islam ini telah dengan pesatnya membangun dan meningkat, izinkan saya mengemaskinikan atau mengupdatekan perkembangan semasa dalam industri perbankan Islam di negara-negara Islam dan juga negara-negara bukan Islam.

Pertama, suatu institusi yang bernama, dengan izin, *Institute of Islamic Banking and Insurance* telah ditubuhkan 12 tahun yang lalu, dengan ibu pejabat di London untuk menjalankan aktiviti *R&D*. Dalam jangka masa 12 tahun sejak penubuhannya, kerana permintaan dari negara lain, institusi tersebut telah membuka pejabat-pejabat di Pakistan, di Bangladesh dan di Nigeria.

Dalam mempelbagaikan aktiviti, institusi ini juga telah memberikan fokus kepada aspek operasi perbankan Islam, di mana yang diperkatakan tadi ialah berteraskan piawaian berhemah dan meningkatkan keyakinan negara-negara lain kepada sistem perbankan Islam.

Tuan Yang di-Pertua, kedua, di negara Bahrain. Di Bahrain pula, Bank Islamnya dipanggil Shamil Bank, telah menukar imej korporatnya baru-baru ini. Logo barunya berbentuk "S" berwarna hijau, telah diilhamkan oleh suatu ayat dalam al-Quran, yang mencerminkan kehidupan madu lebah, yang juga terkenal sebagai ulat, atau *insect* yang *industrious*.

Ilham ini dipetik dari Surah An-Nahl ayat 68 dan 69. Seiring dan sejalan dengan pelancaran logo korporat yang baru, bank tersebut juga melancarkan sistem elektronik dan yang termasuk *Shamil Net-Link*, *Shamil SMS-Link* dan *Shamil Phone-*

*Banking*. Kesimpulannya, strategi bank itu telah merangkumkan bersama nilai-nilai tradisi yang selama ini menjadi kekuatan institusi kewangan Islam bersama dengan nilai-nilai moden atau kontemporari berasaskan *commercial viability*.

Negara ketiga ialah Bangladesh. Di Bangladesh, Bank Pembangunan Islam telah mengumumkan, iaitu IDB yang berpusat di Jeddah, telah mengumumkan bahawa ia amat berminat untuk membiayai bank-bank di Bangladesh untuk pembangunan prasarana. IDB telah menyediakan dana sejumlah USD1.5 bilion untuk membangunkan prasarana di semua negara Islam.

Di samping itu, IDB seperti biasa, telah meluluskan beberapa talian pembiayaan – *lines of credit* - kepada bank-bank Islam, untuk dipinjamkan seterusnya kepada usahawan-usahawan kecil dan sederhana di sektor swasta juga sektor awam.

Keutamaan diberikan di Bangladesh, umpamanya kepada projek-projek industri dan industri pertanian atau *agro-industry*, terutamanya kepada projek yang merupakan *import substitute* atau untuk dieksport. Ini sesuai untuk Bangladesh, di mana 95% dari eksport negara itu, adalah dikendalikan oleh sektor swasta.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya pergi ke Iran. *National Bank of Dubai* dan *Dubai Islamic Bank*, adalah dalam proses menubuhkan pejabat-pejabat perwakilan atau *representative office* di Republik Iran. Langkah ini diambil setelah mereka menjalankan kajian kemungkinan atau *feasibility study*, di mana mereka mendapati peluang-peluang pelaburan yang luas di Republik Iran.

Kelima, di Kuwait. Dr. Khalid Bhudai, tokoh akademi dari Kuwait, telah menekankan bahawa, dengan izin, *codifying and organizing* kesemua bank-bank Islam, adalah teras kepada kestabilan sesuatu masyarakat. Beliau juga telah membuat satu kertas kerja, di mana telah dikemukakan di satu persidangan, di mana cabaran. Secara kesimpulan, beliau mengutarakan peri mustahaknya operasi institusi kewangan Islam diperketat, diperkemas dan juga mengikut hukum-hukum syariah. Ini juga adalah langkah yang wajar, agar institusi kewangan Islam dapat berdaya saing dan diterima pakai, juga berhemah tinggi dari segi piawaian, bukan sahaja di negara-negara Islam tetapi juga di seluruh dunia.

Sekarang Tuan Yang di-Pertua, keenam, membawa kita ke Malaysia, negara kita. Malaysia merupakan suatu contoh negara yang telah melaksanakan sistem perbankan Islam secara berkesan dan paling berjaya. Malahan Malaysia telah diikuti oleh negara-negara Islam yang lain dalam usaha dan perancangan mereka ke arah memesatkan dan memperkukuh industri tersebut. Di dalam sistem perbankan Islam di Malaysia, deposit telah mencecah RM40.2 bilion, sementara jumlah pinjaman mencatatkan RM22.7 bilion pada 31 Mac tahun ini. Nilai harta terkumpul kesemua institusi-institusi kewangan Islam di Malaysia pula, telah mencapai RM50.4 bilion pada masa yang sama.

Dari segi Bursa Saham Kuala Lumpur pada 27 April tahun ini, ada 600 kaunter halal yang disenaraikan. Ini merupakan 78% daripada jumlah syarikat-syarikat yang tersenarai di BSKL. Di samping itu terdapat 9 bank perdagangan, 8 firma kewangan, 5 bank pelaburan atau *merchant bank*, 4 bank asing dan 7 *discount houses* yang menyediakan produk perbankan berbentuk Islam, yang seiring sejalan dengan produk perbankan tradisional. Sistem *composite* ini adalah amat menarik dan diteliti oleh negara-negara Islam yang lain.

Kesemua institusi kewangan tersebut menawarkan 30 produk perbankan berbentuk Islam di kesemua 2,200 cawangan-cawangan mereka di seluruh negara. Dari segi *Islamic money market* pula, Malaysia mencatatkan pertumbuhan yang pesat, dari RM2.1 bilion dalam tahun 1994 semasa ia ditubuhkan, kepada RM301.9 bilion pada bulan Disember 2001.

Tuan Yang di-Pertua, dari Malaysia saya bawa ke Pakistan. *The National Bank of Pakistan* telah menubuhkan satu jabatan baru - *The National Bank of Pakistan* ini Tuan Yang di-Pertua adalah bank negara dia atau Bank Pusat dia, yang dipertanggungjawabkan ke atas sistem perbankan Islam dalam negara tersebut. Jabatan ini sedang menjalankan penyelidikan ke atas pelaksanaan sistem perbankan Islam secara teratur mengikut juga kehendak-kehendak masa kini atau semasa. Juga suatu persidangan antarabangsa bertemakan "*An International Conference on Islamic Banking and Finance*" telah menekankan tentang perlunya konsep musyarakah dan mudarabah diperkenalkan, dan seterusnya dilaksanakan secara agresif.

Ada juga panggilan untuk menubuhkan pasaran kewangan Islam, atau *Islamic money market*, agar dana pengurusan Islam memadai dan adalah cair dan meningkat. Langkah-langkah juga sedang berjalan untuk memperkenalkan konsep takaful atau insurans berbentuk Islam, yang telah mendapat penerimaan di dalam masyarakat kewangan antarabangsa. Jadi, kalau kita bandingkan, Pakistan hanya bermula yang mana Malaysia telah mencapai tahap yang matang.

Kelapan, kita pergi ke Thailand, satu negara yang mana hanya 10% daripada penduduknya adalah penduduk beragama Islam. Di Thailand, kumpulan perbankan yang kedua terbesar, bernama Krung Thai Bank, telah mengumumkan baru-baru ini bahawa ia akan memperkenalkan perbankan Islam, sebagai usaha menarik modal di kalangan masyarakat Islam di negara tersebut.

Masyarakat Islam merupakan 10% daripada penduduk Thailand, iaitu 6 juta orang, yang kebanyakannya tinggal di selatan Thailand. Mereka telah menyimpan wang mereka di bank-bank di Malaysia kerana ketiadaan tempat perkhidmatan perbankan Islam selama ini. Hanya Thai Government Savings Bank sahaja yang menawarkan perkhidmatan kewangan berbentuk syariah tanpa riba. Krung Thai Bank merancang untuk menawarkan perkhidmatan perbankan Islam di empat cawangannya iaitu di Narathiwat, Yala, Patani dan Bangkok.

Dalam proses penubuhan operasi ini, bank tersebut telah mendapatkan perkhidmatan nasihat dari luar termasuk Malaysia. Sementara itu, Kementerian Kewangan Thailand telah mencadangkan penubuhan Bank Islam yang pertama di negara itu, di mana pihak kementerian akan memegang ekuiti sehingga 25% daripada 1 bilion Baht atau USD22 juta modal berbayar.

Sekarang saya pergi kepada *item* 9 iaitu Saudi Arabia. Di Saudi Arabia, Bank Pembangunan Islam atau IDB yang berpusat di Jeddah akan membiayai USD5 juta kepada Pusat Pengurusan Kecairan atau dengan izin, *Liquidity Management Centre* di Bahrain. Pusat ini akan mewujudkan pasaran *interbank* khusus untuk bank-bank Islam sahaja. Di samping itu, IDB juga telah meluluskan dana-dana baru berjumlah lebih dari USD388 juta kepada beberapa negara ahli dan juga masyarakat Islam di negara-negara yang bukan ahli.

Kesepuluh, United Kingdom. Persidangan selama dua hari bertemakan 'Perbankan Islam' telah diadakan oleh Bank Pusat di United Kingdom iaitu Bank of England pada 7 dan 8 Mei baru-baru ini. Persidangan tersebut bertujuan untuk meningkatkan kefahaman perbankan Islam dan juga isu-isu berkaitan dengan izin, *policy makers*, ini termasuk pegawai-pegawai dari bank pusat, bank-bank perdagangan dan juga dari pihak Kementerian Kewangan. Walaupun Bank of England telah dua puluh tahun mengadakan beberapa dialog dengan bank-bank Islam termasuk IDB, persidangan ini merupakan pertama kalinya Bank of England mengadakan persidangan secara rasmi khusus untuk perbankan Islam. Langkah ini menunjukkan bahawa negara-negara bukan Islam juga telah sedar betapa mustahaknya perbankan Islam difahami.

Kesebelas, Amerika Syarikat. The Basel of Banking Supervision dengan izin, telah menyarankan tindakan bersama atau *collective action* untuk mengenal pasti dan menghentikan dana militan atau *terrorists fund* sebagai satu langkah ulung dalam usaha melawan *terrorism*. Tindakan ini dicadangkan bukan sahaja dilaksanakan di Amerika Syarikat, malahan di seluruh negara di mana bank-bank di semua negara di dunia mesti memastikan bank-bank mereka tidak digunakan untuk membiayai aktiviti-aktiviti militan. Untuk keberkesanan tindakan ini juga merangkumi perkongsian rekod kewangan antara sektor swasta dan sektor awam.

Kedua belas, United Arab Emirates. Bank Islam yang pertama di dunia bukan sebenarnya di Malaysia malahan ialah di United Arab Emirates yang bernama Dubai Islamic Bank telah melancarkan perkhidmatan *phone banking* bernama Al-Islamic Al-Mubaseh. Juga bank tersebut melancarkan perkhidmatan perbankan internet supaya perkhidmatan perbankan dapat dijalankan selama 24 jam untuk kemudahan pengguna rumah, produk dan perkhidmatan kewangan yang terkini sementara memberikan kepuasan kepada klien-klien atau *customer* tetapi akan secara terperinci mengikut prinsip syariah.

Tuan Yang di-Pertua, dengan latar belakang, dengan pergolakan yang pesat dalam industri perbankan Islam, yang kita rasa menjadi lebih dramatik dengan insiden

11 September, maka itu saya rasa langkah untuk Malaysia menjadi tuan rumah kepada Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam ini adalah pada masa yang paling wajar. Saya amat bangga dan kita semua saya rasa amat bangga yang Malaysia diiktiraf sebagai Pusat Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam ini.

Saya ingin juga mengucapkan syabas kepada pihak kerajaan amnya, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri khasnya dan juga Yang Berusaha, Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Dr. Zeti, Gabenor Bank Negara Malaysia atas jayanya Malaysia mendapat pengiktirafan antarabangsa ini. Akan tetapi, untuk pelaksanaannya saya ada persoalan sedikit untuk wakil kementerian. Saya ingin mendapat pandangan Yang Berhormat sama ada keahlian Lembaga ini akan secara *ultimate* dianggotai oleh kesemua ahli-ahli negara dalam OIC atau kesemua ahli-ahli yang menganggotai IDB.

Perkara kedua ialah sejauh manakah peranan IDB sebagai Bank Dunia untuk negara-negara Islam berkesan dalam peranan yang proaktif di dalam pertumbuhan industri perbankan Islam terutama sekali selepas insiden 11 September di mana negara dan juga individu Islam disyaki di beberapa negara berkenaan. Dengan kata-kata demikian Tuan Yang di-Pertua, saya dengan ini menyokong rang undang-undang yang bernama suatu Akta bagi membolehkan Bank Negara Malaysia menjadi anggota Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dijemput Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng.

#### 5.13 ptg.

**Dato' Dr. Chin Fook Weng:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam 2002 ini. Saya hanya mahu tumpukan perhatian saya kepada beberapa fasal yang ada.

Yang pertama, tentang keistimewaan dan juga kekebalan. Saya kira jumlah semuanya dalam Jadual 4 dan saya dapati keseluruhan keistimewaan dan kekebalan yang diberikan ialah sejumlah 28. Nampaknya untuk membolehkan suatu lembaga itu diwujudkan di Malaysia dan juga sekretariat ini ditubuhkan di Malaysia, kita kena beri banyak keistimewaan.

Pada keseluruhannya, nampaknya keistimewaan-keistimewaan itu adalah munasabah dan harus dilakukan, tetapi hanya ada beberapa yang saya ingin sentuh dan mungkin ada pandangan-pandangan daripada pihak kerajaan tentang aspek-aspek ini.

Yang pertama ialah di bahagian Seksyen 7(3) di mana ada disebutkan bahawa keistimewaan-keistimewaan dan juga kekebalan ini hendaklah dibuat selepas berunding dengan Menteri Luar Negeri. Jadi, saya pun kurang faham apakah maksud ini. Adakah ini bertujuan untuk memastikan orang-orang yang tidak diingini itu tidak diberi keistimewaan ini dan tidak disambut ke Malaysia dan tidak juga dialu-alukan ke sini sebagai pegawai Lembaga ataupun untuk bekerja di bawah urusan Lembaga.

Kalau itu takrifan yang betul, maka saya nampak tidak ada peruntukan di dalam akta ini di mana boleh menghadkan atau menyekat orang-orang berkenaan supaya datang ke sini. Saya baca dalam peruntukan itu dan nampaknya tidak ada. Selepas berunding dengan Menteri Luar Negeri, kalau Menteri Luar Negeri itu tidak bersependapat, maka apa yang boleh dilakukan dan bagaimana kita dapat menyekat orang-orang berkenaan supaya tidak berkhidmat di sini dan tidak diberi keistimewaan-keistimewaan itu. Jadi, itu ialah satu daripada pertanyaan.

Yang kedua di bawah Seksyen 8(c) itu di mana keistimewaan-keistimewaan dan juga kekebalan itu dikecualikan kalau didapati perkara-perkara tertentu akan menjejaskan kepentingan negara Malaysia iaitu di bawah Seksyen 8(c). Bagi saya ini sangat sesuai dan harus kita adakan dalam rang undang-undang ini kerana kita mesti memastikan bahawa sungguhpun kita sangat mengalu-alukan lembaga ini ditubuhkan di Malaysia dan Sekretariat itu ditempatkan di Malaysia, kita tidak boleh melelong kepentingan kita dan kepentingan Malaysia itu mesti diutamakan dan lebih baik kalau kita mementingkan kepentingan kita daripada mengadakan lembaga di sini, kalau kita kena pilih lebih baik kita pilih kepentingan negara dan tidak pilih mengadakan lembaga di sini. Jadi Seksyen 8(c) itu saya dapati sangat sesuai.

Kemudian saya ingin tanya tentang Seksyen 10 kerana ada sedikit keraguan. Seksyen 10 ialah berkenaan dengan satu kuasa. Saya baca kuasa atau *power to appoint Attorney* dan saya telah lihat juga terjemahan seksyen ini di dalam bahasa Malaysia disebut 'kuasa untuk melantik wakil' dan versi bahasa Inggeris kata, *power to appoint Attorney*.

Jadi saya telah semak beberapa kamus bahasa Inggeris tentang perkataan "*attorney*". *Webster's Dictionary* menyatakan, "*one legally authorized to act for another or a qualified practitioner of law or a lawyer*". *Oxford Advanced Learner's Dictionary* menyatakan, "*person appointed to act for another in business or legal matters or lawyer especially one qualified to act as attorney*" dan *Macmillan English Dictionary* menyatakan *a lawyer*.

Jadi kalau kita baca ini dan kita mentakrifkan *attorney* ini sebagai seorang peguam, maka dengan keistimewaan-keistimewaan yang disebutkan dalam Seksyen 10 itu, saya bimbang sama ini akan bercanggah dengan *Legal Professions Act* kita. Memandangkan keadaan-keadaan tertentu, peguam-peguam kita sendiri tidak boleh bertugas di Sabah dan juga di Sarawak.

Peguam kita sendiri dari Peninsula Malaysia ini tidak dapat bekerja di Sabah dan Sarawak tanpa mendapat kelulusan tertentu dari sana dan dipanggil ke *bar* di sana. Kalau kita sendiri di sini membuka ruang untuk peguam-peguam kerana mereka datang untuk berkhidmat dalam lembaga ini adakah ini bercanggah dengan akta-akta yang kita ada pada masa ini dan selalunya apabila kita membahaskan peguam-peguam kita juga supaya Majlis Peguam kita juga ada sekatan-sekatan tertentu dan tidak membenarkan peguam-peguam dari luar datang sini bertugas dan setiap daripada permohonan itu telah melalui Mahkamah Tinggi dan kena dapat persetujuan khas sebelum mereka dapat bertugas.

Jadi kalau kita ada Seksyen 10, saya bimbang sama ada itu ada bercanggah dengan peruntukan-peruntukan undang-undang yang sedia ada. Jadi itulah komen saya dan pada keseluruhannya saya mengalu-alukan penubuhan lembaga ini di Malaysia tetapi keistimewaan-keistimewaan itu harus dikaji dengan baik khasnya apa yang saya sebutkan dalam Seksyen 10 itu. Saya menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Jemput Yang Berhormat Datuk Mansor.

**5.20 ptg.**

**Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar:** Pendek sahaja, saya cuba pendekkan. Terima kasih Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk turut membahaskan Rang Undang-undang Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam 2002.

Tuan Yang di-Pertua, sepintas lalu mungkin juga kita akan melihat bahawa penggubalan undang-undang ini sebagai satu kuasa untuk memberikan landasan kepada Bank Negara Malaysia melibatkan diri secara langsung untuk turut mencorakkan penubuhan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam, sebuah badan baru yang akan menetapkan piawai antarabangsa bagi perbankan dan kewangan Islam.

Sebagaimana yang kita dimaklumkan dan sebagaimana yang telah disebutkan oleh rakan saya tadi, Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Dr. Zeti Akhtar telah pun dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pemandu bagi melaksanakan persediaan untuk perasmian dan penubuhan LPKI ini ataupun IFSB ini dan kita mengucapkan tahniah kepada Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Dr. Zeti Akhtar di atas pelantikan tersebut.

Kita turut berasa bangga dengannya kerana sekali lagi terbukti bahawa Malaysia di bawah pemerintahan Barisan Nasional sekali lagi mendapat kepercayaan dan pengiktirafan dunia khususnya negara-negara Islam.

Tuan Yang di-Pertua, pelantikan Malaysia sebagai negara tuan rumah dan keinginan negara-negara Islam yang lain supaya Malaysia memainkan peranan yang lebih aktif dalam pasaran kewangan Islam secara global merupakan satu peluang keemasan yang tidak boleh kita persia-siakan. Apatah lagi memandangkan kedudukan kewangan antarabangsa masa kini yang tidak begitu stabil, tentulah memberikan alasan yang kukuh kepada Malaysia untuk mencari satu sistem kewangan alternatif sebagai *safety net* dan sebenarnya sistem kewangan Islam ini bolehlah dikatakan mempunyai potensi yang cukup besar.

Ini terbukti dengan jelas apabila kita melihat perkembangan dana-dana yang diuruskan oleh institusi perbankan dan kewangan Islam sekarang ini sebagaimana yang dimaklumkan tadi di mana dana-dana tersebut kini menyumbang lebih kurang AS\$180 bilion di seluruh dunia. Di Malaysia sendiri perbankan Islam merupakan 8.2% atau RM58.9 bilion daripada sektor perbankan keseluruhannya dengan pertumbuhan ketara dilihat berbanding tahun 2001. Kita mengharapkan bahawa Lembaga ini akan dapat merumuskan satu piawaian yang baru dengan menyelaraskan dan menerima pakai piawaian terbaik yang sedia ada bagi amalan-amalan perbankan dan kewangan agar ia dapat menyumbang kepada keyakinan dan kewibawaan sistem itu sendiri bagi membuka jalan ke hadapan kepada pembangunan globalnya dengan lebih teratur.

Kita melihat perkembangan ini sebagai *inline* dengan hasrat dan saranan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri untuk menggunakan dinar emas bagi sistem mata wang perdagangan antarabangsa. Walaupun begitu, Tuan Yang di-Pertua, usaha-usaha gigih harus dilakukan segera dengan lebih terancang dan lebih teratur supaya sistem ini dapat diperluas lagi bukan sahaja merangkumi kewangan dan pasaran saham tetapi juga kepada perdagangan sama dalam negeri ataupun luar negeri. Bagi menjayakan saranan tersebut maka perlulah meyakinkan orang ramai bukan sahaja di kalangan orang-orang Islam tetapi termasuk orang-orang bukan Islam juga bahawa sistem konvensional yang sedia ada tidak akan terjejas dengan perkembangan ini. Bahkan ianya akan membawa lebih kemanfaatan kerana ianya akan bergerak secara *hand-in-hand*, dengan izin.

Keyakinan juga perlu diterapkan dengan jelas bahawa sistem kewangan Islam ini pastinya akan dapat membantu untuk menyeragamkan perjalanan sistem konvensional yang sedia ada itu dengan lebih terjamin, telus dan berdaya maju. Memang benar hari ini kita melihat sudah banyak bank konvensional yang telah mula memperkenalkan sistem kewangan Islam sebagai alternatif, tetapi pendedahannya tidaklah begitu meluas kerana masih terdapat sesetengah pihak itu mempunyai *reservation* barangkali juga kerana maklumat mengenainya tidak begitu jelas dihebahkan terutamanya di kalangan bukan Islam.

Saya percaya jika kempen agresif dilakukan, akan wujud satu kesedaran yang lebih meluas mengenai kebaikan sistem kewangan Islam ini. Dan pastinya ketika itu akan memudahkan pelaksanaan sistem tersebut secara menyeluruh. Justeru kita akan melihat bahawa perkembangan ini selari dengan objektif penyertaan Malaysia dalam LPKI sebagai penggerak utama yang mempunyai keyakinan dan kewibawaan dalam perkembangan sistem tersebut untuk membuka jalan ke hadapan bagi pembangunan globalnya dan ini bertepatan dengan peranan yang akan dimainkan Bank Negara Malaysia dalam pertumbuhan tersebut di mana menerusi Malaysia akan mempunyai peluang yang luas untuk menyumbang ke arah pembangunan perbankan dan kewangan Islam sedunia.

Walau bagaimanapun, di dalam negara kita sendiri telah kita mulakan ada beberapa masalah terdapat dan isu-isu yang sedang berbangkit sekarang ini di antaranya ialah kita menghadapi kerugian menerusinya dalam pelaksanaan mudarabah dan musyarakah ini kerana pelanggan-pelanggannya lari. Ianya berlaku kerana hari ini mungkin terdapat orang Islam sudah lupa aspek besar untuk hidup sebagai umat Islam. Walaupun aspek ibadahnya tidak boleh dipersoalkan, tetapi dalam soal kewangan ini, soal amanah yang menjadi persoalan utama dan yang malangnya lagi, barangkali publisitinya amat kurang untuk menarik minat pihak pelanggan kerana kita memikirkan dalam hal ini yang dilakukan kebanyakan dalam bahasa Malaysia tetapi ada cadangan-cadangan supaya penjelasan dan penerangan dan pendedahan ini dengan menggunakan bahasa Inggeris.

Selain daripada itu, para profesional sistem ini juga tidak begitu menonjol di Malaysia, seperti Sheikh Mizan Yakuti, seorang penasihat syariah di Dow Jones, selain daripada itu Dr. Daud Bakar yang terkenal di United Kingdom dan di US serta terlibat dengan Majlis Syariah Bank Negara sendiri dan barangkali kita ada mempunyai seorang yang pakar juga Hajah Rohani, seorang yang dikenali di negara kita namun di Malaysia ini sendiri kita tidak berapa mengetengahkan beliau. Maka itu, banyaklah salah faham telah berlaku dan bagi mengetengahkan sistem perbankan Islam dan memulihkan salah faham di dalam sistem ini, kemahiran bahasa Inggeris yang baik amat diperlukan agar pengetahuan yang berkaitan mudah disebarkan kepada masyarakat selain daripada masyarakat Islam dan langkah lain untuk meluaskan sistem perbankan Islam ini melalui Islamisasi ilmu. Jadi, dengan kata-kata itu, saya turut

menyokong untuk meluluskan Rang Undang-undang Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam 2002 ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dijemput Yang Berhormat Tuan Hashim bin Ismail, Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan untuk menjawab.

**5.29 ptg.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Hashim bin Ismail]:**

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana mengizinkan saya untuk mengulas serba sedikit tentang isu-isu yang disentuh oleh tiga orang Ahli Yang Berhormat iaitu Yang Berhormat Datuk Nor Azah, Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng dan Yang Berhormat Datuk Mansor. Saya terlebih dahulu mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Nor Azah kerana mempunyai pengetahuan yang luas tentang sistem perbankan Islam di peringkat dunia, peringkat antarabangsa dan tahniahlah dan terima kasih Yang Berhormat dan maklumat yang diberikan memberikan juga input kepada kami semua.

Dan saya cuma hendak menyentuh tentang apa yang dikomen oleh Yang Berhormat Datuk Nor Azah iaitu tentang pemilihan Malaysia sebagai tuan rumah kepada Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam antarabangsa, dan ini merupakan suatu pengiktirafan yang cukup tinggi oleh negara-negara Islam dunia terhadap kemampuan dan keupayaan Malaysia dalam mengendalikan sistem perbankan Islam. Tadi walaupun Yang Berhormat katakan kita bukanlah negara yang pertama tetapi dalam beberapa aspek tertentu kita mendahului kebanyakan negara Islam yang lain.

Jadi, ini adalah kerana kegigihan dan kemampuan serta komitmen yang cukup tinggi di peringkat kerajaan negara kita untuk memastikan bahawa sistem perbankan Islam bukan sahaja wujud tetapi dilaksanakan dengan penuh sempurna. Dan kerana itulah maka negara-negara Islam yang lain memberi penghormatan kepada Malaysia untuk menjadi tuan rumah dan bukan senang untuk hendak mendapat pengiktirafan seperti ini jikalau tidak kerana keyakinan dan prestasi kita yang cukup baik dan ini kita mengucapkan syukur kepada Allah kerana pemimpin negara kita berpandangan jauh, kita tidak hanya bercakap tentang Islam tetapi kita melaksanakannya tanpa gambar-gembur, tanpa 'gempak'lah orang kata.

Kita telah menyediakan asas perbankan Islam yang cukup konkrit di negara ini, jadi kerana itu kita harus bersyukur dan berterima kasih kepada pemimpin kita dan ini juga dapat kita saksikan daripada kepesatan perkembangan. Yang Berhormat Datuk Nor Azah ya, mengikut statistik yang terkini pada akhir bulan Mac 2002 berhubung dengan perbankan Islam di Malaysia, aset kita telah mencapai kepada RM63 bilion, deposit meningkat kepada RM51 bilion dan pembiayaan RM30 bilion.

Dan dalam ini disertai juga oleh mereka yang bukan beragama Islam lebih-lah lagi dari segi pinjaman iaitu pembiayaan dan kebanyakan non muslim mereka bersama-sama secara aktif menyertai kegiatan pinjaman melalui sistem perbankan Islam. Oleh kerana itu, kita berbanyak-banyak syukur kepada Allah di atas kemampuan negara kita untuk mewujudkan sistem perbankan Islam yang cukup baik dan sempurna.

Yang Berhormat Datuk Nor Azah juga ingin tahun tentang keahlian IFSB dan peranan IDB. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keahlian ini akan terbuka kepada semua *central bank* yang mengawal selia perbankan Islam di negara masing-masing. Setiap ahli anggota termasuk juga IDB perlu menerima pakai standard yang akan dikenakan oleh IFSB supaya sistem perbankan Islam mencapai standard atau piawaian-piawaian antarabangsa. Itu untuk menjawab Yang Berhormat Datuk Nor Azah. Untuk Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng, beliau menyatakan kekebalan dan keistimewaan yang diberikan adalah munasabah cuma beliau bertanya mengapa perlu berunding dengan Menteri Luar Negeri.

Sebenarnya Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng, kekebalan dan keistimewaan yang diberikan itu adalah supaya IFSB setaraf dengan organisasi antarabangsa yang lain kerana keistimewaan yang boleh diberikan adalah selari dengan keistimewaan yang boleh diberikan di bawah undang-undang yang sedia ada iaitu Akta Organisasi Antarabangsa Keistimewaan dan Kekebalan 1992. Setakat ini ada lapan buah organisasi yang menerima kekebalan dan keistimewaan ini dan terletak di bawah pengawalseliaan Menteri Luar Negeri.

Jadi oleh kerana ini juga merupakan penglibatan negara-negara dunia antarabangsa maka pandangan kita perlu merujuk kepada Menteri Luar Negeri supaya kekebalan ini, keistimewaan ini setaraf dengan lapan buah organisasi lain yang telah dan sedang menikmati keistimewaan dan kekebalan ini tetapi berada di bawah kawal selia Menteri Luar Negeri.

Di antara badan-badan itu Yang Berhormat Datuk, ingin saya sebut:

- (i) Islamic Corporation for the Development of Private Sector; ini juga badan yang menerima kekebalan tetapi di bawah kawal selia Menteri Luar Negeri;
- (ii) Association of Natural Rubber Producing Countries;
- (iii) International Natural Rubber Organisation;
- (iv) International Center for Living Aquatic Resources Management;
- (v) Asia Pacific Institute for Broadcasting Development;
- (vi) International Federation of Red Cross and Red Crescent Societies;
- (vii) International Plant Genetic Resources Institute; dan
- (viii) South International Trade and Technology Data Exchange.

Jadi supaya IFSB ini selaras dengan badan-badan, lapan badan di bawah kawal selia yang menerima kekebalan dan keistimewaan ini di bawah kawal selia Menteri Luar Negeri, maka dengan itu dalam konteks ini juga, oleh kerana ia melibatkan negara-negara antarabangsa, negara luar, maka kita perlu merujuk kepada Menteri Luar Negeri. Seterusnya tadi Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng, '*appointment of Attorney*', adalah bertujuan untuk melantik wakil bukannya peguam, bukan peguam Yang Berhormat '. Seperti *Power of Attorney* dan naskhah bahasa Malaysia adalah jelas merujuk kepada wakil sekiranya undang-undang ini memerlukan perlantikan peguam di negara Malaysia, ianya digunakan sebagai '*advocate solicitor*' dan bukannya '*attorney*' yang dimaksudkan sebagai peguam dalam konteks ini.

Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng juga menyebut tentang seksyen 10, adakah penggunaan perkataan '*attorney*' yang jika dirujuk dalam kamus bermaksud peguam, perkataan '*attorney*' yang digunakan dalam konteks ini tidaklah bermaksud peguam sahaja, tetapi merujuk kepada wakil yang mempunyai kuasa undang-undang. Menurut terma yang dipersetujui antara IFSB dan wakil yang dilantik. Ini adalah selaras dengan penggunaan perkataan '*attorney*' seperti yang digunakan dalam *Power of Attorney Act* yang memberi kuasa kepada mana-mana orang untuk melantik mana-mana orang lain bagi menjalankan apa-apa tugas bagi pihaknya dan ini sah menurut *Power of Attorney Act* tersebut.

Akhir sekali ialah Yang Berhormat Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar, beliau hanyalah memberi komen secara umum dan saya amat berterima kasih kepada Yang Berhormat Datuk kerana turut serta dalam perbincangan ini dan apa-apa perkara Yang Berhormat Datuk bangkitkan tadi seperti, dia kata Al-Mudarabah, musyarakah - pelanggan-pelanggan lari, saya pun tidak faham maksudnya dia.

Mungkin kerana orang Islam sendiri belum ada kesedaran tentang betapa pentingnya mereka bersama-sama menjayakan perbankan Islam ini. Insya-Allah dari semasa ke semasa berpandukan kepada pertambahan aset, pinjaman dan juga deposit yang saya sebutkan tadi. Ini saja telah membuktikan bahawa masyarakat semakin yakin kepada perbankan Islam di Malaysia.

Dengan komitmen yang tinggi daripada kerajaan dan dengan adanya wujudnya IFSB di Malaysia saya rasa masyarakat Islam dan bukan Islam akan terus memberikan keyakinan kepada sistem perbankan Islam di mana Malaysia telah, dalam *certain* aspek telah mendahului negara-negara lain. Saya rasa kebimbangan Yang Berhormat Datuk itu mungkin terlalu awal untuk kita mengatakan ragu ataupun kita bimbang. Kita merasa bimbang terhadap *concern* yang ditunjukkan oleh Yang Berhormat Datuk dan kita mempunyai satu pandangan yang optimis bahawa perbankan Islam di Malaysia akan dapat meraih kejayaan yang ingin kita capai bersama.

Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa

**Fasal-fasal 1 hingga 10** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

**Jadual** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## RANG UNDANG-UNDANG

### PEMBERIAN MENGIKUT BILANGAN ORANG 2002

#### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.45 ptg

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Hashim bin Ismail]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya rang undang-undang bertajuk suatu Akta untuk meminda Peruntukan Bahagian I Jadual Kesepuluh Perlembagaan Persekutuan dibacakan kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan pindaan Perlembagaan Persekutuan Jadual Kesepuluh Bahagian I mengenai pemberian mengikut bilangan orang atau *capitation grant* adalah untuk menerima pakai kadar baru pemberian mengikut bilangan orang yang akan berkuat kuasa pada 1 Januari 2002. Pemberian Kerajaan Persekutuan pada kerajaan negeri adalah berbentuk *outright grant* yang bertujuan untuk membantu kerajaan-kerajaan negeri membiayai perbelanjaan mengurus tahunan seperti mana yang dibenarkan di bawah Perkara 109 Perlembagaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, struktur pemberian semasa dengan kadar yang diguna pakai sekarang adalah berdasar kepada Akta Pemberian Mengikut Bilangan Orang 1993 Akta 503/93 yang telah berkuat kuasa mulai 1 Januari 1992 seperti berikut:

- (i) 50 ribu pertama – RM60.00 seorang;
- (ii) 500 ribu selepas 50 ribu – RM8.50 seorang;
- (iii) 500 ribu selepas 550 ribu – RM9.00 seorang;
- (iv) baki selepas 1,000,050 – RM950 seorang;

Struktur kadar baru pula, mengikut Majlis Kewangan Negara (MKN) 2001 yang telah diadakan pada 12 Disember 2001 telah bersetuju supaya kadar semasa di atas dipinda dengan kadar baru untuk diguna pakai mulai tahun 2002. Kadar baru yang telah dipersetujui adalah seperti berikut:

- (i) 100 ribu pertama – RM72.00 seorang;
- (ii) 500 ribu selepas 100 ribu – RM10.20 sen seorang;
- (iii) 500 ribu selepas 600 ribu – RM10.80 sen seorang;
- (iv) Baki selepas 1,100,000 – RM11.40 sen seorang.

Cadangan kadar baru ini akan melibatkan implikasi seperti berikut:

- (i) pemberian perkapita kepada semua negeri akan meningkat secara purata daripada RM10.60 sen kepada RM14.54 sen atau 37.2 %. Peningkatan ini memberi sedikit kelebihan kepada negeri yang mempunyai penduduk yang kecil jika dibandingkan dengan negeri yang mempunyai penduduk yang lebih ramai.
- (ii) kadar baru yang dicadangkan ini akan melibatkan implikasi kewangan sebanyak RM316.7 juta setahun berbanding dengan kadar pemberian semasa sebanyak RM230.9 juta, iaitu peningkatan perbelanjaan sebanyak RM85.8 juta setahun atau 37.2 %. Jumlah ini akan meningkat seiring dengan pertambahan penduduk di setiap negeri.

Tuan Yang di-Pertua, kadar baru yang dipersetujui ini bertujuan untuk meningkatkan jumlah pemberian tahunan yang dapat membantu menampung perbelanjaan mengurus setiap kerajaan negeri yang semakin meningkat. Negeri Perlis mencatatkan peratusan peningkatan yang paling tinggi sebanyak 91.6%. Sementara Johor mendapat pertambahan yang paling banyak sebanyak RM8.6 juta. Kelantan menerima tambahan sebanyak RM5.8 juta manakala Terengganu menerima sebanyak RM5.1 juta.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu, pertimbangan ke atas pemberian ini telah juga mengambil kira perkara-perkara berikut:

- (i) selain pemberian mengikut bilangan orang Kerajaan Persekutuan juga menyediakan peruntukan tahunan dalam bentuk pemberian *grant* kepada setiap kerajaan negeri yang termasuk *grant* jalan raya, tahap senarai bersama, bayaran perkhidmatan, pertambahan hasil dan pemberian tahunan kepada pihak berkuasa tempatan. Jumlah pemberian pada tahun 2000 adalah sebanyak RM1.67 bilion;
- (ii) kerajaan negeri masih mempunyai tunggakan hasil yang tinggi iaitu sebanyak RM1.7 bilion pada tahun 2000. Tindakan perlu diambil untuk mengurangkan tunggakan hasil dan seterusnya meningkatkan aliran tunai setiap kerajaan negeri; dan
- (iii) persetujuan Kerajaan Persekutuan untuk menjadualkan semula pinjaman kerajaan negeri bagi projek-projek yang berdaya maju tetapi bermasalah kewangan. Langkah ini dijangka akan membantu mengurangkan perbelanjaan dan seterusnya meningkatkan aliran tunai kerajaan negeri.

Tuan Yang di-Pertua, pelaksanaan dasar baru ini merupakan salah satu usaha Kerajaan Persekutuan untuk membantu kerajaan negeri memperkemas pengurusan kewangan serta meningkatkan kemudahan untuk faedah rakyat di semua negeri. Bagi melaksanakan serta menguatkuasakan kadar baru ini, Jadual Kesepuluh Bahagian 1 Perlembagaan Persekutuan perlu dipinda untuk membolehkan kadar pemberian kepada negeri-negeri dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat masalah di hadapan Majlis ialah Rang undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Peruntukan

Bahagian 1, Jadual Kesepuluh kepada Perlembagaan Persekutuan dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan. Di jemput Yang Berhormat Datuk Nor Azah.

**5.50 ptg.**

**Datuk Nor Azah binti Awin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengambil bahagian dalam membahaskan Rang undang-undang yang bernama Akta Pemberian Mengikut Bilangan Orang 2002 ini atau dengan izin, ingin saya merujuk kepada *capitation grant*.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya difahamkan sebagai *capitation grant* adalah bentuk bantuan kewangan secara terus atau secara *grant* yang diberi oleh Kerajaan Pusat kepada kerajaan negeri dan nilai kewangan ini bergantung kepada kadar yang ditetapkan mengikut Perlembagaan bergantung kepada bilangan penduduk dalam sesebuah negeri. Di sini saya ingin mengucapkan syabas kepada Kerajaan Barisan Nasional iaitu Kerajaan Pusat yang telah menunaikan tanggungjawabnya kepada kerajaan-kerajaan negeri termasuk negeri-negeri yang ditadbirkan oleh pihak pembangkang.

Saya rasa sudah sampai masanya kadar nilai *capitation* tersebut dikaji semula memandangkan kos semasa yang telah pun meningkat. Untuk membantu kerajaan-kerajaan negeri secara amnya maka kadar nilai *capitation* ini juga patut dinaikkan setimpal dengan kos semasa supaya pihak kerajaan negeri boleh melaksanakan projek-projek dan apa juga perbelanjaan dengan lebih bermakna dan berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, jika kita lihat dari hasil-hasil kerajaan negeri, pihak negeri hanya boleh mengutip hasil secara terus dari segi hasil-hasil yang berkaitan dengan tanah dan air sahaja. Punca-punca yang lain daripada ini akan menjadi hasil terus menerus kepada pihak Kerajaan Persekutuan. Maka dari segi kutipan khazanah negeri, kutipan kerajaan negeri untuk khazanah mereka, mereka hanya mendapatkan hasil daripada tanah dan air sahaja seperti yang saya sebutkan itu.

Sementara itu kerajaan negeri juga terus mempunyai tanggungjawab untuk membangunkan negeri sendiri dan menanggung kos pentadbiran. Maka dari segi ini kita patut lihat berapa sukar kerajaan negeri untuk melaksanakan pentadbiran dan pembangunan tanpa sokongan dan kerjasama Kerajaan Persekutuan.

Maka dari sini kita dapat perhatikan betapa mustahaknya kerajaan negeri mendapat kerjasama penuh dari kerajaan Persekutuan supaya pelaksanaan pentadbiran dan pembangunan kerajaan-kerajaan negeri dijalankan dengan licin. Adalah wajar dan mustahak maka itu pengundi-pengundi di negeri-negeri memastikan bahawa parti yang menerajui negeri itu adalah sama dengan parti yang menerajui Persekutuan supaya kerjasama ini dapat dieratkan dan terus demi untuk pembangunan rakyat.

Saya dalam pada itu ingin mendapat pandangan daripada pihak kementerian kekerapan pindaan sebegini berlaku kerana pindaan ini adalah bergantung kepada dua asas iaitu pertama, mengikut bilangan orang; dan kedua, sepatutnya juga berasas kepada kenaikan kos sara hidup atau *consumer price index*. Adakah dengan itu pihak kerajaan akan membuat pindaan secara *regular* atau apa-apa yang dalam perancangan? Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dijemput Yang Berhormat Dato' Dr Chin Fook Weng.

**5.54 ptg**

**Dato' Dr Chin Fook Weng:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin menyokong pindaan kepada Jadual Kesepuluh Perlembagaan Persekutuan melalui Akta Pemberian Mengikut Bilangan Orang 2002 ini. Tadi saya telah membuat pengiraan dan juga dimaklumkan bahawa bagi setiap orang lebih kurang RM3.00 lebih sahaja iaitu kenaikan kurang daripada RM4.00, lebih kurang RM3.70 dan itu pun sejak tahun 1992 kerana kadar yang lama itu ialah pada 1 Januari 1992. Sepuluh tahun kemudian bagi pentadbiran kita menaikkan lebih RM3.70 sen bagi setiap orang.

Sungguhpun dari segi peratusan itu 37% lebih, nampaknya begitu besar tetapi dari segi amaun nampaknya begitu kecil. Untuk menjayakan sistem Persekutuan atau *Federal System* maka

pemberian-pemberian semacam ini harus dikaji bukan dalam satu tempoh yang begitu panjang tetapi kerap kena dikaji semula untuk menyesuaikan kepada keadaan. Kalau tidak nampaknya banyak daripada usaha kerajaan negeri itu hanya melalui pinjaman-pinjaman, tetapi kita tahulah pinjaman kena dibayar balik, pinjaman juga dikenakan faedah dan sebagainya. Sungguh pun *soft loan*, *hard loan*, semua itu kita kena bayar balik dan kita kena tambah juga faedah dan sebagainya.

Jadi, melalui cara *capitation grant* ini nampaknya satu sumber kewangan yang akan membantu sesuatu pentadbiran. Saya ingin membandingkan sedikit dengan sistem yang diamalkan di Germany. Di Germany, sistem pemberian *capitation grant* itu bagi saya adalah satu sistem yang lebih munasabah, dari segi amalan mungkin lebih moden dan sebagainya. Untuk menghuraikan sistem itu akan mengambil masa yang panjang dan saya harap pihak Kementerian Kewangan akan mengkaji sistem itu.

Kalau dirasai apa yang saya sebut itu betul maka mungkin perkara-perkara tertentu itu boleh diambil kira dan kita boleh kemaskinikan sistem kita supaya satu pemberian yang lebih adil dapat kita lakukan. Saya harap pindaan kemudian tidak perlu menunggu 10 tahun. Mungkin 5 tahun dari sekarang, kita haraplah kita layak dan juga upaya untuk membuat satu pemberian yang lebih.

Dengan itu, sungguhpun sedikit saya juga mengalu-alukannya dan saya memberi sokongan saya. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Jemput Yang Berhormat.

**5.57 ptg.**

**Tuan Hashim bin Ismail:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Nor Azah dan juga Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng yang sudi membahaskan rang undang-undang ini iaitu pertambahan *capitation grant* kepada negeri-negeri. Saya ingin merujuk kepada kedua-dua Ahli Yang Berhormat, nampaknya kedua-dua mereka macam tidak begitu berpuas hati dengan pemberian ini. Mungkin dia kata amaunnya sedikit, tidak begitu besar.

Tetapi walau pun begitu, seperti yang saya sebut tadi, ini melibatkan peningkatan pemberian sebanyak RM85.8 juta. Walau pun kita telah lama tidak dikaji sejak 1992 sehingga sekarang, seperti Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng katakan tetapi kerajaan telah mengambil keputusan untuk mengkajinya semula dan implementasinya akan berlaku pada Januari tahun ini dengan kadar yang telah saya sebut sebentar tadi. Untuk makluman Yang Berhormat berdua, di samping pemberian *capitation* ini, Kerajaan Persekutuan juga ada memberi pemberian-pemberian lain kepada kerajaan-kerajaan negeri. Misalnya, untuk menyelenggarakan jalan, pemberian ikut tahap pembangunan. Ada lapan atau sembilan jenis pemberian Kerajaan Persekutuan kepada kerajaan negeri.

Negeri-negeri yang tahap pembangunannya rendah misalnya Kelantan, kita berikan lebih dalam pemberian mengikut tahap pembangunan ini. Misalnya, negeri Kelantan sebuah negeri yang tidak begitu maju setanding dengan negeri-negeri lain di Malaysia, pada tiap-tiap tahun kebelakangan ini, Kelantan menerima sebanyak RM25,980,000; yang tertinggi sekali. Oleh kerana kita memberi berdasarkan kepada tahap pembangunan negeri yang agak rendah tahap pembangunannya, maka kita beri bantuan lebih daripada negeri-negeri lain, RM25,980,000. Dua, tiga tahun kebelakangan ini paling tinggi Kelantan menerima bantuan tersebut.

Kedua, di samping itu Yang Berhormat Dato', jikalau Kerajaan Persekutuan mempunyai lebihan pendapatan tiap-tiap tahun, kita panggil dia "*revenue sharing*". Ertinya kita balikkan semula *revenue* atau pun pendapatan yang kita perolehi ini kepada kerajaan-kerajaan negeri.

Misalnya, lagi sekali saya hendak rujuk kepada Kelantan kerana Kelantan adalah satu contoh yang klasik kerana dia lebih mundur daripada negeri-negeri lain. Tahun 2001, Kelantan menerima sebanyak RM29 juta lebih, ertinya di sini bahawa kerajaan tidak hanya memberi *capitation grant* dalam bentuk geran berdasarkan kepada berapa ramai penduduk tetapi ada beberapa jenis pemberian lain kepada kerajaan negeri dan berdasarkan kepada tahap pembangunan negeri itu masing-masing.

Tadi kata Yang Berhormat Datuk Nor Azah supaya kenaikan kos sara hidup dan sebagainya, ini diambil kira juga. Iaitu ertinya kalau negeri itu tahap pembangunannya rendah kita akan beri lebih, tidak kira sama ada berlainan ideologi, sama ada mereka diperintah oleh pembangkang atau pun tidak, kita berikan mengikut dasar yang saksama, adil. Negeri yang mundur kita beri lebih. Kalau kita dapat pendapatan yang lebih, kita *share revenue* itu, pendapatan itu kepada semua negeri dan kalau tahap pembangunannya rendah, kita beri yang lebih, paling tinggi. Jadi, kerana itu saya rasa setakat ini pemberian yang diberikan oleh kerajaan mengikut Perlembagaan negara kita agak adil.

Walau pun begitu kerajaan sebagai kerajaan yang pengasih, yang pragmatik, sudah tentu kerajaan akan mengkaji dari masa ke semasa. Walau pun sudah lama 10 tahun, Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng kata kalau boleh 5 tahun, dan ini kita serahkan kepada kerajaan. Kerajaan sentiasa sahaja prihatin dan mendengar rintihan rakyat termasuk Yang Berhormat Ahli-ahli Senator semua dan saya rasa sebagai sebuah kerajaan yang pragmatik, kerajaan akan mengkaji pandangan-pandangan ini dari masa ke semasa. Jadi, saya rasa itu sahaja yang disentuh oleh kedua-dua Ahli Yang Berhormat. Tadi hendak dicontoh Jerman, saya tidak tahu sama ada sistem feudalisme Jerman, tetapi lebih kurang konsep feudalisme itu sama. Cuma mungkin dari segi pengagihan itu mungkin ada sedikit berbeza dan ini kita akan kaji dari masa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa saya telah sentuh sedikit sebanyak isu-isu yang dibangkitkan oleh kedua-dua Ahli Yang Berhormat. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada kedua-dua Ahli Yang Berhormat dan juga tahniah kepada negeri-negeri yang mendapat imbuhan yang lebih bermula daripada tahun ini dan mudah-mudahan wang itu akan dapat digunakan sebaik-baiknya untuk manfaat rakyat setiap negeri masing-masing. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Hashim bin Ismail, Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan yang telah mendengar dengan teliti bersama-sama dengan pegawai-pegawai yang lain selama tiga hari, dan hari ini telah menjawab. Ada juga yang tertinggal, minta maaf, oleh kerana banyak sangat agaknya.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

**Fasal-fasal 1 hingga 2** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

**Pendahuluan** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, kita telah bahaskan semua aturan-aturan urusan mesyuarat dan usul-usul kali ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat, kita telah pun sampai ke penghujung jalan kali ini, diucapkan selamat balik ke kawasan masing-masing. Insya-Allah jumpa lagi. Saya akhiri dengan serangkap pantun:

*Menulis surat karya sasterawan;*

*Urusan ratu melantik pahlawan;*

*Majlis Mesyuarat Dewan ditangguhkan;*

*Ke suatu tarikh yang belum ditetapkan.*

***Dewan ditangguhkan pada pukul 6.07 petang.***